

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 84

Hari Rabu

17 Disember 1997

K A N D U N G A N**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

Penganiayaan Haram Pihak Polis Terhadap Tujuh
Tahanan di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Seremban

- *Y.B Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)* (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Kaunselor 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 (Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat
(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,
Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J.,
P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul
Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin
Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S.
(Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji
Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin
Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin
Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’
Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji
Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow,
D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey,
P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin
Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael
Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.
(Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.
(Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P.,
P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K.
J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah
(Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P.,
P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.
(Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- Yang Berhormat Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 17 Disember 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(2)****Penganiayaan Haram Pihak Polis Terhadap
Tujuh Tahanan di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Seremban****2.35 ptg.**

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah penganiayaan atau penderaan haram oleh pihak polis, Ibu Pejabat Kontinjen Polis, IPK Seremban ke atas tujuh orang tahanan dengan perbuatan terkutuk, terkeji dan melanggar nilai agama. Dan usul saya berbunyi “bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan majlis mesyuarat ini untuk membincang masalah penganiayaan atau penderaan haram oleh pihak polis Ibu Pejabat Kontinjen

Polis, IPK Seremban ke atas tujuh orang tahanan dengan perbuatan terkutuk, terkeji dan melanggar nilai agama serta kegagalan pihak polis mengambil tindakan keras dan menjaminkan tujuh orang tahanan itu selamat kerana ia adalah satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

Tuan Yang di-Pertua, laporan polis telah dibuat di Balai Polis Seremban, Negeri Sembilan oleh ahli lembaga tujuh orang tahanan iaitu A.P. Ravi a/l Ayampurma, Saravanan a/l Karupiah, Ragumaran a/l Virapan, Johnson a/l Makmani, Nalasambi a/l Ragavan, Ravishankar a/l Nilamcan dan Ravichandran a/l Nadarajan yang dianiayai. Enam laporan polis pada 26 November 1997 adalah Report No. 10686 hingga 10690/97 yang dibuat di Balai Polis Seremban dan satu lagi 10692/97 pada 26 November 1997 yang juga di Balai Polis Seremban dan satu lagi di Balai Polis Rembau, Report No. 871/97 pada 27 November 1997. Dalam laporan polis mereka, ketujuh-tujuh tahanan ini ditangkap pada 14 Oktober 1997 ke Balai Polis Port Dickson. Pada 22 Oktober 1997, Balai Polis Rembau pula mengambilalih siasatan. Pada 31 Oktober 1997, kerana pihak polis tidak ada bukti kukuh untuk membuat dakwaan, ketujuh-tujuh orang tersebut telah pun dilepaskan dengan ikat jamin. Akan tetapi sebaik sahaja mereka dilepaskan di Rembau, mereka ditahan semula oleh IPK Seremban selama seminggu di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah. Pada 7 November 1997, mereka pula dibawa ke Balai Polis Port Dickson untuk ditahan selama 60 hari di bawah Perintah Darurat yang hanya luput pada 5 Januari 1998. Pada 5 Januari 1998, mereka akan tahu sama ada tempoh

tahanan selama dua tahun akan dilanjutkan lebih lama lagi. Dengan kata lain, sehingga sekarang mereka telah pun ditahan hampir dua bulan di bawah pelbagai kuasa polis tanpa dihadapkan ke Mahkamah.

Ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis dengan menafikan hak mereka dibicarakan dengan membuktikan kesalahan mereka. Apa yang lebih serius Tuan Yang di-Pertua, ialah dakwaan oleh ketujuh-tujuh tahanan bahawa mereka telah didera dan dianiayai dengan begitu teruk dan tanpa perikemanusiaan oleh pihak polis. Inspektor Kumaresan, Detektif Vasu dan Detektif Omar daripada IPK Seremban serta Detektif Hamid dari Balai Polis Rembau didakwa telah memukul mereka dengan begitu ganas sehingga bengkak dan berdarah. Di samping itu, mereka juga dipaksa oleh pasukan IPK Seremban tersebut makan cili api dengan garam dan walaupun bermuntah-muntahan dipaksa makan lagi dalam keadaan seperti seekor anjing.

Mengikut laporan oleh isteri A.P. Ravi a/l Ayampurma, Puan Norma binti Yusuf, Inspektor Kumaresan bertanyakan pada 25 November 1997, di Port Dickson, mengapakah suaminya belum bersunat dan adakah kedua-dua anaknya benar-benar zuriat suaminya. Beliau berasa terhina dengan ejekan Inspektor Kumaresan. Yang lebih terkutuk dan terjjik sekali ialah Inspektor Kumaresan, Detektif Vasu dan Detektif Omar telah memaksa mereka melakukan perbuatan sumbang. Mengikut laporan polis, Puan Norma, selepas bertemu suaminya diberitahu suaminya dan enam orang tahanan dipaksa tanggalkan seluar dan meludah pada bahagian sulit serta menyeluruh mereka

melakukan perbuatan terkutuk dan terkeji di antara satu sama lain dengan mulut mereka. Malah Ragumaran a/l Virapan dan Johnson a/l Makmani dipaksa melakukan perbuatan sumbang itu di antara mereka sebanyak dua kali. Selepas laporan polis dibuat oleh ahli keluarga, pada 26 dan 27 November 1997, ahli keluarga tidak dibenarkan berjumpa dengan orang tahanan sehingga sekarang. Ahli keluarga amat bimbang akan keselamatan orang tahanan itu. Malah Inspektor Kumaresan pula, mengugut mereka hanya boleh berjumpa orang tahanan kalau menarik balik laporan polis yang dibuat.

Perkara ini adalah satu perkara tertentu dan berkepentingan orang ramai kerana terdapat satu dakwaan serius tentang penganiayaan melampau dan melanggar nilai keagamaan yang dijalankan oleh pihak polis terhadap orang tahanan. Ia merupakan satu contoh kegagalan pihak polis menegakkan amanah awam, mengatasi masalah jenayah mengikut lunas-lunas undang-undang dan bukan sebaliknya. Aduan oleh ahli keluarga, kalau tidak diuruskan dengan baik, akan menjejaskan keyakinan rakyat terhadap keberkesanan dan imej baik polis sebagai pelindung masyarakat. Perkara ini harus disegerakan supaya ahli keluarga tidak dalam keadaan bimbang dan risau tentang keselamatan tujuh orang tahanan tersebut selepas tidak dibenarkan jumpa mereka selepas aduan dibuat pada 26 dan 27 November 1997. Mereka takut bahawa sebab mengapa mereka tidak dibenarkan berjumpa adalah kerana tidak mahu diketahui bahawa mereka dipukul dan dianiayai dengan lebih teruk lagi oleh pihak polis. Adalah perlu tindakan tegas diambil untuk memastikan keselamatan tujuh orang tahanan serta tindakan keras ke atas perbuatan ini yang hanya menjatuhkan

nama baik dan mencemarkan imej Polis Di Raja Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat ahli daripada kawasan Kota Melaka, pada 17 Disember 1998 jam 2.15 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis mesyuarat hari ini saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah syarat bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Pada hemat saya perkara ini adalah satu kes mahkamah. Ia berkehendakkan pengeluaran bukti-bukti yang kukuh dan saksi-saksi yang memberi penerangan dan saksi-saksi itu hendaklah disoal balas atau cross examination untuk menentukan kesahihannya. Selain dari itu dokumen-dokumen yang sah hendaklah dikemukakan mengikut prosedur yang disahkan oleh undang-undang. Ini adalah cara yang kena dijalankan untuk menentukan kesalahan atau tanggungjawab seseorang. Proses ini akan memakan masa yang panjang dan tidak boleh dijalankan di dalam Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Tindakan mahkamah ini boleh dibuat pada mana-mana masa pun, dan lagi saya diberitahu pihak polis sedang menjalankan siasatan terhadap

laporan polis yang dibuat oleh ketujuh-tujuh keluarga orang tahanan itu. Kesemua orang tahanan yang dikatakan diderakan oleh anggota-anggota polis telah dihantar ke hospital untuk pemeriksaan doktor. Oleh yang demikian perkara ini tidak perlu disegerakan. Yang demikian saya menolak usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[16 Disember 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Tanjong sambung ucapan.

2.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan semalam saya ada kemukakan sepuluh soalan mengenai deal UEM-Renong dan saya harap bahawa dalam masa gulung Yang Berhormat Perdana Menteri boleh memberi jawapan yang sepenuhnya dan yang memuaskan.

Dalam perkara ini masa sudah sampai untuk kerajaan memberi satu penjelasan untuk berhentikan kalam kabut dalam pasaran khususnya mengenai kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Dato’

Dr. Munir Majid pada 5 Disember yang berkata bahawa Suruhanjaya Sekuriti akan menunggu extra ordinary general meeting UEM oleh pemegang-pemegang saham untuk me'retify'kan, mengesahkan rancangan syarikat untuk membeli 32.6% stake dalam syarikat ibunya ialah Renong Berhad sebelum membuat keputusan sama ada ia perlu membuat satu general offer untuk saki-baki pemegang-pemegang saham di Renong.

Dato' Munir yang ada diinterviewkan oleh pemberita ada kata masa itu bahawa kalau EGM pemegang-pemegang saham meluluskan rancangan itu barulah Suruhanjaya akan kaji sama ada waiver yang diberikan oleh Foreign Investment Committee (FIC) perlu dipatuhi atau tidak. Pada hari kemudian, pada 6 Disember seorang spokeswoman Securities Commission bagi menegaskan bahawa Suruhanjaya Sekuriti belum buat keputusan sama ada UEM masih ada waiver mengenai keperluan membuat satu general offer kepada 23% saki-baki pemegang-pemegang saham Renong yang masih sekarang bukan dipunyai oleh sama ada Renong, UEM atau Halim Saad.

Inilah satu kontradiksi kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 25 November dalam kenyataan Menterinya ini mengenai UEM-Renong deal bahawa waiver ditarik balik. Oleh kerana UEM ersama dengan Ketua Renong Tan Sri Halim Saad dan syarikat-syarikat associated Time Engineering Berhad adalah pemilikan yang sejumlah 76.9% dalam Renong.

Saya pernah meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara ini tetapi beliau tidak boleh memberi satu jawapan yang jelas, dia baru kata bahawa memegang kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi tidak rela untuk menegur kenyataan Dr. Munir Majid oleh kerana ia bercanggah, tak boleh dua-dua betul, satu betul satu silap, mana itu silap dan tentulah ini tidak akan membangkitkan kepercayaan dalam pasaran apabila jabatan-jabatan kerajaan atau personaliti-personaliti kerajaan bercanggah. Bercanggah dalam satu isu yang begitu simple sama ada waiver yang diberikan kepada UEM tak perlu buat satu general offer kepada minority shareholder masih terpakai, sama ada ia sudah ditarik balik, sungguhpun selepas diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan atau waiver ini masih terpakai. Satu isu yang sangat simple kenapa ia tak boleh dapat satu pendirian yang tegas oleh kerajaan ini kita tak mahu jawapan - oh ini apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini kita pakai tetapi apa kedudukan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti oleh kerana kenyataan ini dibuat selepas - selepas kenyataan Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Itulah sebab kenapa surat khabar forum mass media adalah menyifatkan ini sebagai satu regulatory haze, satu jerebu dalam pasaran sekuriti yang tentulah memberi satu dengan izin, clouding the mockery UEM-Renong deal.

Kenapa mengharap kita boleh mengatasi ambiguity ini sama ada dapat satu penjelasan yang jelas sungguhpun Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin pada 9 Disember lagi cloud the issue. Oleh kerana beliau kata

bahawa inilah UEM-Renong deal suatu perkara sektor swasta tidak ada berhubung kait dengan kerajaan dan beliau sendiri tidak ada kepentingan dalam deal itu tetapi ini tidak melarang mencegah beliau dari membuat kenyataan, komen bahawa stake UEM dalam Renong tak sampai 33% ialah trigger point di mana menimbulkan keperluan mandatory general offer dibuat dan bahawa kelulusan kebenaran waiver yang diberi kepada UEM ialah kepada UEM sahaja, dan bukan dengan izin, ini concert with other interested parties. Dan ini ia kata satu matter of interpretation dan sungguhpun beliau mengakui kalau related interests semasa saham-saham Ketua Eksekutif Renong Tan Sri Halim Saad diambil kira ini lebih daripada 33% trigger point.

Tetapi beliau berpendapat tak patut bercampur siapa benarkan, who is right? Menteri Kewangan atau Penasihat Ekonomi Negara. Parlimen dan negara patut diberitahulah apa interpretasi yang terpakai oleh kerajaan, sama ada intepretasi Yang Berhormat Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri atau Penasihat Ekonomi Kerajaan, sama ada Yang Berhormat Penasihat Ekonomi sudah over rule Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam perkara ini, over rule beliau dan adakah ini sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak rela datang ke sini kata pendirian yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah apa yang benar bahawa kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Dr. Munir Majid itu salah dan tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya oleh kerana berkali-kali bercanggah dengan Menteri Kewangan. Adakah rela buat begitu, kalau kita rela buat begitu menunjukkan bahawa sebenarnya bahawa Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kenyataannya sudah diover rule revoke oleh Yang Berhormat Penasihat Ekonomi Kerajaan atau oleh lebih dahsyatnya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti yang sebenarnya di bawahnya nampaknya ada kuasa untuk over rule bossnya. Apa keadaan, kita masa satu kenyataan yang tepat.

Adakah pindaan Rang Undang-undang Industri Sekuriti (Pindaan) dan langkah-langkah yang lain semacam package kewangan emergency yang merupakan satu second budget 1998 yang dikemukakan dalam Dewan ini pada 8 Disember boleh mengatasi, boleh menangani masalah pasaran KLSE khasnya mengenai sentimen-sentimen begitu negatif sekarang untuk memulihkan keyakinan pelabur-pelabur pada satu pasaran saham yang begitu battered dengan izin.

Malaysia sekarang menghadapi satu krisis ekonomi, Ringgit kita sudah turun nilai dengan dahsyatnya kepada RM2.50 ke US\$1 beberapa bulan dahulu sahaja kepada hari ini RM3.87 kepada US\$1 sungguhpun semalam jatuh sehingga RM3.92 kepada US\$1. Pasaran saham (indek composite) sudah terjunam daripada 1300 beberapa bulan lalu hampir lebih 500 mata. Pasaran saham kita satu masa sangat tinggi, kita di dalam negara atau di dunia cakap besar yang begitu besar begitu gagah KLSE kita begitu besar. Dan masa itu banyak kaunter disenaraikan, satu minggu beberapa kaunter disenaraikan. Dan apabila disenaraikan hari yang pertama harga saham itu melambung naik beberapa kali ada seratus kali pun berbanding dengan offer price. Dan banyak

saham-saham oversubscribed sampai seratus kali, hundred-fold, itulah masa emas. Sekarang sebaliknya, opening prices sekarang lebih rendah daripada offer price. Ini menjadi sangat biasa opening price saham yang tersenarai lebih rendah daripada harga tawaran. Dan sekarang pun sangat biasa under subscribed tak boleh dapat fully subscribed bukan subscribed seratus kali lebih, tak boleh dapat dan selepas opening prices, selepas dua bulan beberapa bulan harga saham itu jatuh lebih rendah daripada offer price macam Bank Utama jatuh sehingga 1/3 harga tawaran.

Semalam ada satu kaunter baru THB Industries Berhad apabila offer price ialah RM2.56 semalam hari yang pertama bukan pasaran jatuh ke RM1.50. Hari ini lagi satu kaunter baru CNLT (Far East) Bhd. satu syarikat yang membuat yarn dan offer price RM3 tetapi apabila buka pasaran hari ini opening price RM2 turun hingga RM1.59. Inilah fenomena baru dalam pasaran saham Kuala Lumpur di mana dahulu sesiapa yang bernasib baik boleh dapat saham baru dapat keuntungan serta-merta. Sekurang-kurang dua kali tiga kali pasaran harga tawaran pada hari pertama senaraikan itu saham. Sekarang realiti korporat yang baharu ialah siapa yang tidak bernasib baik untuk dapat saham kaunter baru hari pertama, rugi, bukan untung. Hari pertama opening price jatuh lebih rendah daripada offer price, hari pertama rugi itulah senario lanskap korporat yang baharu di negara kita yang menunjukkan sentimen pasaran yang begitu buruk dan negatif.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sentimen pasaran yang buruk negatif ini memang semua diterima. Memang kita tahu, puncanya di mana kita tahu. Tapi Yang Berhormat Ketua Pembangkang seolah-olah memberi gambaran bahawa bila keadaan buruk ini semua kerajaan punya silap. Sebab itulah dia panjang lebar. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa inilah hakikatnya hari ini. Yang Berhormat hanya bercakap. Tetapi, Yang Berhormat tak bagi cadangan satupun apa cadangan daripada Yang Berhormat. Saya nak dengar, semua orang tahu siapa yang dah telah pun lama memohon untuk penyeneraian kebetulan disenarai zaman ini, memang sahamnya tak naik, saya tahu, semua orang tahu. Yang Berhormat sendiri pun tahu, tapi apa dia sumbangannya atau cadangan positif Yang Berhormat di dalam Dewan Rakyat ini supaya DAP dan pembangkang boleh mendakwa bahawa ia bersama-sama memainkan peranan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan krisis yang kita hadapi sekarang. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kita pernah, kita sedang dan kita akan terus memberi cadangan untuk harap membina balik keyakinan kepada ekonomi kita tetapi nampaknya masalah utama ialah “denial syndrome” yang ada di tanah air kita dan tempat pusat ibu pejabat ‘denial syndrome’ ini adalah di tempat di Dewan yang mulia ini di mana Ahli-ahli Parlimen, Barisan Nasional semua menghidap penyakit ini, “denial syndrome”. Bersihkan “perch denial syndrome” ini. Inilah langkah pertama untuk memulihkan keyakinan dan kepercayaan dan kita dalam dua, tiga bulan ini, tugas utama kita ialah harap

untuk 'perch' hapuskan "denial syndrome" ini dan sampai sekarang belum berjaya. Itulah kalau negara kita tidak mahu "perch"kan "denial syndrome", kita sangat sukar untuk memulihkan kepercayaan dan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, adakah kita dengar adakah dalam dua, tiga bulan ini adakah kita dengar sesiapa termasuk Yang Berhormat dari Parit Sulong sebagai Pengerusi BBC pernah mengakui masalah ekonomi khasnya mengakui bahawa kita sendiri, kerajaan kita sendiri ada buat kesilapan sama ada dasar atau langkah-langkah yang ada merumitkan krisis ini semacam "designation hundred stock". Itu salah, tak boleh salahkan George Soros. Adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong rela berdiri kata "on hindsight" O.K. Kalau maksud itu tidak ada "foresight". Sekarang "on hindsight" mengakui itulah langkah yang kita silap, merumitkan, meruncingkan krisis ekonomi. Yang kedua semacam kenyataan beri amaran kepada penganalisa dan wartawan-wartawan kalau tulis rencana-rencana yang "unfavourable" mungkin akan menggunakan ISA. Bukankah ini lagi menjadikan kejatuhan pasaran saham dan kejatuhan kepercayaan. Adakah Yang Berhormat

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti....adakah Yang Berhormat daripada Parit Sulong rela untuk mengakui itulah kesilapan besar yang kedua. Ketiga, UEM-Renong yang mengakibatkan satu kejatuhan yang begitu pesat. Tiga hari lebih daripada 100 mata, tiga hari habis RM70 billion dalam "capitalisation KLSE".

Adakah Yang Berhormat Parit Sulong rela berdiri kata, ini ketiga pun besar? Keempat, adakah Yang Berhormat daripada Parit Sulong rela mengakui bahawa pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai “Land Bridge” lagi satu kesilapan besar? Sama ada beliau sengaja atau tidak sengaja, itu hal yang lain. Kelima, adakah Yang Berhormat daripada Parit Sulong rela mengakui bahawa keputusan FIC mengenai sama ada MRCB atau mengenai “waiver” ini tidak ada konsisten tidak ada mempunyai “transparance” pun menjatuhkan kepercayaan orang ramai, kepercayaan pelabur-pelabur? Keenam, adakah Yang Berhormat daripada Parit Sulong rela mengakui bahawa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu pun satu kesilapan besar? Adakah kalau tidak, bukankah ini menunjuk bahawa sampai sekarang “denial syndrome” masih bermaharajalela dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silapnya Tuan Yang di-Pertua adalah kerana kita mempunyai pembangkang yang negatif pemikiran dia. Adakah Yang Berhormat mahu meanfikan bahawa pihak pembangkang tidak bersikap negatif sekarang ini dan cuba mengeksploitasikan keadaan. [*Tepuk*] Cuba melukut di tepi gantang. Adakah saudara Yang Berhormat Ketua Pembangkang mahu menafikan perkara ini? Kalau tidak dinafikan, bermakna Yang Berhormat tidak dihingapi oleh sindrom penafian. Tetapi kalau saudara menafikan, saudara juga akan dihingapi oleh sindrom penafian. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya dengan Ketua Pembangkang, pernah atau tidak Ketua Pembangkang dalam secara “direct” atau tidak “direct’ pernah

menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah dasar yang menindas. Apabila dinafikan oleh kerajaan waktu itu dia belum dapat permainan kata “denial syndrome”. Sekarang ini terbukti Dasar Ekonomi Baru, dasar yang tidak menindas. Dulu Yang Berhormat Ketua Pembangkang pernah mengatakan sama ada secara “direct” atau menerusi “inferences” bahawa Dasar Pendidikan Negara menyebabkan “racial polarisation”. Apakah saudara mahu menafikan kenyataan itu, benar atau tidak benar? Itu jawab saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Pertanyaan saya sangat spesifik, enam kes. Rela tak rela mengakui bahawa ini antara sebab mengakibatkan krisis ekonomi sampai peringkat hari ini. Tak jawab. Tak rela jawab. “Diflect diversion” itulah “denial syndrome at full play”, tak takut, lari cepat-cepat sahaja, “Sprinter, World Record”. Kita berdiri di sini mengenai masalah hadapan dan bagaimana kita boleh sebagai rakyat sepasukan untuk mengatasi krisis ekonomi. Dan apa yang saya rasa sangat kesal ialah dalam dua tiga bulan ini suara khasnya daripada Ketua BBC bukan untuk buat sumbangan terhadap membina kepercayaan tetapi mahu main-main politik oleh kerana Yang Berhormat tak berani jawab pertanyaan saya, tak gunalah kacau bilau, mahu jawab soalan tadi, enam soalan, rela mengakui itulah kesilapan kerajaan, kesilapan kita buat yang mengakibatkan krisis lebih meruncing. Jawab itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya, apabila kita berhadapan dengan satu krisis, adakah solutionnya hanya

kita mengkritik. Pihak pembangkang tidak. Dia datang dalam Dewan ini tiap-tiap hari dia main lanyak saja. Seolah-olah kerajaan hari ini tidak menjalankan satu apa pun langkah untuk memperbetulkan keadaan. Ini bermakna dia “nullified” apa langkah-langkah “corrective” yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dia datang sini dia lanyak juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya pada pembangkang, di dalam perbahasan, dua, tiga hari yang lalu, apabila dia mengatakan kecemerlangan-kecemerlangan, tidakkah hal ini dibangkitkan seolah-olah, dia nak membunuh usahawan-usahawan yang ada. Dalam hal ini, siapakah usahawan-usahawan yang agak lemah. Tidakkah mereka usahawan bumiputera? Adakah dalam keadaan hari ini, kita akan melupakan tanggungjawab kepada 30% kuota yang diberikan kepada bumiputera? Adakah ini masanya yang sebaik-baik untuk membunuh seluruh bumiputera yang menjadi usahawan dalam negara? Adakah ini masa yang terbaik untuk membatalkan keseluruhan, kewujudan kuota 30% penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara? Pihak pembangkang tidak berfikir masalah ini. Jadi salahkan untuk saya mentafsirkan bahawa apa yang disuarakan oleh pembangkang seolah-olah inilah waktunya untuk menghapuskan seluruh penyertaan bumiputera di dalam ekonomi negara. Saya boleh “highlight” macam itu. Kalau saya tidak rasional. Tetapi seolah-olah terlalu banyak kali disebut, itulah arahnya iaitu hapuskan bumiputera, inilah waktu yang sebaik-baiknya menghapuskan bumiputera. Oleh kerana beliau

terkenal untuk menentang Dasar Ekonomi Baru yang sebilangannya adalah untuk menolong bumiputera. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bagi peluang masa yang secukup-cukupnya untuk Yang Berhormat sebelum bercakap. Oleh kerana kita telah lihat satu simbol seorang yang menjadi simbol kuasa-kuasa yang sebenarnya menghalang pemulihan krisis ekonomi negara sekarang. Yang pertama beliau kata dia akan jawab, tetapi tidak, dia lari lagi, dan menunjukkan dia tidak jujur, dia tidak ikhlas. Saya sangat kesallah. Dia kata dia akan jawab - dia tidak. Dia mahu cari peluang untuk ucap. Bagi diapun - tapi apa dia cakap, dia taruh racun, racun perkauman, racun pembohongan, mana saya ada kata dua hari, seminggu, bahawa bunuhkan usahawan bumiputera. Mana? Tetapi dia harap mass media akan keluarkan berita dia, wah sangat garang. Inilah racun selain daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong boleh beri bukti sekarang, ia patut tarik balik, minta maaf bukan sahaja kepada saya tetapi kepada Dewan yang mulia ini oleh kerana perkara semacam ini begitu sensitif, sudah melampau kesensitivitan dan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, saya akan beri - duduk dulu. Itulah menunjukkan satu karektor yang kita tidak perlukan, we don't need such character in this country, bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini, in this country of ours. Kedua, dia sampai tahap kata saya mahu membunuh semua usahawan bumiputera, tak mahu penyertaan bumiputera, hapuskan penyertaan bumiputera. Saya rasa siapa yang ada dengar ucapan saya, ucapan ahli-ahli

Parlimen dalam Dewan ini khasnya mengenai national economic crisis tak boleh sampai kesimpulan itu. Bagaimana kita boleh kata sampai kesimpulan ini selain daripada orang yang cakap itu otaknya dengan izin, it whole be in one of poison, communal poison, chauvinistic poison, nothing more. Tak boleh lihat apa yang berlaku, dia baru boleh mimpi apa ia kata dia percaya ada tulis beberapa buku yang beracun sekarang ia racuni oleh buku sendiri sahaja, dan ini saya harap sekarang.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Sepatutnya ucapan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi patut diberi live telecast, supaya rakyat tahu jenis Pengerusi BBC yang kita ada. Seorang Pengerusi BBC, seorang ahli Parlimen Malaysian-minded sungguhpun daripada UMNO atau penuh dengan fahaman chauvinisme, fahaman komunisme, communism perkauman, communalisme. Apa bukti saya ada kata untuk bunuhkan usahawan bumiputera, menghapuskan penyertaan bumiputera dalam ekonomi. Bagi bukti!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,, saya tidak mengatakan ia mahu membunuh bumiputera. Tetapi bila dia tekan sangat, mengenai siapa yang kerajaan bantu. Saya berpendapat seolah-olah DAP memberi gambaran bahawa inilah waktu yang seelok-eloknya ataupun opportune time, dengan izin, untuk membunuh bumiputera. Saya tak mengatakan yang dia mahu membunuh bumiputera. Tapi dalam hal dia mengatakan saya chauvinistic, Yang Berhormat Ketua Pembangkanglah orang yang penuh dengan rekod-rekod chauvinistic. Saya tidak berekod chauvinistic.

Saya boleh berdebat dengan Yang Berhormat berasaskan kepada fakta dan kenyataan yang telah pun terbuku di dalam buku-buku Yang Berhormat . Siapa yang chauvinistic. Siapa yang tidak chauvinistic. Saya tidak mengatakan Ketua Pembangkang mahu membunuh bumiputera. Tapi ‘seolah-olah’ tindakannya. Kalau tidak, tak apalah. Saya minta maaf. Jangan melenting. Tapi kalau hendak dibahas masalah rekod chauvinistic, tidak chauvinistic, communal tidak communal, saya takut Ahli dari Tanjong mempunyai rekod yang paling communal, takut-takut. Dalam bahasa Melayu, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak faham bahasa jangan cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi kalau tak tahu bahasa jangan cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi aya minta dia juga tarik balik bahawa saya mempunyai nada communal, saya tidak pernah pun sekali-kali mahu jadi chauvinistic. Biarlah setengah-setengah parti dalam Dewan Rakyat ini, yang jadi jaguh champion masalah-masalah chauvinistic. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kita melihat satu persembahan chauvinisme.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: Chauvinisme. Kita boleh kata satu tuduhan yang begitu serius, sensitif kata saya mahu ‘seolah-olah’ pun tak boleh. Mahu menghapuskan penyertaan bumiputera, usahawan bumiputera walhal dalam perbahasan langsung tidak ada kena-mengena dengan usahawan

bumiputera. Dari mana tuduhan boleh datang, dari mana boleh kata ‘seolah-olah’ saya mahu menghapuskan usahawan bumiputera. Tak pernah saya bahas mengenai usahawan, mengenai Entrepreneur Ministry, tak pernah. Ini diciptakan complete segmen of imagination, satu racun communal poison yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Saya harap dia tarik balik without condition, tanpa syarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkataan Melayu ‘seolah-olah’ dengan kelihatannya, kalau tak betul - tak betullah. Itu perkataan Melayu, saya cakap itu kalau tak faham bahasa Melayu, jangan cakap Melayu.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat . Yang Berhormat Kuala Pilah bangun atas apa?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi kalau tak betul, saya minta maaf, itu sahaja. Terima kasih.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada 36(1). Isu yang diperbincangkan. Kita sekarang ini sudah lari daripada tajuk yang kita bahaskan. Pergi meleret-leret itu saya fikir, berhentilah, cukuplah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita pun tidak ada masa yang banyak, hanya besok sahaja lagi. Haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bekerjasama

dengan saya, dan haraplah Yang Berhormat Tanjong masuk kepada apa ucapannya yang hendak diucapkan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Securities Industry mempermainkan satu peranan pusat dalam krisis ekonomi dan tadi sebelum saya diganggu, ada satu fenomena baharu dalam pasaran saham di mana menunjukkan sentimen yang begitu buruk terhadap Pasaran Saham Kuala Lumpur, di mana dalam masa dahulu ada satu budaya korporat di mana orang-orang korporat mahu dilihat sebagai sangat dekat, intim dengan ‘powers-that-be’ ini menjadi satu passport untuk mendapat pinjaman-pinjaman mega. Sungguhpun untuk kegiatan-kegiatan tidak produktif, oleh kerana tak perlu di ‘scrutinized’, tidak ada transparency dan accountability tetapi magic ini, ajaib ini sudah hilang, sehingga sampai sekarang anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Mokhzani Mahathir, THB Industries ialah syarikat dia, sendiripun bila buka - bila opening price lebih rendah daripada offer price. Syarikat anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiripun magic. That magic is gone. Inilah reality baru corporate.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh bagi satu cadangan bagaimana hendak mengatasinya silalah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita perlu faham masalah dahulu oleh kerana kita ingin tahu masalah, masih ‘denial syndrome’, kita perlu tahu masalah sebelum kita boleh ada solution, kita mesti menjadi part of the solution dan bukan menjadi part of the problem. Sekarang kita jadi part of the problem. Kalau kita tak tahu apa masalah yang berlaku kita tidak boleh menjadi part of

the solution. Satu sebab kenapa sentimen-sentimen pasaran begitu negatif, ialah oleh kerana Suruhanjaya-suruhanjaya Sekuriti sudah gagal sebagai satu workshop yang berkesan dalam pasaran securiti, di mana amalan-amalan yang tidak betul, yang tidak adil kepada kepentingan minority shareholder tidak dihiraukan.

Dalam dua belas bulan dahulu kita lihat banyak kes korporat di mana boleh dilihat kita sebut sebagai “cashing-out” tendency oleh controlling shareholders yang bertentangan dengan kepentingan minority shareholders. Sebagai contohnya sehari selepas UEM-Renong deal, Tanco Holdings Berhad iaitu satu syarikat property-based ada buat cadangan untuk membeli Tanco Resort Berhad, satu firma yang mengendalikan rancangan-rancangan vacation ownership daripada Tan Jong Nam dan Aznan Abdul Aziz untuk RM90.54 juta sebagai tunai dan Tan dan Aznan kedua-dua ialah substantial shareholders dan director Tanco Holdings. Sehingga Oktober OIO Property Berhad mengumumkan akan beli 35.5 hektar tanah dekat ibu kota baharu Putrajaya daripada major shareholder Lee Shin Cheng dengan RM45.6 juta ringgit cash.

Bulan Ogos, lagi satu firma hartanah Bolton Berhad kata ia akan beli 64% Kenneison Brothers Sdn. Bhd. yang ada kepentingan dalam kuari, ready-mix dan construction firms dengan RM182 juta cash dan 32% stake dalam Kejora Harta Berhad untuk cash RM202.6 dan semua aset ini dimiliki substantially oleh keluarga Lim yang menguasai Bolton.

Dalam bulan April tahun ini Lee Kim Yew dan Azhar Hashim dua-dua director dan shareholders Country Heights Holdings Berhad menjualkan satu

pusat yang dimiliki oleh mereka sebagai peribadi iaitu convention, pameran, showroom, Mines kepada Country Heights untuk cash RM235 juta ringgit. Adakah Suruhanjaya Sekuriti boleh menjelaskan sama ada semua syarikat bersenarai ini ada digunakan oleh major shareholders mereka bertentangan dengan minority shareholders dan apa langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menghapuskan amalan-amalan semacam ini. Dan bolehkah Suruhanjaya Sekuriti menjelaskan mengenai apa protection yang ia beri kepada pemegang-pemegang saham minority supaya majority shareholders dalam syarikat-syarikat senarai di KLSE tidak dibenarkan untuk, dengan izin milk their minority shareholders interest.

Satu contoh yang sangat-sangat outrageous ialah cara bagaimana Tan Sri Ting Pek Khiing ada 'bailed-out' oleh syarikat-syarikat listed company beliau yang dikuasai oleh beliau. Pada 25 Julai 1997 Ekran ada buat satu pengumuman bahawa akan beli daripada Tan Sri Ting Pek Khiing saham-saham dalam dua syarikat bersenarai di KLSE iaitu Granite (32.2%), PWE (49%) dengan satu harga sejumlah RM924 juta tunai. Dan Tan Sri Ting Pek Khiing dapat deposit sungguhpun masa itu kata refundable deposit RM92 juta cash, 10% harga beli.

Pada 6 Mei 1997 iaitu dua bulan sebelum itu Granite Industries Bhd. ada mengumumkan pembelian Langkasuka Resorts, satu water theme park dan Mahsuri International Exhibition Centre (semua di Langkawi) untuk RM128 juta tunai, semua dalam tunia, iaitu RM20 untuk pertama Langkasuka Resorts, RM60 juta untuk water theme park dan RM42 juta untuk Mahsuri International

Exhibition Centre. 30% deposit dalam bentuk cash ialah RM38.5 juta dibayar kepada Tan Sri Ting Pek Khiing. Ini menunjukkan bahawa dalam kedua-dua pekara ini Tan Sri Ting Pek Khiing sudah dapat sebagai deposit dalam bentuk cash RM131 juta cash.

Sekarang kita tahu dan beliau ada mengakui bahawa dia susah sekarang dalam krisis ekonomi khususnya oleh kerana bukan sahaja beliau perlu bertanggungjawab atas kegagalan Ekran rights issue RM1.2 bilion tetapi pun oleh kerana apa yang berlaku kepada projek Bakun. Tetapi masalah sekarang ialah hak-hak minority shareholders sama ada di Ekran atau Granite atau di PWE apakah kepentingan mereka dapat perlindungan bukan sahaja soalan timbul sama ada semua bil itu boleh disempurnakan oleh kerana harga saham Granite dan PWE sebelum mereka di 'suspended' sudah terjunam, kualiti kedua-dua aset ini sudah pun jatuh sangat drastik, kontrak bermilion-milion ringgit untuk projek Bakun pun habis dan kedudukan kewangan kedua-dua syarikat ini pun, dengan izin, highly questionable, mereka bukan lagi jadi aset Ekran, sudah jadi liability kepada Ekran dan akhirnya siapa rugi - minority shareholders dalam semua syarikat ini. Apa langkah untuk menjaga kepentingan minority shareholders dan kita boleh lihat cara begitu cepat di mana syarikat-syarikat disenarai, these area all listed companies, bukan private companies, listed companies digunakan untuk inject private assets Tan Sri Ting Peng Khiing. Dengan RM131 juta tunai interest free, ia dalam 'sure win situation'. If this goes through, orang yang bodohlah, kalau dia tak go through, dia sudah dapat itu tunai, dan minority shareholders jadi mangsa.

Dan satu lagi kes di sini mengenai Wembley di mana Ekran mengumumkan penjualan stake Wembly untuk RM284.5 juta kepada Datuk Tiong, seolah-olah mendapat keuntungan RM26 juta kepada Ekran. Ini bererti bahawa penjualan atas harga RM6.00 satu saham tetapi apa sekarang harganya RM1.12 sebelum suspension. Deposit yang dibayar RM1 juta sahaja. Ini bererti 0.35% daripada harga penjualan yang berbanding dengan 10% di mana Tan Sri Ting Pek Khiing ada inject atau jual private assets beliau.

Inilah menunjukkan bahawa Securities Commission tidak boleh tutup mata, tidak boleh terus mengabaikan kepentingan minority shareholders dan Wembly sekarang dalam satu keadaan yang sangat rumit, uzur, dia sebenarnya bergantung kepada Plaza Rakyat mega project di Kuala Lumpur, satu big flop mewakili 2/3 aset Wembley. Projek ini patut dihabiskan Februari 1998 tetapi semua tahulah itu tak mungkin, tak ada apa-apa kegiatan dan ada law suits mengenai profit guarantee terhadap dua pengarah tetapi akhirnya apa yang mustahak ialah pembelian ini boleh disifatkan sebagai fairy-tale sale dan Ekran akan rugi RM240 juta dalam interest cost dan diminished share price, akhirnya minority shareholders menjadi mangsa. Dan lagi ada. Tan Sri Ting Pek Khiing ada inject Dimond League Sdn. Bhd. reserve take over Granite di akhir 1995, masa itu harga asal ialah RM654 juta. Suruhanjaya Sekuriti tidak bersetuju, slashed offer price sebanyak 59%. Ini ditolak oleh Tan Sri Ting Pek Khiing. Tetapi apabila Securities Commission bertegas beliau terima dan Securities Commission ada syarat bahawa perlu guarantee profit RM45 juta satu tahun untuk tiga tahun kewangan 1995, 1996, 1997. Adakah guarantee profit ini

dipenuhi, tidak. Granite 1995 dan 1996 kedua-dua tahun tidak tunjuk angka-angka keuntungan untuk Dimond League Sdn. Bhd., tetapi apa Granite menunjukkan ialah RM14.7 juta tahun 1995 dan RM31.3 juta untuk 1996, sudah tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Apakah tindakan diambil terhadap Tan Sri Ting Pek Khiing mengenai short fall ini oleh Securities Commission. Adakah Securities Commission enforce syarat-syarat ini? Saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan. Banyak aset Dimond League Sdn. Bhd. ialah empat buah hotel, prestasi sangat tidak memuaskan yang menunjukkan bahawa Granite dapat untung RM5.23 juta di tahun 1995 dan kerugian dialami dalam tahun 1996. Profit over asset 0.8% dalam tahun 1995 dengan prestasi yang begitu buruk dan Tan Sri Ting Pek Khiing boleh dapat tunai RM128 juta dalam penjualannya. Ini boleh disifatkan sebagai suicide for the company, suicide for the minority shareholders. Tetapi untuk Securities Commission apakah tindakan diambil untuk mempertahankan kepentingan minority shareholders. Nampaknya history is being repeated.

Pada 28 November 1997, dua minggu dahulu Tan Sri Ting Pek Khiing umum ada satu persetujuan untuk jual RM24.44 juta saham kepada Pasific Chemical Equity kepada Dato' Tiong King Sing untuk satu undisclosed price. Dilaporkan bahawa Pasific Chemical disenaraikan akan jual dua syarikat kepada Dato' Tiong King Sing untuk RM182.5 juta. Ianya akan melibatkan 99.9% Syarikat Great Profile Sdn. Bhd. untuk RM25 juta dalam tunai, 45% untuk Syarikat Wijaya Baru Sdn. Bhd. untuk tunai RM157 juta. Syarikat Great

Profile baru-baru ini bersetuju untuk membeli 753 ekar tanah dekat Port Kelang untuk pembangunan, industrial, commercial dan residential masa depan. Wijaya Baru Sdn. Bhd. adalah dalam business construction dan lain-lain.

Apa yang mustahak ialah perkara ini meng'highlight'kan dua perkara. Yang pertama, penjualan 22% saham menunjukkan bahawa pembeli dapat kontrol syarikat ini tanpa memberi peluang kepada minority shareholders, tanpa buat satu general offer. Oleh kerana pertama, pembelian kedua-dua syarikat ini dibuat dalam bentuk tunai, mengelakkan kebenaran daripada Securities Commission. Apakah langkah diambil sekarang untuk mengatasi loophole ini. Kedua, ini satu lagi contoh yang drastik yang menunjukkan di mana seorang boleh bill out sendiri dalam listed company, dapat seorang buyer, dapat kuasai listed company, pembeli itu dapat wang balik, inject aset sendiri dalam listed company. Tetapi semua ini langsung tidak ambil kira kepentingan minority shareholders.

Kalau begitu apa juga Securities Commission. Saya harap kita boleh dapat satu kajian yang sedalam-dalamnya khasnya sekarang apabila mahu memulihkan keyakinan pelabur-pelabur, bagaimana kita boleh meyakinkan pelabur-pelabur apabila kepentingan mereka boleh begitu senang dirampas. Ini satu masalah yang besar oleh kerana transaksi-transaksi ini dalam bentuk tunai membenarkan majoriti shareholders boleh escape daripada scrutiny Securities Commission. Oleh kerana mengikut garis panduan Securities Commission apa-apa pengambilan melalui bentuk cash, section 17.05 perlu kebenaran kepada

Securities Commission selain daripada kalau pembelian itu perlu kebenaran daripada FIC. Securities Commission guideline ini untuk related party transaction mengenai pembelian security atau aset-aset oleh syarikat-syarikat yang bersenarai daripada shareholders atau director yang memerlukan maklumat-maklumat semuanya tidak terpakai.

Saya harap bahawa dalam perkara ini oleh kerana sudah berlaku beberapa insiden di mana ada kontroversi yang berlaku, satu contoh ialah Faber Berhad yang menjualkan stakenya dalam PLUS kepada UEM dua tahun dahulu, kontroversi minority shareholders bantah oleh kerana kepentingan mereka dikorban. Inilah mustahak dan saya harap bahawa perkara ini diberi perhatian oleh kerana kita tidak mahu deal semacam ini. Related party deal lebih kerap kali berlaku yang menyebabkan kepercayaan di pasaran saham bahawa ada satu golongan yang ada keistimewaan boleh cash-out dan membebankan firma-firma senarai dengan aset-aset mereka dengan harga penjualan yang tidak berpatutan.

Suruhanjaya Sekuriti perlu mengambil tindakan yang lain supaya kepentingan minority, kepentingan investor diberi perlindungan semacam kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mereka bertanggungjawab mengenai syarikat-syarikat bersenarai yang tidak benar, inaccurate, misleading. Tetapi apa Securities Commission ada buat. Contohnya ialah apabila Tan Sri Ting Pek Khiing dalam kenyataannya kepada KLSE bahawa syarikat-syarikat beliau masa itu (PWE) dan Granite ada diberi kontrak berbilion-bilion ringgit dalam projek Bakun, walhal ini tidak benar, selepas dia kata ini understanding sahaja.

Tetapi misleading, inaccurate, atau sebagai contoh projek Bakun masa itu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa ada masalah dalam kontrak Bakun Hydro-Electric Company (BHEC) dengan ABB mengenai terma kontrak, masa itu Tan Sri Ting Pek Khiing kata tidak ada masalah, no problem. Beberapa hari kemudian, small problem, beberapa hari kemudian big problem. Ini misleading, bukan transparency tetapi integriti Securities Commission, apa tanggungjawabnya.

Satu lagi contoh di mana *STAR* ada buat satu laporan Ekran akan dapat keuntungan RM3.3 bilion daripada Bakun. Sejurus sebelum masa itu tamat pengeluaran bad issue Ekran, itu tidak benar. Ekran tidak buat apa-apa pembetulan. Ini semua mengelirukan, misleading, inaccurate. Inilah semua sebagai satu Suruhanjaya Sekuriti yang bertanggungjawab, yang vigilant, yang efektif perlu untuk ambil tindakan. Kita dalam satu krisis yang besar yang membayangkan ini mikro mengenai fungsi perjalanan pasaran sekuriti. Tetapi masalah adalah mikro mengenai krisis ekonomi yang kita hadapi sudah lima bulan dan stock broking antara institusi-institusi kewangan yang sangat bersangkutan-paut dengan krisis ekonomi.

Kita perlulah ambil tindakan yang tegas dalam perkara ini khasnya untuk Parlimen ini patutlah bincang sedalam-dalamnya mengenai krisis lima bulan ini. Hari-hari lebih teruk khasnya mengenai cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu menubuhkan satu National Economic Action Council dan cara yang terbaik sekali baru-baru ini dua hari lalu kita baru habis ASEAN Summit untuk memperingati ulang tahun ke-30 dan ASEAN Plus terdiri dari

pemimpin negara Cina, negara Jepun dan negara Korea Selatan. Semuanya berharap ada satu solution untuk menangani krisis ekonomi, tetapi sangat nyata bahawa ianya gagal. Akhbar *International Herald Tribune* laporannya hari ini apa dia kata; 'ASEAN Chief See No Solution - We are victims Mahathir says as free wall continues. *Asian Wall Street Journal's* headline, '*ASEAN Summit Ends on a Weak Note*'. *Washington Post* - 'South East Asia Talks End in Mode of Helplessness.' *London Time*, headline '*Rescue Summit Gives Little Hope to Asian Tigers!*'

Kejatuhan Ringgit Malaysia kepada satu tahap yang terendah sekali dalam sejarah hari Isnin dan Selasa dalam masa kemuncak ASEAN dan ASEAN Plus 3 bersama-sama dengan mata wang negara-negara serantau ini yang jatuh kepada satu tahap yang terendah dalam sejarah ialah Thai Baht, Indonesia Rupiah, Philippine Peso ialah responses yang sangat jelas daripada pasaran bahawa kemuncak ASEAN sudah gagal untuk memulihkan keyakinan investor dalam rantau ini. Sungguhpun sehari sebelum mesyuarat kemuncak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berkata bahawa ASEAN Summit ini akan cari, dengan izin, might come up with its own solutions to solve the economic problems following the worsening economic situation in the country.

Sebagai satu langkah untuk membina kepercayaan, confidence-building measure tidak mahu mengakui bahawa ASEAN Summit sudah gagal seperti tiga mesyuarat antarabangsa yang lain, iaitu Mesyuarat Antarabangsa Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri di Manila, APEC Summit di Vancouver pada 24 dan 25 Novemer 1997 dan Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN Plus

5, iaitu menteri-menteri kewangan daripada United States, China, Japan, Australia dan South Korea pun gagal, keempat-empat gagal. Ini menunjukkan betapa serius krisis ekonomi ini. Sekurang-kurangnya saya rasa ASEAN Summit dan ASEAN Plus 3 tidak patut tamat dengan tangan kosong, empty handed. Semalam sebenarnya saya ada buat cadangan bahawa Kemuncak ASEAN dan Plus 3 dialog patut ambil inisiatif untuk mencadangkan satu mesyuarat global lebih besar daripada APEC. Mungkin boleh disifatkan sebagai European Union + APEC + IMF + World Bank Summit untuk menangani isu ini dengan urgency, oleh kerana krisis ekonomi Asia boleh menjadi satu ancaman kepada ekonomi sedunia. Idea-idea ini sangat unfortunate tidak dipersuik dalam ASEAN Summit Plus 3 sungguhpun saya baca dalam surat khabar ini bahawa Presiden Filipina, Fidel Ramos pun ada cadang selepas itu bahawa satu conference global di mana membawa kerajaan-kerajaan, institusi-institusi monetary, pakar-pakar tengok bagaimana boleh berhentikan kejatuhan mata wang-mata wang Asia boleh dibuat oleh kerana beliau rasa kalau 100 kerajaan, 3,000 pakar-pakar dan saintis-saintis dan NGOs boleh bermesyuarat di Kyoto dan dapat satu komitmen daripada negara-negara maju dan sedang maju untuk check polluted mengenai kepanasan sedunia, kenapa ini tidak boleh buat untuk masalah mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah pokok yang kita menghadapi kalau kita mahu go to the very root cause of the economic crisis ialah denial syndrome. Oleh kerana sungguhpun sudah lima bulan economic crisis kita masih dihantui, dikuasai oleh denial syndrome dalam Malaysia, sungguhpun sudah

mengakibatkan kerugian RM620 bilion daripada kedua-dua pasaran mata wang dan pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai mikro. Banyak lagi, ini mustahak mengenai economic crisis. RM620 bilion, tidak tahu berapa lagi angka kita akan menghadapi. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi Yang Berhormat hendak habis?

Tuan Lim Kit Siang: Satu jam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan satu jam. Saya diberikan hingga esok sahaja untuk menguruskan mesyuarat. Saya membenarkan Yang Berhormat berucap setengah jam lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Setengah jam lagi, okaylah saya cuba. Pada hari Ahad pukul 6.00 pagi apabila saya hooked kepada Internet, saya lihat CNN, saya sangat gembira bila saya baca laporan CNN dan ada laporan mengenai laporan Mahathir, ucapan beliau kepada tokoh-tokoh business sebelum ASEAN Summit. Saya rasa kali yang pertama dalam lima bulan krisis ekonomi rasa relief. Oleh kerana masa itu saya rasa bahawa kali yang pertama ada tanda-tanda konkrit bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih fleksibel, boleh flexible enough untuk menunjuk satu teladan kepada kerajaan untuk memberhentikan denial syndrome dan untuk menghadapi paid-up squarely economic crisis yang akan terus lebih teruk.

Mengikuti CNN, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata bahawa, dengan izin, Asian Government and businessess were partly to blame for the region financial crisis and and that ruthless surgery was needed. He said, there had been many abuses and malpractices including of course large foreign borrowings and deficit in the balance of payment. These abuses on their own would have resulted influence down growth or even reversing it. However that the devaluation of the currencies have precipitated matters magnified the scale of the economic reversals and caused financial problem.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari Ahad itu nampaknya patut menjadi the most well received dalam krisis ekonomi lima bulan ini. Oleh kerana ini membayangkan satu kesanggupan untuk berhentikan denial syndrome dan memberi satu contoh kepada kerajaan yang sampai sekarang adalah, dengan izin, clouded the government judgement and credibility dalam menangani krisis ekonomi dan kewangan. Tetapi nampaknya masalah bukan begitu senang diselesai, masalah denial syndrome. Oleh kerana ini pukul 6.00 pagi, saya tunggu surat khabar, pukul 7.00 hingga 7.30 tengok semua surat khabar tidak ada ruthless surgery. Mana government businessess partly to blame for the economic crisis, tidak ada. Sampai sekarang gambaran dalam surat khabar mass media ialah ini semua masalah George Soros, Conspirito. Tetapi sekarang adalah kali pertama. Tidak ada dalam surat khabar tempatan, tidak ada dalam radio, tidak ada dalam televisyen, dan apa ada dalam CNN report.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak tanya sedikit dari Ahli Yang Berhormat. Semasa Dato' Seri Dr. Mahathir bercakap, adakah dia bercakap bagi pihak ASEAN atau dia bercakap sebagai Perdana Menteri Malaysia bagi Malaysia? Adakah dia bercakap mengenai keadaan di ASEAN ataupun dia bercakap mengenai keadaan di Malaysia sendiri bila dia mengaku keadaan tersebut?

Tuan Lim Kit Siang: Kesimpulan saya ialah Malaysia dan ASEAN. Mungkin sekarang dia bukan Malaysia, tidak termasuk Malaysia. Ruthless surgery tidak termasuk Malaysia, saya tidak tahu, saya tidak ada di sana.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kalau tidak salah saya, saya pun dengar juga speech itu, dia bercakap dalam konteks ASEAN.

Tuan Lim Kit Siang: Kecuali Malaysia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak mungkin juga. Tetapi...

Tuan Lim Kit Siang: Termasuk Malaysia. Which one I don't know. Kecuali Malaysia atau termasuk Malaysia, saya...

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tetapi Ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang:I reading of it.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tetapi Ahli Yang Berhormat pun sedar, kita tahu tetapi kadang-kadang kita terpaksa menjaga

hubungan antara negara-negara ASEAN. Kita tidak bolehlah tuduh kamu yang lebih salah, saya kurang salah dan sebagainya. Tetapi kita tahu siapa yang lebih akses, tetapi tidak perlulah bercakap di luar.

Tuan Lim Kit Siang: Kecuali Malaysia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak ada. Maksudnya, relatively saya rasa Malaysia tidaklah teruk sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Okay. Sekurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kata kecuali Malaysia. Kalau begitu nampaknya denial syndrome belum dan langkah pertama pun belum diambil untuk hapuskannya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya teruskan dahulu. Saya baca dalam CNN report mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan laporan itu kata bahawa Mahathir willheld his trademark attacks on foreign speculators and instead said that Asian nations will have allow unviable businesses to die, and companies have to retire unnecessary workers as a surgeon would amputate infected limb. Beliau quoted, what is not viable must be killed outright, so the survivors can be free to consolidate their position. As a doctor who once practiced surgery, I appreciate the need to amputate gangrenous legs to save the rest of the body. What we will have to do is surgical and we will do it. Saya tidak tahu we ASEAN kecuali Malaysia atau ASEAN termasuk Malaysialah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tidak kata kecuali, saya kata relatif.

Tuan Lim Kit Siang: And we will do it.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Relatif.

Tuan Lim Kit Siang: We must reassure the world that we will carry out what we have undertaken to do, at whatever cost. We hope in the end we will restore confidence and the wealth will flow back. CNN pun melaporkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata did not want to rule out possibility that Malaysia might have to follow Thailand, Indonesia and South Korea and turn to the International Monetary Fund for emergency aid, because if he did, his remarks would spark a crisis of confidence and fonce down the value of the Ringgit. He said I'm scared of saying anything that might result in our currency going down.

Tetapi ini langsung tidak keluar dalam surat khabar tempatan, radio dan televisyen. Nampaknya ada dua message sama ada untuk ASEAN Asia kecuali termasuk Malaysia, langsung tidak keluar. Nampaknya seolah-olah bahawa apa yang keluar dalam surat khabar tempatan ialah melaporkan ucapan yang berbeza atau orang yang berbeza atau fungsi yang berbeza daripada apa yang dilaporkan oleh CNN dan International News Media. Sangat jelas ini menunjukkan denial syndrome Mahathir sangat serius bukan sahaja kerajaan perlu berhentikan denial syndrome, mess media pun perlu keluar daripada perangkap denial syndrome. Kerajaan patutlah bebaskan mass media daripada denial syndrome. Saya dapat message just report what is true don't have to worry about have been to deny.

Kita harap bahawa kita adalah satu kesediaan baru mengenai hapuskan denial syndrome yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dilaporkan dalam mass media asing dan akan menjadi dasar baru kerajaan. Oleh kerana saya ada sebut Parlimen pusat denial syndrome, institusi tertinggi di negara kita di mana denial syndrome yang terhebat. Ini perlu menjadi dasar kerajaan baru berhentikan denial syndrome. Sebagai satu langkah pertama yang serius supaya kita boleh memulihkan ekonomi, memulihkan kepercayaan. Saya rasa lima bulan kita masih dalam peringkat ini very sad. Oleh kerana kalau kita tidak boleh menghapuskan langsung denial syndrome, rakyat dan negara tidak boleh dengan realistically menangani isu ini mengenai remedy, langkah-langkah yang perlu diambil sungguhpun sangat pahit, sangat susah perlu diambil untuk menghadapi krisis ekonomi yang akan terus lebih serius.

Sebab itu saya rasa sangat kesal bahawa Parlimen kita perlu ada satu perbahasan dua-tiga hari mengenai denial syndrome ini. Ini patut dibuat, ini serius untuk kepentingan negara untuk masa depan generasi kita. Ini sudah empat minggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan mahu menubuhkan satu National Economic Action Council untuk menjadi badan yang terpenting untuk mengatasi krisis ekonomi akibat daripada kejatuhan sama ada mata wang atau nilai Ringgit. Tetapi saya rasa seluruh rakyat dan negara sangat hairan kenapa empat minggu, kalau begitu darurat kenapa empat minggu tidak ada apa-apa perkembangan. Bukan dalam empat minggu keadaan lebih baik, lebih pulih baik, tetapi lebih serius. Kedua-dua aspek kita mahu tunggu

dengan alarm bila sektor yang ketiga akan menjadi masalah, hartanah. Bila sektor yang keempat akan menjadi masalah bank-bank dan sektor kewangan.

Sebab itulah kita perlu bincang dengan sedalamnya. Perkara ini tidak pernah dibangkit dan dibahas dalam Dewan yang mulia ini sama ada kita perlu satu National Economic Action Council adakah ini wajar, ini sesuai. Kita bukan tentang mengenai langkah yang perlu diambil, tetapi ialah sama ada langkah yang dicadangkan itu sesuai. Kita perlu satu perbahasan nasional sedalam-dalamnya. Oleh kerana kalau NEAC akan mengadakan kuasa eksekutif, tentulah nampaknya ianya satu badan yang semacam Kabinet ada executive power kalau bukan override, third supersed sekurang-kurangnya co-equal. Ini bukan sahaja satu inovasi constitutional yang sangat tidak wajar, improper, tetapi nampaknya sangat redundant. Selain darurat diisytiharkan dan Kabinet digantung seperti tahun 1969 barulah ada satu badan yang lebih tinggi boleh muncul atas Kabinet. Kalau tidak bagaimana boleh.

Kalau begitu Kabinet akan redundant. Kenapa kita mahu satu Kabinet yang redundant. Ada sebahagian kuasa dimainkan oleh NEAC kuasa-kuasa sudah redundant. Inilah sebab sebenarnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Ahad dalam ucapannya yang disiarkan dalam CNN sebut mengenai perlu strong surgery, perlu imputation, bahagian-bahagian yang gangrenous untuk selamatkan penyakit itu, badan seluruhnya, kita pun perlu strong surgery, imputation of that gangrenous part of the economic body. Masalah ialah kita tidak mahu mengakui, kita tidak mahu melihat mana gangrenous dalam pertumbuhan ekonomi kita. Itulah apa yang

ada Ahli-ahli Parlimen tanya apa peranan yang dimain oleh parti DAP, parti DAP ialah untuk fokuskan (spotlight) gangrenous dalam badan ekonomi supaya gangrenous ini perlu ada keinsafan, ada kesedaran bahawa bahagian gangrenous ini perlu dipotong kalau mahu selamatkan badan ekonomi negara.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Bukankah pihak kerajaan telah pun mengambil tindakan yang paling dahsyat untuk menyekat ataupun mengambil tindakan terhadap penyakit yang telah dikatakan dengan beberapa keputusan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri termasuk 'freezing of all new listing, right issues' dan sebagainya, itu paling dahsyat saya rasa.

Begitu juga dengan arahan yang telah diberi kepada bank, tidak lagi boleh extend credit kepada sektor hartanah dan sebagainya. Saya rasa itu adalah tindakan yang dahsyat, bermakna tindakan yang paling keras dan hebat telah pun mula diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bersetuju! Paling hebat - tidak. Saya ada mengalu-alukan step in the right direction too late pun dan too slow dan not enough, not comprehensive enough. Sebenarnya ini boleh ditunjukkan dengan reaksi pasaran. Sungguhpun berbeza daripada reaksi kepada Budget 1998 pada 17 Oktober apabila diumumkan dalam Dewan ini pasaran saham terus jatuh, mata wang terus jatuh. Sekurang-kurangnya apabila pakej yang begitu hebat

dan drastik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi diumumkan pada 5 Disember, pada pukul 4.00, ia ada menyelamatkan keadaan. Kalau tidak, masa itu Ringgit sudah jatuh 3.8650, kalau tidak pengumuman emergency financial package itu saya percaya bila pukul 5.00 mungkin sudah sampai lebih dari 4.00 mungkin sampai 4.5 Ringgit ke satu US Dollar, oleh kerana kejatuhan keyakinan yang dicetuskan oleh kerana pengumuman land bridge oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya alu-alukan tetapi sudah lewat, hari Isnin 8 Disember, masih boleh kekalkan mata wang, masih boleh kekalkan releigh pasaran saham tetapi untuk satu hari sahaja. Hari Selasa terus jatuh. Masalah ialah langkah-langkah kita ini mengalu-alukan tetapi tidak mencukupi, sudah lewat. Sebenarnya apabila 17hb. Budget dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini dan kita lihat negative respond pasaran, kita masa itu patut tahu budget itu tidak boleh dapat kesan yang kita mahu. Kita perlu budget yang kedua dengan segera dan sebenarnya 30 Oktober saya pernah cadang segera adakan second budget dan masa yang baik untuk second budget ialah 5 November apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri datang ke Dewan ini untuk menggulung perbahasan.

Kalau masa emergency financial package yang diumumkan pada 5 November, it will be a world of a change. Satu lesson kita perlu belajar ialah dalam satu krisis ekonomi, masa yang sangat mustahak. Tindakan yang diambil untuk satu masa yang boleh sangat bottom, yang sangat efektif kalau delay satu bulan, dua minggu mungkin kurang efektif, kurang berkesan. Ini mustahak kita belum belajar important lesson.

Yang Amat Berhormat ada sebut CNN laporkan mengenai strong surgery imputation dan saya rasa kita perlu strong surgery, kerana tak cukup, belum sampai, kita perlu strong surgery dan tempat untuk memulakan strong surgery yang pertama ialah Kabinet. Start with the Cabinet with the strong surgery ada major reshuffle chop gangrenous part dalam Kabinet. Taruh new blood, infusion new blood supaya orang-orang lama sangat-sangat penat, menteri-menteri yang sangat-sangat lama, sangat-sangat penat, lama dalam spirit bukan dalam umur, sangat lama, sangat-sangat penat bukan umur, tidak boleh faham apa yang sudah berlaku dalam satu era yang begitu bertukar yang begitu pesat oleh kerana maklumat teknologi, oleh kerana globalisasi dan pun sangat takut, ada menteri-menteri yang sangat takut masa depan bukan mengenai economy crisis menimpa negara tetapi oleh kerana apa yang berlaku kepada saudara mara mereka yang ada mega loan, bagaimana akan dapat dibayar anak-anak mereka termasuk anak-anak 27 tahun yang dalam tiga bulan boleh dapat RM1.2 bilion untuk a cooperate acquisition, sekarang big champ, big crisis sangat worry, bukan worry national crisis, worry personel family crisis. *[Ketawa]* Surgery imputation Cabinet major reshuffle.

Semacam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata pada hari Ahad dan kita perlu kaji semula semua konsep NEAC supaya tidak under mind prinsip Cabinet responsiblity dan Parliamentary democracy dan NEAC oleh kerana itu Kabinet yang kuat kita rasa perlu timbang, selain daripada mengadakan satu national economic absent council lebih baik satu national economic crisis Cabinet, di mana major reshuffle, remove that woods in the

Cabinet dan satu kabinet teknokrat dan pakar-pakar, kalau mereka berkebolehan dari sektor swasta, sektor awam kalau mereka sekarang bukan Ahli Parlimen boleh dilantik sebagai Senator, ini akan meninggikan mutu Senate sekarang 'rubbish bin for the had has been political dead wood' sahaja dan ini akan lebih baik kepada keseluruhannya orang-orang dalam Kabinet bukan ada kepakaran, ada kebolehan tetapi boleh command kepercayaan orang ramai mengenai integriti, keutuhan, kewibawaan,dedikasi mereka.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana masa saya sangat suntuk, saya lagi banyak masa mahu bercakap, minta maaf. Saya sebenarnya perlu lagi dua jam.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Dua jam!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang lain bukan wakil rakyatkah?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat Tanjong, masa telah pun dihadkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, sebab itu saya tak beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik dia panggil Senator 'rubbish bin'.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, jangan ini national crisis, jangan main-mainlah, jangan kacau-kacau ha.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini satu biadap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat Yan hendak minta penjasankah ataupun Standing Order?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(6), hendak ajar dia yang kurang ajar ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ajar? Saya teruskan, saya tidak ada masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya. You panggil Ahli-ahli Yang Berhormat Senator 'rubbish bin'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong! Dia ini bangun atas Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta dia tarik balik habis.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, waste of timelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Profesional time waster.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: And you are lousy time also wasted.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa walaupun mengikut Peraturan Mesyuarat 36(6) itu sangat jahat itu biasanya hanya boleh diterima kalau ianya dikhususkan ataupun ditujukan kepada mana-mana seorang Ahli. Tetapi ingin juga saya hendak menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa tidak senonoh kalau Ahli Yang Berhormat membuat ulasan sedemikian terhadap seluruh Dewan Negara. Ahli Yang Berhormat yang lain, ini keputusan yang saya buat ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak panggil ahli DAP 'tong taik'.

Tuan Lim Kit Siang: Ah, saya tak ada masa sekaranglah. Dan sebagai satu strategi untuk menangani krisis ekonomi bukan sahaja satu 'national economic crisis Cabinet' mengadakan satu 'national economic crisis consultative council' (NECCC) di mana ada perwakilan daripada semua lapisan

masyarakat, semua parti, semua yang mewakili kerajaan atau pembangkang, universiti, academician, industri, perdagangan, kesatuan, badan-badan profesional, NGO supaya ia boleh menjadi satu nationally unifying force untuk menyatupadukan, untuk memobilisasikan semua rakyat di belakang satu program pemulihan ekonomi nasional supaya kita boleh dalam masa yang sependek-pendeknya melalui krisis ekonomi ini.

Dan memanglah tugas utama NECCC kalau ia ditubuhkan ialah untuk menghapuskan denial syndrome dalam negara kita, dalam kerajaan dalam kalangan orang ramai, oleh kerana rakyat pun sudah, oleh kerana mass media sangat powerful bahawa rakyat pun dipengaruhi tidak ada rakyat yang rasa bukan masalah bahawa krisis ekonomi bukan rumit, tidak akan ada impak yang banyak terhadap kehidupan harian oleh kerana fundamental negara sangat kuat, oleh kerana kadar savings national sangat tinggi, eksport sekarang sangat bertambah dan pun current account deficit makin turun.

Inilah tidak sihat, kita mahu hapuskan denial syndrome pun di kalangan orang ramai dan dalam lima krisis ekonomi lima bulan ini kita sudah lihat bahawa kerajaan tidak boleh ada satu pandangan bahawa beliau tahu apa yang terbaik untuk rakyat, the government cannot know claim in all eyes the best for the people.

Dan ia perlu lebih humble, lebih demokratik, lebih accountable, transparent melibatkan semua cerdik pandai, semua tenaga rakyat Malaysia supaya ada satu kempen national economic recovery dan turn around economic recovery dan turn around dalam masa yang sangat singkat.

Untuk menjamin bahawa memastikan bahawa NECCC boleh menjadi satu national unifying force untuk mobilise semua rakyat Malaysia, tak kira apa-apa fahaman politik sebagai satu unit untuk tight through negara ini krisis ekonomi dengan masa yang sangat singkat, dengan keadilan yang minimum, NECCC patutlah, saya ada tiga cadangan:

- (i) patut diketuai oleh pihak pembangkang;
- (ii) ada kuasa yang sepenuhnya untuk buat perakuan-perakuan politik reform politic economic dan kewangan

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak malu! Muka ada mana?

Tuan Lim Kit Siang:untuk meyakinkan kepercayaan dan pun ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Muka kera pun tak mahu tengok.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk mengadakan kuasa dan ada kuasa untuk memanggil menteri-menteri, ketua-ketua jabatan kerajaan dan CEO-CEO sektor swasta untuk memberi maklumat dan data untuk membolehkan NECCC membuat recommendations kepada kerajaan; dan

- (iii) merumuskan satu program national economic recovery dalam dua minggu selepas pembinaan penubuhan dan mesyuarat setiap minggu monitor kemajuan program dan perlu

bermesyuarat terbuka selain daripada apabila bincang atau bersabit dengan perkara-perkara yang ada sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Setengah jam sampai pukul 4.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tak Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: 4.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, hingga 4.15 petang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang lain pun mahu bercakap juga!

Tuan Lim Kit Siang: 4.30, masa itu five to four.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat. Saya sebenarnya telah pun beri keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini pengerusi punya kerja bukan you punya kerja.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, try tengok! Dan saya percaya kalau cadangan untuk NECCC dan ...

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu gulung. Bahawa cadangan saya NECCC dan National Economic Crisis akan diterima, ini akan menjadi confidence and hunsing majors. Saya percaya bahawa akan dapat positive market responce pun dan saya tahu ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Woo, woo, apa itu ke atas cadangan saya bahawa opposition headed NECCC dan ada orang yang mungkin fikir ini satu political gimmicry.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Syok sendirikan? Tanjong shok sendiri haiya, lu kaki sukakah. Haiya. *[Bertutur dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang: Satu political gimmicry, ha apa hak, itulah saya tahu, tetapi ini bukan political gimmicry dalam satu masa national economic crisis

Tuan Noh bin Omar: DAP pun tak percaya sama you lah.

Tuan Lim Kit Siang: kita perlu semua rakyat Malaysia tak kira apa

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti dahulu! Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang jangan cakap macam itu Yang Berhormat. Saya boleh cam suara Yang Berhormat.

Seorang Ahli DAP: Ha, saya nampak juga! *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya bercakap, sebab dia tidak mahu beri jalan kepada saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu hak dia. Lagi pun saya sudah minta dia gulung!

Tuan Lim Kit Siang: Dalam satu masa national economic crisis kita perlu semua rakyat tak kira fahaman politik, perbezaan politik bersatu padu supaya boleh mobilisekan rakyat semua fahaman politik, sokong kerajaan, sokong pembangkang dengan satu tujuan untuk mengatasi

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya, sokong pembangkang! Haiya!

Tuan Lim Kit Siang: supaya mengatasi national economic crisis supaya ada national economic recovery and turn around dalam masa yang sangat singkat. Kalau DAP mahu main politik kita stand on the site line and point our finger at all the faults and look for the scapegoats. We are not interested in that.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Why not you join Barisan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya masih dalam penggulungan. Cadangan saya bahawa pihak pembangkang mengetuai NECCC, saya tahu satu cadangan yang sangat luar biasa, satu komitmen bahawa kita, sekarang kita tak mahu point finger, who is at faults, how is the country come into national economic crisis, tetapi kita bersama-sama bertanggungjawab untuk mencari satu national economic recovery strategy supaya satu national turn around and come about, kita bukan mahu masuk Kabinet jadi menteri tetapi dalam national economic council, itulah satu komitmen kita rela memainkan peranan kita dalam perkara

ini. Sama ada kita boleh rise above, kita dengarlah suara tak boleh rise above itu tragedi for the negara.

Dan ini terpulang kepada sesiapa yang bertanggungjawab, ini satu komitmen kita terhadap untuk turn around the country in the shortest possible time dan itulah mustahak

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk!

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Dan saya harap apabila kita adjourn masa depan masih ada national economic recovery, masih ada national economic crisis, bahawa kita sudah tukar sikap kita. Stop denial syndrome dan stop sikap yang tadi kita dengar dan lihat, a great tragedy. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuaran. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.27 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangkit untuk mengambil bahagian membahas Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997. Akta ini merupakan satu akta yang amat penting berkaitan dengan ekonomi negara kita. Malang sekali oleh kerana seolah-olah akta ini tidak dipandang ringan oleh ahli-ahli Dewan. Saya berpendapat bahawa tujuan kerajaan untuk meminda akta ini ialah untuk memperkukuhkan ekonomi negara. Saya ingin sebut satu kenyataan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan Malaysia yang dikeluarkan dalam surat khabar tempatan pada hari ini, iaitu beliau

mengatakan bahawa masalah ekonomi negara sekarang ialah disebabkan oleh tingkah laku pihak swasta.

Tidak dapat dinafikan bahawa pemain-pemain dalam bursa saham adalah yang paling terlibat di dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Saya harap kenyataan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin itu akan diambil perhatian serius oleh kerajaan, oleh kerana beliau ada mengatakan bahawa kebanyakan CAO juga telah meletakkan jawatan untuk menjadi remisier. Di dalam konteks ini persoalan timbul apakah sebabnya mereka terlalu tertarik hati menjadi remisier. Mengikut Tun Daim mereka seolah-olah bermain di dalam kasino melalui bursa saham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan jangan sebutkan nama seseorang ahli yang lain.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya akur. Tetapi saya merujuk Yang Berhormat sebagai Penasihat Ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh merujuk kepada nama kawasan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, saya akan rujuk beliau sebagai Ahli Yang Berhormat dari Merbok. Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Merbok itu amat penting diambil perhatian. Oleh kerana kalaulah betul kenyataan beliau itu bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur itu dijadikan sebagai kasino, maka tidak hairanlah saham naik melambung tinggi dan boleh juga menjunam dengan sekelip mata sahaja. Siapa yang melakukan ini ialah remisier dan juga sudah tentu pemain-pemain saham ataupun brokers.

Maksud saya di sini ini apakah peranan sebenarnya Securities Commission di dalam hal ini. Adakah bila ada tanda-tanda bahawa sesuatu itu tidak sepatutnya berlaku kepada sesebuah syarikat ataupun saham-saham beberapa syarikat yang disenaraikan itu perlu disiasat atau tidak. Dan kalau perlu disiasat, apabila siasatan dimulakan, rupa-rupanya saya belum pernah terdengar tindakan yang diambil oleh pihak Securities Commission kecuali beberapa remisier yang kononnya ada melakukan insider trading ataupun short selling, something like that.

Tetapi pengarah-pengarah syarikat yang disenaraikan tidak ada tindakan diambil. Seperti yang diketahui umum ada saham-saham di BSKL suatu masa dicatatkan nilai sampai RM30 lebih. Tetapi di dalam keadaan sekarang ini sudah mula turun sampai di bawah paras RM1.00. jadi, apakah sebabnya ini boleh berlaku. Bukankah ini menunjukkan bahawa sebenarnya fundamental syarikat yang berkenaan itu sangat lemah. Tetapi namun demikian, tidak ada tindakan diambil. Bukankah sebenarnya Securities Commission bertanggungjawab untuk menyelidik annual return setiap syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kalau perolehan keuntungan setiap syarikat itu tidak membayangkan nilai saham yang disenaraikan bukankah menjadi peranan Securities Commission untuk membuat teguran bahawa saham mereka itu over valued. Tetapi belum ada yang dilakukan. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian kenapa ini boleh berlaku.

Dalam suatu masa dahulu ataupun tidak berapa lama dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri berkata bahawa beliau memberi arahan kepada Securities Commission. Ini bererti Securities Commission tidak berfungsi kecuali menerima arahan. Mereka tidak menjalankan tugas. Saya rasa inilah sebabnya mengapa keadaan ekonomi kita ini terlalu teruk. Kalau ini berterusan, saya kluatir keadaan ekonomi kita akan bertambah buruk sebelum ia bertambah baik. Siapa yang dipertanggungjawabkan? Ada dua badan yang dipertanggungjawabkan, pertama Securities Commission dan yang keduanya ialah mereka yang bermegah dengan saham-saham disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Mungkin termasuk sahabat saya dari Rompin.

Tetapi ini seolah-olah tidak lagi kita perlu jadikan persoalan besar, oleh kerana keadaan sudah pun seolah-olah 'nasi sudah menjadi bubur'. Yang penting sekarang ialah bagaimanakah kita untuk memperkukuhkan Bursa Saham Kuala Lumpur ini supaya confident para pelabur akan kembali, terutama pelabur dari luar negara.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak ada masa. Dia tidak mahu berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit. Ini macam hendak mula berlatih untuk pilihan raya negeri Sabah. Semuanya tidak betul. Masa PBS mengambil alih Sabah itu sama sahaja. Saya

bersetuju. Yang tidak bersetuju pula bahawa memang penting dikembalikan, dipulihkan dari segi confident. Tetapi sebelum itu, Yang Berhormat bercakap pula ekonomi akan bertambah buruk sebelum dia baik. You are talking to down the market, dengan izin. Adakah tidak konsisten pandangan Yang Berhormat tadi. Sepatutnya Yang Berhormat yakin inilah yang paling rendahnya, selepas ini kita akan pulih, barulah seronok kita dengar.

Tuan Yunof Edward Maringking: Inilah Rompin, kawan juga, tetapi sebelum saya habis dia hendak ganggu. Saya kata mungkin keadaan akan bertambah buruk. Jadi, itulah sebabnya masalahnya bukan lagi tentang bursa saham. Tetapi masalah yang dihadapi oleh kita sekarang ialah bagaimana kita mengembalikan confident. Bukankah ini satu cadangan yang positif. Ini bukan kempen. Kalau mahu kempen ada masanya, itu di Sabah. Ketua Menteri yang dari UMNO sendiri sudah meletak jawatan, *[Ketawa]* oleh kerana dia sendiri tidak ada confident diri sendiri, dia gagal. Dia bikin malu UMNO, *[Ketawa]* bagaimana? Bagus lagi Yang Amat Berhormat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun, atas peraturan apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia bercakap fasal security tetapi masuk politik, ini celaru Tuan Yang di-Pertua. Tolong ajarkan. Kita tinggal beberapa hari. Yang Berhormat back to the point please.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat walaupun tidak bangkit peraturan mesyuarat mana-mana, tetapi ini satu teguran. Saya hendak ingatkan Yang Berhormat juga Kerusi itu satu sahaja Yang Berhormat. Sama ada hendak arahkan dia, jangan unkitkan perkara yang tidak bersabit, itu tugas saya. Yang Berhormat, tidak payah Yang Berhormat merayau jauh sangat, balik kepada tajuk. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akur Tuan Yang di-Pertua, saya akur, tetapi ini jawab Rompin, dia bertanya sama ada praktis untuk pilihan raya. Jadi, mungkin ada pilihan raya oleh kerana meletak jawatan Timbalan Ketua Menteri dari UMNO. Jadi, itulah sebab saya bangkitkan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rompin juga telah mengatakan bagaimana seharusnya kita mahu built up confidence, bagaimana dengan keadaan yang begini, Timbalan Ketua Menteri/Menteri Kewangan Negeri Sabah merupakan agensi terpenting Kerajaan Persekutuan juga letak jawatan, seharusnya masa ini jangan kata: "I failed in my duty." Bagaimana menteri boleh berbuat begini. Jadi, ini boleh

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya cukup jelas Yang Berhormat, sekuriti ini tidak ada kena-mengena dengan soal kepartian.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya akur, tetapi saya perjelaskan bahawa ini sebahagian dari usaha kita untuk to built confidence of investor, di dalam ekonomi kita pada masa ini. Jadi, itu ada relevan.

Seorang Ahli: Mana ada?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, Bagaimana pun saya akur, cukuplah sampai di situ tentang perkara itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini point of order ataupun apa?

Seorang Ahli: Kasyi bah! *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menghargai keghairahan sahabat saya untuk memulihkan keadaan. Cuma saya hendak bertanya dalam pandangan yang tulus ikhlas Ahli Yang Berhormat, adakah tindak tanduk dalam kenyataan Ketua Pembangkang, ketua Yang Berhormat boleh menambahkan confidence dalam keadaan yang ada sekarang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengutarakan banyak cadangan, jadi saya tidak tahu mana satu yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kalau ia memperkatakan tentang isi ini, nanti saya akan sampai ke situ dan saya akan memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali untuk mendapatkan keyakinan balik para pelabur dalam bursa saham kerana bursa saham ini merupakan barometer, dengan izin, prestasi ekonomi negara kita. Selagi keadaan bursa saham ini terus merosot, para pelabur bukan sahaja dalam Bursa Saham Kuala Lumpur tetapi direct investor juga, dengan izin, akan terpengaruh dan ia boleh

meretakkan keadaan ekonomi kita dan justeru itu kita perlu berhati-hati dan kalaulah saya ambil kembali kenyataan Tun Daim Zainuddin itu di mana banyak para pelabur di dalam bursa saham telah mengambil pinjaman yang begitu besar hingga mungkin menyebabkan kesulitan membayar balik dengan keadaan harga saham yang ada sekarang, maka saya percaya sesuatu tindakan perlu diambil.

Saya tidak ingin mencadangkan apa-apa tindakan oleh kerana saya tidak tahu apa keadaan yang sebenarnya tetapi saya cukup yakin bahawa kalau itu benar, sesuatu tindakan perlu diambil. Saya pernah mengatakan semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentang penjelasan mengenai keadaan ekonomi dan potongan tentang perbelanjaan bahawa seharusnya kita membuat tindakan yang menyeluruh dan not on piece-meal, dengan izin.

Oleh kerana ekonomi negara kita ini adalah atau kita boleh bayangkan sebagai seorang manusia yang sedang sakit dan kalau kita tidak diagnosis apa penyakitnya yang sebenar dan kita buat operation di sana sini, oleh kerana kita suspect di situlah punca penyakitnya, pada hal bukan di situ punca penyakitnya, sebelum dia sembuh dia akan mati dan ini sangat merbahaya kalau tindakan seperti ini dilakukan dalam konteks ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang tidak seharusnya timbul ialah kita terlalu angkuh di dalam pendekatan mengenai IMF. Saya bukan bertujuan menyeru kepada kerajaan supaya kita minta pinjaman dari IMF, saya hanya sekadar mengemukakan pandangan bahawa IMF ini adalah satu badan kewangan antarabangsa yang memainkan peranan yang amat besar untuk

membantu negara-negara yang menghadapi permasalahan dalam ekonomi terutama kewangan dan rupa-rupanya banyak pemimpin-pemimpin negara mengatakan bahawa kalau kita menerima pinjaman dari IMF, maka kita akan kehilangan kedaulatan negara kita. Dan justeru itu kita tidak perlu minta bantuan.

Saya rasa pandangan ini adalah satu pandangan yang tidak begitu tepat oleh kerana kalau demikian, adakah benar bahawa mereka yang telah meminjam dari IMF telah kehilangan kedaulatan negara mereka seperti Indonesia, Thailand, Korea dan lain-lain. Saya teringat keadaan ekonomi Britain pada tahun 1976 di mana nilai Pound Sterling juga jatuh teruk, keadaan ekonomi England juga jatuh teruk, maka Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Britain waktu itu iaitu James Callaghan dan Dennis Healy telah meminta pinjaman untuk memulihkan ekonomi England dan di dalam empat tahun ekonomi negara itu telah dapat dipulihkan semula.

Dan memanglah bila ada pinjaman itu diberi syarat-syarat biasanya dikenakan kepada pihak peminjam tetapi itu adalah bertujuan yang baik dan bukan bererti yang jahat. Jadi, saya rasa kita harus juga berhati-hati di dalam kenyataan bila kita memerlukan bantuan dari mana-mana jangan kita terlalu angkuh, kalau keadaan memaksa dan kita akan terpaksa juga mengetuk pintu IMF untuk minta bantuan, bagaimanakah kita akan menghadapi masalah itu nanti. Bukankah lebih malu kalau kita berkata demikian. Tetapi saya berdoa agar dengan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan setakat ini, ekonomi negara akan pulih dan kita tidak akan terjerumus untuk sampai kepada meminta

bantuan pihak IMF. Tetapi pihak kerajaan harus juga membuat perhitungan semasak-masaknya kalau-kalau kita perlu untuk meminta bantuan.

Saya ada membuat penyelidikan bagaimana masalah Jepun ini sampai ke tahap yang ada sekarang ini. Ia berterusan sampai tujuh tahun. Sejak tahun 1990 tanda-tanda ekonomi Jepun telah mulai merosot, tetapi tidak ada tindakan positif diambil dan sekarang keadaannya teruk dan ini boleh mempengaruhi keadaan di negara kita. Walaupun Jepun mempunyai niat baik untuk membantu negara-negara ASEAN, tetapi pada pendapat saya ini adalah semata-mata more political rather than economic, dengan izin. Jepun sendiri mustahil dari segi kewangan boleh membantu kita pada saat ini. Banyak bank-bank Jepun telah ditutup, bursa-bursa saham juga banyak ditutup dan ini akan mempengaruhi keadaan ekonomi di rantau Asia oleh kerana Jepun adalah economic power, dengan izin di rantau Asia.

Itulah yang saya ingin kemukakan mengenai persiapan dan saya telah perkatakan tentang peranan securities Commission tetapi saya ingin membuat beberapa cadangan positif tentang hal ini.

Yang pertama, seharusnya securities Commission ini hendaklah berfungsi sebagai screening body di mana annual returns setiap syarikat itu ataupun mid term returns setiap syarikat itu diambil perhatian khusus dan kalau earning capacity tidak menggambarkan nilai saham syarikat-syarikat berkenaan di Bursa Saham Kuala Lumpur, mereka mestilah memberi teguran dan meminta penjelasan kepada pengarah syarikat-syarikat ini kenapa pendapatan hanya begini tetapi nilai saham begitu tinggi. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa

kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Merbok itu ada fakta-fakta kebenarannya iaitu bursa saham dijadikan kasino oleh beberapa orang.

Yang keduanya, yang ingin saya sarankan ialah bila beberapa orang ataupun ada badan-badan tertentu membeli begitu besar bilangan saham, mereka haruslah mengemukakan kepada Securities Commission bagaimana wang ini boleh diperolehi sama ada dari pinjaman, dari bank ataupun accumulated capital sendiri. Dan apakah saham yang dibeli itu janganlah dijadikan semata-mata sebagai sekuriti oleh kerana keadaan sekarang ini sangat merumitkan kepada bank-bank yang memberi pinjaman, mustahil pinjaman yang telah diberi atas jaminan saham sahaja boleh diperoleh kembali dan ini akan merumitkan banyak bank di negara kita.

Yang terakhir ialah tentang bank, seharusnya pihak bank juga mempunyai peranan iaitu don't over expose, dengan izin, di dalam pembiayaan saham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya minta izin tentang perkara ini sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung, masa itu tetap sama sebagaimana yang saya hadkan tadi.

Seorang Ahli: Sudahlah bah!

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, Tuan Yang di-Pertua, saya akur, sebagai penggulangan saya ingin menekankan bahawa Securities

Commission mempunyai peranan yang penting untuk mengembalikan keyakinan para pelabur di dalam capital market kita, dengan izin, tetapi ini bukan bererti bahawa tindakan yang diambil itu semata-mata kerana sudah diambil akan dapat sendirinya berkesan tanpa follow-up dan untuk susulan, satu penyiasatan menyeluruh kenapa bursa saham terjejas begitu teruk harus dilakukan oleh pihak kerajaan dan Securities Commission. Dengan demikian, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak awal tahun ini jumlah permodalan BSKL telah menyusut sebanyak RM432 bilion ataupun 54% daripada RM807 bilion kepada RM375 bilion seperti pada 15 Disember 1997. Manakala Indeks Komposit KL pula telah jatuh daripada 1,237.96 ke 558.47 pada tarikh yang sama iaitu sebanyak 55%. Jika dinilai dalam mata wang US Dollar saham-saham Malaysia masih kekal sebagai yang terbesar di ASEAN, tetapi kedudukannya sebagai yang ketiga terbesar di Asia tidak dapat dikekalkan.

Pada penghujung bulan Oktober lalu, pasaran saham Malaysia didapati telah jatuh ke tempat kelima terbesar di Asia selepas Jepun, Hong Kong,

Australia dan Taiwan. Pada awal tahun ini Malaysia telah pun menduduki tangga ketiga terbesar di Asia menyusuli Jepun dan Hong Kong. Penyusutan permodalan di pasaran saham di samping kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan krisis ekonomi serantau yang berpanjangan akan menunjukkan kesan-kesannya ke atas ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Dalam menghadapi keadaan pasaran saham dan ekonomi masa kini, adalah menjadi matlamat utama Suruhanjaya Sekuriti dan pihak BSKL bagi memastikan bahawa tidak terdapat sebarang kegagalan sistemik kepada pasaran dan bagi menentukan hak-hak pelabur dilindungi. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak suruhanjaya dan BSKL bagi memenuhi matlamat di atas dicapai. Bermulanya kemerosotan pasaran saham pada bulan April 1997, kedua-dua pihak telah mengambil tindakan seperti berikut:-

Langkah pertama -

Pengawasan harian dan penilaian kekukuhan kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker saham. Kejatuhan pasaran saham masa kini telah mengakibatkan kemerosotan kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker saham di negara ini. Sebahagian syarikat-syarikat broker saham ini telah mengalami kemerosotan kedudukan kewangan yang lebih serius jika dibandingkan dengan yang lain. Dalam keadaan ini adalah penting bagi pihak Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL memastikan bahawa tidak ada syarikat broker yang gagal memenuhi obligasinya kepada SCANS iaitu rumah penjelasan dan kepada lain-lain peserta pasaran termasuk pelabur-pelabur. Pihak

Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL telah menjalankan pengawasan harian ke atas syarikat-syarikat broker saham supaya jika terdapat segala gejala yang tidak sihat, tindakan serta-merta boleh diambil.

Selain daripada itu, pihak suruhanjaya juga telah melaksanakan penilaian ke atas syarikat-syarikat tersebut berasaskan kerugian kontra dan nyata dan kerugian yang dijangka disebabkan oleh belian tertunggak, equity margin yang tidak mencukupi, urusniaga sendiri, urusniaga di luar timbang duga dan liabiliti di luar jangka. Penilaian dan analisa ini merupakan satu sistem amaran awal yang boleh membolehkan pihak suruhanjaya dan BSKL mengawasi kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker yang berpotensi menghadapi kesulitan atau yang menghadapi masalah ketidakcairan.

Berasaskan analisa yang dijalankan di atas, pihak BSKL telah merumuskan suatu pelan tindakan bagi syarikat-syarikat broker saham memajukan kepada pihak BSKL pelan tindakan khusus yang merangkumi cadangan penambahan modal yang diperlukan, pemulihan hutang dan penyelesaian ke atas hal-hal berhubung kecairan syarikat.

Pelan tindakan ini untuk memastikan bahawa dana pegangan saham syarikat broker saham tidak kurang daripada RM20 juta seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan 4(13)(q)(i), Peraturan BSKL berhubung syarikat-syarikat ahli dan memastikan tahap

kecairan syarikat-syarikat broker saham di tahap yang tidak membimbangkan.

Langkah Kedua -

Memastikan hak-hak pelabur dilindungi. Adalah menjadi kewajipan bagi pihak-pihak yang berkuasa dan syarikat-syarikat broker saham memastikan bahawa hak-hak pelabur dilindungi terutama sekali pada masa kemerosotan ekonomi dan pasaran saham masa kini. Bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat broker saham mematuhi keperluan ini, pihak BSKL telah mengeluarkan Pekeliling bertarikh 11 November 1997 kepada ahli-ahli berhubung pengasingan asset client seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 44 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 sebagai ingatan dan menghendaki syarikat-syarikat ini memajukan laporan bulanan sebagai pengesahan berhubung perkara tersebut kepada pihak BSKL.

Langkah Ketiga -

Pindaan kepada Peraturan BSKL untuk mengukuhkan, kuasa pihak BSKL. Suatu peraturan baru iaitu Peraturan 15B Peraturan BSKL berhubung syarikat-syarikat ahli telah dilaksanakan. Peraturan ini melengkapkan pihak BSKL dengan kuasa untuk menyelaraskan kedudukan syarikat-syarikat broker saham termasuk hal-hal berhubung standard berhemat, prudential standard, dengan izin. Sehubungan dengan itu, pihak BSKL telah menjalankan kuasanya di

bawah peruntukan Peraturan 15B Peraturan BSKL bagi mengenakan sekatan urusan ke atas kelima-lima syarikat broker berkenaan.

Sekatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada kedudukan kewangan syarikat broker tersebut di mana dana pegangan saham mereka telah merosot sehingga tidak lagi mencapai tahap RM20 juta modal berbayar minimum sepertimana yang diperuntukkan oleh peraturan 4(13)(q)(i) Peraturan BSKL berhubung syarikat-syarikat ahli.

Sekiranya terdapat syarikat-syarikat broker saham yang lain berada di dalam situasi yang serupa, tindakan yang sama atau sepatutnya akan diambil oleh pihak BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai capital adequation requirement syarikat broker, KLSE dan FC telah bekerjasama untuk mengkaji semula rangka kehendak modal kapital, capital adequation framework yang berasaskan risiko, ianya dijangka akan diperkenalkan pada tahun 1998. Pengehadan ke atas lima syarikat broker adalah dikenakan oleh KLSE kerana syarikat yang berkenaan ini telah gagal mematuhi kehendak kecairan minimum dan syarikat Securities Commission dan KLSE tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat broker yang gagal mematuhi kehendak dan peraturan yang ditentukan.

Tentang pembelian saham oleh syarikat nominee atau menerusi syarikat nominee, kerajaan tidak menghalang hak seorang untuk memiliki harta, ini adalah hak setiap orang di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan

menganggap serius penggunaan syarikat nominee sebagai topeng untuk tujuan yang bertentangan dengan undang-undang.

Oleh itu, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka merujuk Seksyen 99A Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dicadangkan untuk dimasukkan oleh rang undang-undang ini, Suruhanjaya Sekuriti telah diberi kuasa untuk menyiasat transaksi yang menggunakan syarikat nominee. Pindaan ini juga adalah khusus untuk menangani masalah salah guna syarikat nominee.

Mengenai perniagaan dalaman ataupun insider trading, dengan izin, pihak kerajaan telah memulakan pendakwaan bagi peniaga dalaman, satu contoh kes Kim Heng Industri adalah merupakan kali pertama dalam sejarah industri sekuriti, kuasa-kuasa pendakwa yang diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti diperlukan di sisi undang-undang untuk mengambil kira kepentingan awam.

Oleh yang demikian, adalah jelas Suruhanjaya Sekuriti mesti bertindak dalam kepentingan awam tanpa menyebelahi mana-mana pihak, saya ingin memberi beberapa contoh yang menunjukkan kerajaan telah melaksanakan peruntukan perniagaan dalaman dengan adil.

Pertama, kes pendakwaraya vs Chua Seng Huat, ini adalah kes dagangan dalaman pertama yang telah didakwa oleh Suruhanjaya Sekuriti, Johnny Chua Seng Huat tertuduh dalam kes ini merupakan Pengarah Urusan di Kim Heng Industri Berhad, sebuah syarikat yang disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Beliau telah didakwa di bawah Seksyen 90 dan Seksyen 89 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 pada 20 November 1996 di Mahkamah

Sesyen Kuching. Tertuduh telah dituduh menjual 1.2 milion saham Kim Heng Industri Berhad dengan menggunakan maklumat sulit dan maklumat sensitif harga, price sensitive information, dengan izin, pada 23 Mei 1995, dengan harga RM11.01 seunit dan pada 26 Jun 1995 dengan harga RM11.41 seunit, sebelum pengumuman keputusan enam bulan pertama yang tidak diaudit Syarikat Kim Heng Industri Berhad untuk mengelakkan kerugian.

Adalah jelas bahawa selepas pengumuman tersebut dibuat yang menunjukkan keuntungan operasi kumpulan Syarikat Kim Heng Industri Berhad telah merosot sebanyak 50% berbanding dengan keputusan tahun lalu. Harga saham Kim Heng Industri Berhad telah jatuh dari RM7.5 seunit kepada September 1995 ke RM4.98 seunit pada November 1995. Tertuduh tidak mengaku salah dan telah meminta dibicarakan.

Setakat ini perbicaraan masih dalam peringkat kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwa telah memanggil 27 saksi dan telah mengemukakan 242 atlet kepada pihak mahkamah, kes ini akan bersambung pada 7 hingga 17 Januari 1998, pendakwaan kes ini dikendalikan bersama oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Sekuriti dan Timbalan Pendakwa Raya, pihak pembelaan diwakili oleh Queen Council daripada Australia dan dua peguam.

Kedua, manipulasi pasaran saham. Pihak Suruhanjaya belum mendakwa sesiapa pun di bawah Seksyen 84 dan 85 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 akan tetapi pada tahun 1979, dua broker saham pernah dituduh di bawah seksyen 84 dan 85 Akta Perindustrian Sekuriti 1973. Kedua-dua tertuduh dituduh mewujudkan suatu rupa palsu berkenaan dengan pasaran untuk saham Pacific

Development Corporation Berhad di antara 11 hingga 23 Ogos 1977. Jumlah saham yang terlibat ialah 1,312,000 unit. Kedua-dua tertuduh telah dibicarakan dan didapati tidak bersalah oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Semasa rayuan di Mahkamah Tinggi keputusan Mahkamah Sesyen untuk membebaskan kedua-dua tertuduh telah dikekalkan kerana mahkamah mendapati bahawa pihak pembelaan telah memberi alasan yang munasabah mengapa transaksi tersebut telah dilaksanakan.

Justeru itu mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan niat kedua-dua tertuduh untuk melakukan transaksi perdagangan palsu tanpa was-was yang munasabah. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah tersebut, cadangan pemindaan peruntukan 90A dan 91 di dalam akta ini adalah untuk menambahkan bilangan hukuman terhadap perdagangan dalaman melalui penambahan ini, kesalahan perdagangan dalaman akan dapat dikurangkan atau dapat dibendung.

Dicadangkan juga bahawa seorang yang dibabitkan dengan kesalahan perdagangan dalaman itu hendaklah menyerahkan kembali keuntungannya itu. Peruntukan bagi meningkatkan penalti seperti yang terdapat di United States, Insider Trading Sanctions Act 1985 membolehkan security exchange commission memohon kepada mahkamah tiga kali ganda keuntungan atau kerugian yang dielakkan oleh seseorang yang membabitkan dengan kesalahan perdagangan dalaman.

Sementara itu tindakan sivil hendaklah diperkenalkan dalam soal ini kerana darjah pembuktian adalah dihadkan kepada imbangkan kebarangkalian

sahaja, tidak seperti tindakan jenayah yang mempunyai darjah pembuktian yang tinggi iaitu melebihi keraguan yang munasabah atau *beyond reasonable doubt*. Selain daripada pembendungan kesalahan ini, melalui tindakan sivil salah satu dari objektif dalam memperkenalkan tindakan sivil ini ialah lebih ramai lagi yang akan mempunyai kepentingan untuk mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan berkenaan dan tidak terhad kepada pendakwa raya sahaja. Tambahan pula dasar tindakan sivil membolehkan tuntutan ganti rugi yang penuh atau pampasan dibuat. Jadi, risiko kesalahan perdagangan dalaman bertambah dari setiap sudut.

Mengenai pembekuan kelulusan cadangan terbitan korporat, inisiatif pihak kerajaan untuk melarang kelulusan cadangan terbitan korporat merupakan satu dari langkah untuk membanteras masalah kecairan dan menyalurkan modal kepada tujuan-tujuan yang produktif. Oleh yang demikian, hanya industri yang bersifat strategik dan mempunyai pendapatan daripada hasil eksport dan yang menggunakan teknologi akan dipertimbangkan sebagai pengecualian. Tidak ada syarikat yang akan diberi layanan yang khas sekiranya kriteria ini tidak dipenuhi.

Cadangan dana bagi kos pengambilan Berjaya Singer Berhad telah diumumkan dan obligasi tawaran am akan wujud apabila urusan tersebut dimuktamadkan. Menurut kod Malaysia notis pengambilalihan hanya boleh dihantar kepada lembaga pengarah Berjaya Singer apabila pihak membuat tawaran mempunyai dana yang mencukupi.

Perkara ini akan dipastikan oleh bank saudagar yang dilantik sebagai penasihat. Suruhanjaya Sekuriti hanya mengawasi tawaran am yang akan dilaksanakan. Dakwaan bahawa syarikat broker berpakat dengan Berjaya Singer untuk menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti adalah tidak benar, syarikat broker adalah dikehendaki di bawah Seksyen 38 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 untuk mengeluarkan nota kontrak bagi setiap transaksi di BSKL yang dilakukan melalui sistem di BSKL. Nota kontrak tersebut adalah sah dari segi undang-undang ke atas syarikat broker. Ianya tidak boleh dikeluarkan oleh syarikat broker sewenang-wenangnya tanpa transaksi yang benar-benar berlaku, syarikat broker yang melanggar undang-undang boleh dan akan didakwa.

Mengenai aduan remisier di OCBC Sekuriti, saya ingin memaklumkan setiap syarikat broker adalah tertakluk kepada kehendak untuk membuat pembayaran atau memberi skrip kepada kliennya. Memangnyanya terdapat kontrak di antara syarikat broker dan remisier, apabila seseorang pelabur membuat tuntutan adalah sentiasa kepada syarikat broker. Remisier menanggung liabiliti di bawah kontrak dengan syarikat broker. Terma-terma kontrak adalah berbeza di antara syarikat broker yang lain, kehendak undang-undang menghendakkan supaya pelabur dilindungi pada setiap masa agar kepentingan pelabur tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini ialah mengenai bilangan remisier yang digantung kerja mengikut masalah pasaran saham. Berdasarkan polisi dalaman, urusan niaga

sesebuah syarikat broker saham adalah menjadi kebiasaan bagi syarikat-syarikat broker saham ini untuk menggantung atau mengehendkan aktiviti-aktiviti remisier-remisier yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah. Remisier-remisier ini hanya akan dibenarkan untuk menjalankan semula urusanniaga apabila kedudukan kewangan mereka menepati keperluan syarikat. Pada 5 Disember 1997 terdapat sebanyak 867 remisier yang digantung dari menjalankan urusanniaga mereka. Jumlah ini mewakili 16% daripada 5,301 remisier yang dilesenkan atau 12% dari populasi wakil peniaga seramai 7,188 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peniaga terkecuali iaitu, dengan izin, exempt dealers, takrif peniaga terkecuali pada masa ini menyebabkan banyak kekeliruan berkenaan dengan keadaan di mana mereka diberi takrif peniaga terkecuali dan syarat-syarat yang dikenakan. Selain dari itu, terdapat juga masalah memastikan bahawa semua syarat-syarat dipatuhi selepas tarif peniaga terkecuali diberikan kepada institusi berlesen. Oleh sebab kekeliruan ini perniagaan sekuriti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat saham lebih dikawal selia daripada perniagaan sekuriti yang dijalankan oleh institusi berlesen. Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengatasi kekeliruan tersebut.

Suruhanjaya Sekuriti

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum Yang Berhormat berpindah, saya ada beberapa soalan. Satu, tadi Yang Berhormat ada sebut tentang nominee company, sungguhpun Suruhanjaya Sekuriti ada kuasa untuk membuat siasatan. Bolehkah satu peruntukan dibuat supaya orang awam kalau hendak tahu siapakah pemilik saham sebenar di belakang syarikat nominee ini, mereka boleh mendapatkan maklumat ini dari satu daftar ataupun registry awam kerana sekarang kalau orang awam hendak tahu siapa di belakang syarikat-syarikat nominee iaitu mana-mana pihak yang memiliki saham tertentu, bilangannya dalam syarikat yang disenaraikan dalam BSKL, mereka tak dapat tahu kerana ini semua hanya boleh diuruskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Ini yang pertama. Kedua, tentang Berjaya Singer seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Saya hanya ada satu soalan yang saya hendak tujukan ialah adakah Swasco Dunia Sendirian Berhad yang dikatakan telah bersedia untuk mengeluarkan wang tunai sebanyak RM1.4 bilion untuk membeli Berjaya Singer. Adakah penyusunan semula syarikat ini dengan wang yang begitu besar, dengan premium RM408 juta lebih dari harga pasaran, adakah ini memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan tidak tercicir mudah tunai, (cash flow) dari pasaran modal.

Dan adakah benar bahawa syarikat yang memunyai modal berbayar RM2 ini macam mana boleh mengeluarkan wang sebanyak RM1.4 bilion membeli Berjaya Singer lebih-lebih lagi pihak yang dikatakan akan membeli atau memiliki Berjaya Singer itu, Dato' Mohamad Desa Pachi dan khasnya Mustafa, kedua-dua orang ini bukanlah ahli lembaga pengarah ataupun

pemegang saham dalam Swasco Dunia Sendirian Berhad sepertimana dalam satu carian syarikat yang dibuat oleh saya pada 8 Disember menunjukkan yang menjadi ahli lembaga pengarah dan pemegang saham ada dua orang perempuan yang tidak dikenali. Dan kes yang belum dijawab lagi iaitu tentang Berjaya Industry Berhad (BIB), Ling Son Avenue, Ling Hee Leong.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama iaitu kalau terdapat kes seperti ini, sila rujuk dan minta siasatan dari Securities Commission.

Yang kedua, Securities Commission belum menerima secara formal mengenai urusan yang dicadangkan itu.

Yang ketiga itu ialah sama ada satu syarikat RM2 yang mempunyai cadangan ataupun kebolehnya untuk mengambil alih satu-satu syarikat yang lebih besar, ini pandailah masing-masing dan mereka mempunyai cadangan dan rancangan masing-masing. Ini adalah di luar kuasa Securities Commission.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti selalu menyebelahi pihak broker saham seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menegaskan bahawa ini bukan keadaan yang sebenarnya. Misalnya dalam kes-kes pendakwaan yang baru-baru ini yang dibawa oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti, pihak yang didakwa merupakan broker saham seperti CIMB Security dan Credit Liners Security Singapore Private Limited, jelas menunjukkan betapa serius kerajaan tentang kes seperti ini. Tuntutan ke atas Tabung Kesetiaan iaitu Fidelity Fund, sukacita saya maklumkan melalui pindaan-pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Tabung Kesetiaan ini telah

distruktur dan kini dinamakan Tabung Pampasan ataupun dengan izin, Compensation Fund. Ciri-ciri baru tabung ini adalah seperti berikut:-

- (i) keadaan-keadaan di mana tuntutan boleh dibuat telah diperkembangkan;
- (ii) prosedur-prosedur bagi tuntutan terlebih mudah berbanding dengan keadaan yang dahulu;
- (iii) jumlah pampasan yang boleh diberikan telah dinaikkan.

Yang di-Pertua, mengenai saman oleh suruhanjaya ke atas pihak mereka yang mengalami kerugian akibat perniagaan dalaman. Mengikut seksyen 90A(v)(vi) muka surat 26 rang undang-undang ini, suruhanjaya boleh ataupun biar saya bacakan:

Seksyen 90A(a) yang berbunyi:

“Jika seseorang dalaman memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh atau mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh sekuriti dengan melanggar subseksyen (ii) Seksyen 89E dan sekuriti itu dibenarkan diperdagangkan di suatu pasaran saham, maka sama ada atau tidak orang dalaman itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan. Suruhanjaya boleh jika difikirkan olehnya bahawa berbuat demikian memenuhi kepentingan

awam melalui tindakan guaman terhadap orang dalaman itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu.”

Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bolehlah kita menggunakan perenggan ini untuk mendakwa satu-satu secara sivil. Suruhanjaya tidak akan mengambil wang tersebut sekiranya tuntutan si penalti sivil itu diberikan, malah menurut Seksyen 90A(vii) ianya adalah untuk membayar kos penyiasatan dan lain-lain, membayar kepada mereka yang mengalami kerugian sekiranya tidak dibayar keluar wang tentu akan dibayar kepada Tabung Pampasan sebagai dana atau digunakan untuk mengawalselia pasaran.

Tentang pelan induk perkhidmatan kewangan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, jawatankuasa petugas bagi mengkaji pengawalseliaan sektor perkhidmatan kewangan telah pun ditubuhkan di Perbendaharaan dan telah pun merangka terms of reference

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Beri jalan sekejap, ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum menjawab soalan tentang Ling Son Avenue Sendirian Berhad sama ada Ling Hee Leong apabila membeli 32% ekuiti dalam Berjaya Industrial Berhad telah menggunakan wang dalam Berjaya Industry Berhad (BIB) untuk menampung pembelian sebanyak RM568 juta dan juga isu

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sampai lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Akan sampai?

Dato' Wong See Wah: Saya akan sampai.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baik.

Dato' Wong See Wah: Merangka terms of reference sebagai pendua kepada jawatankuasa. Antara peranan jawatankuasa ini ialah menyelaraskan peranan agensi-agensi kawal selia yang terlibat dengan perkhidmatan kewangan agar tidak timbul masalah pertindihan fungsi di antara agensi yang akan dapat meningkatkan kecekapan dan mengurangkan pembaziran akibat pertindihan fungsi.

Kementerian Kewangan sedang mengambil langkah menggubal pelan induk perkhidmatan kewangan untuk membolehkan sistem kewangan ditadbir dengan licin dan berkesan dari segi kos. Sebenarnya satu jawatankuasa kerja (task force) yang bertahap tinggi sedang diwujudkan pada masa ini yang akan mengandungi semua agensi yang relevan, jawatankuasa ini akan mengkaji strategi yang sewajarnya untuk menepati matlamat Wawasan 2020.

Tentang sistem BIPS dan bond khazanah, BIPS merupakan satu sistem penyebaran maklumat bond yang telah dilancarkan pada bulan Oktober 1997 kali pertama. Sistem ini memberikan maklumat yang terkumpul ataupun, dengan izin, integrated bagi semua terbitan bond termasuk hutang kerajaan dan juga bond khazanah. Sistem ini sedang diperkembangkan supaya dijadikan satu sistem dagangan yang akan menggalakkan pembangunan pasaran bond Ringgit. Terbitan bond khazanah telah menunjukkan satu benchmark, u curve, dengan izin, bagi menetapkan harga-harga bond korporat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang langkah-langkah kerajaan untuk menghadkan designation 100 kaunter dalam Indeks Komposit BSKL, langkah ini telah diperkenalkan untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang seperti jualan pendek. Namun begitu, sebaik sahaja tujuan-tujuan tersebut dicapai, pihak kerajaan telah mengkaji semula keadaan dan menarik balik keputusan tersebut. Kita harus ingat bahawa dalam mengambil apa-apa tindakan, kerajaan selalu mengambil kira keperluan untuk menjamin kestabilan pasaran saham.

Tentang langkah-langkah liberalisasi di mana syarikat-syarikat asing dibenarkan menyalurkan order

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat sudah menjawab sedikit sebanyak mengenai tindakan yang diambil oleh pihak kementerian ke atas masalah designation itu, saya hendak menanya Yang Berhormat, sama ada kementeriannya sudah mengkaji di mana ada kesalahan. Saya tidak menafikan bahawa kita mesti mencegah segala bentuk jualan pendek ataupun penyelewengan yang lain, tetapi nampaknya dengan designation yang dilakukan oleh pihak kementerian menimbulkan masalah yang lebih rumit lagi. Bukankah ini bermakna keputusan diambil waktu itu adalah tidak mengikut secara yang baik kerana ini memang kita mesti ada kaedah, ada mekanisme untuk menjaga, lain kali jangan kita lakukan hal seumpama ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya bersetuju kita mesti mengambil langkah yang ketat untuk mencegah segala kesalahan termasuk jualan pendek tetapi ini tidak bermakna kita mengambil tindakan yang boleh menjejaskan, yang boleh merumitkan, yang boleh menyusahkan keadaan ini. Apa yang berlaku waktu itu ialah menyusahkan keadaan, walhal kita hendak memulihkan keyakinan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat iaitu keputusan itu ditangguhkan, tidak ada lagi dan ini adalah sangat subjektif kerana kalau sebarang keputusan yang dibuat pada masa itu siapa tahu apa yang akan berlaku, kalau tindakan diambil itu mungkin yang lagi teruk akan berlaku dan sekarang perkara sudah berlaku dan memanglah kita tahu apa yang patut dibuat, apa yang tidak harus dibuat dan kerajaan memang sedar dengan keadaan seperti ini dan keputusan telah dibuat dan terima kasihlah kalau itu menjadi satu nasihat kepada kerajaan.

Tentang langkah-langkah liberalisasi di mana syarikat sekuriti asing dibenarkan untuk menyalurkan order kepada syarikat broker tempatan. Securities Commission sedang dalam proses akhir untuk menetapkan terma-terma dan syarat-syarat yang akan dikenakan kepada syarikat sekuriti asing. Ini adalah untuk memastikan supaya syarikat broker tempatan tidak terjejas perniagaannya. Sebagai contoh, pelaksanaan transaksi-transaksi hendaklah dibuat oleh syarikat anggota BSKL yang diberi lesen sebagai syarikat broker tempatan.

Pada masa yang sama syarikat sekuriti asing hanya akan dibenarkan untuk meng'access' klien antarabangsa yang bukan pemastautin di Malaysia. Langkah ini adalah untuk membantu membaiki kecairan BSKL. Tentang skim membeli balik saham oleh syarikat menyentuh mengenai sistem skim pembelian balik saham ataupun belian, bantuan kewangan oleh sesebuah syarikat untuk membeli saham syarikat berkenaan di bawah seksyen 67 Akta Syarikat pula mungkin akan melanggar peruntukan Bahagian 9 SIA, bahagian tersebut merangkumi kesalahan-kesalahan manipulasi pasaran seperti yang terkandung di dalam seksyen 86, 87 dan 87A didapati bahawa kebanyakan syarikat awam yang tersenarai tidak membuat keputusan untuk membeli balik saham masing-masing.

Suruhanjaya percaya bahawa peruntukan yang jelas hendaklah digubal untuk membolehkan pembelian balik dilakukan tanpa menyalahi sebarang undang-undang dan menyalahgunakan seksyen 67A. Pindaan ini akan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengeluarkan peraturan yang menjelaskan pemakaian undang-undang sekuriti. Pemindahan ini merupakan suatu galakan dan penetapan darjah tingkah laku pasaran yang betul.

Selain daripada itu, melalui pindaan risiko undang-undang dan peraturan dalam pemberian balik saham dapat dihapuskan. Dengan adanya kepastian transaksi ini akan menjadi suatu yang berdayamaju bagi perdagangan syarikat-syarikat awam yang tersenarai, yang ingin melakukan pembelian balik saham. Setakat ini sebanyak 39 syarikat tersenarai telah mengumumkan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur untuk membeli syernya sendiri. Di samping itu terdapat

tiga syarikat tersenarai yang telah membeli semula syernya sendiri menurut peruntukan yang terkandung di dalam seksyen 67A Akta Syarikat 1965. FC dan pihak berkuasa lain sedang mendapat feedback dan mengadakan kajian rangka kawal selia berkenaan pembelian saham oleh syarikat di bawah seksyen 67A Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai UEM tentang Renong. UEM telah memperolehi 32.6% ekuiti Renong, transaksi ini menimbulkan keraguan sama ada UEM dan pihak yang bertindak bersama-sama Tan Sri Halim Saad dan Time Engineering Berhad mempunyai satu obligasi untuk melaksanakan taburan am mandatori di bawah kaedah 34.1(b) Kod Malaysia.

Mengenai pengambilalihan dan percantuman Kod Malaysia, perolehan secara tunai ini adalah di bawah

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tanjong bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa UEM dan Halim Saad adalah perlu untuk membuat satu Mandatory General Offer (MGO), bererti bahawa waiver yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ditarik balik itu masih dipakai

Dato' Wong See Wah: Nanti dahulu, biar saya habis dahulu, boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, belum habis?

Dato' Wong See Wah: Belum!

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habis dahulu.

Seorang Ahli: Sabarlah!

Dato' Wong See Wah: Pelaburan secara tunai ini adalah di bawah bidang kuasa pertimbangan Jawatankuasa Pelaburan Asing, FC mempunyai bidang kuasa ke atas urusan niaga tersebut jika perolehan 32.6% ekuiti Renong tersebut menimbulkan obligasi terhadap UEM dan pihak-pihak yang bertindak bersama-samanya untuk melaksanakan tawaran am mandatori ke atas baki hak mengundi dalam Renong.

Dalam kes ini UEM telah mendapatkan pengecualian daripada FIC melalui surat FIC bertarikh 24 Oktober 1997 daripada keperluan untuk melaksanakan tawaran am mandatori di bawah kaedah 34.2 Kod Malaysia. Kelulusan FIC bagi pengecualian tersebut adalah atas syarat antara lain pembelian hendaklah dibuat dipasaran terbuka dan perolehan tersebut dihadkan kepada tidak lebih daripada 50% hak mengundi dalam Renong.

Perolehan 32.6% ekuiti Renong oleh UEM telah membawa pegangan UEM dan pihak-pihak yang bertindak bersama-samanya iaitu Tan Sri Halim Saad dan Time Engineering melebihi had 50% yang telah ditetapkan oleh FIC dalam kelulusan bagi pengecualian tersebut.

Berikutan dengan itu pengecualian yang telah diberikan tidak lagi berkuatkuasa atas sebab ketidakpatuhan kepada syarat yang telah ditetapkan. Lanjutan daripada itu, UEM adalah tertakluk kepada kaedah 34.3 Kod Malaysia di mana perolehannya yang menimbulkan obligasi tawaran am mandatori tidak

sepatutnya dibuat kecuali kebenaran daripada FC diperolehi terlebih dahulu sekiranya pelaksanaan am mandatori bersabit dengan perolehan 32.6% ekuiti Renong tersebut bergantung kepada resolusi yang perlu diluluskan oleh pemegang-pemegang saham UEM.

Oleh yang demikian, perolehan 32.6% ekuiti Renong tersebut oleh United Engineering Malaysia (UEM) adalah merupakan satu pelanggaran kepada kaedah 34.3 Kod Malaysia. Pemegang-pemegang saham UEM akan mempertimbangkan cadangan perolehan 32.6% ekuiti Renong tersebut, pihak UEM diberi sehingga 10 Januari 1998 bagi membawa perkara tersebut ke pertimbangan pemegang-pemegang sahamnya di Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) syarikat. UEM mempunyai obligasi untuk melaksanakan tawaran am mandatori ke atas baki hak mengundi dalam Renong jika perolehan tersebut diluluskan oleh pemegang-pemegang sahamnya di EGM tersebut.

Oleh kerana obligasi tawaran am mandatori telah timbul berikutan dengan perolehan 32.6% ekuiti Renong tersebut terhadap UEM dan pihak-pihak yang bertindak bersama-samanya dan jika pemegang-pemegang saham UEM menolak cadangan perolehan tersebut, permohonan bagi pelepasan dan tawaran am mandatori tersebut perlu dikemukakan bagi pertimbangan pihak FC. Pertimbangan oleh FC bagi permohonan pelepasan dari obligasi tawaran am mandatori tersebut adalah bergantung kepada cara mana pemegang-pemegang saham UEM menimbang cadangan perolehan tersebut dan terma-terma pelupusan 32.6% ekuiti Renong tersebut oleh UEM.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalah ialah sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada berkata bahawa mengikut kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa waiver sudah ditarik balik oleh kerana syarat-syarat yang termaktub dalam waiver itu oleh FIC tidak diikuti, kalau begitu kenapa Suruhanjaya Sekuriti bukan sahaja pengerusinya Dr. Munir Majeed tetapi jurucakap, spokeswomannya masih pegang kepada kedudukan, pendirian bahawa waiver FIC masih terpakai dan bergantung kepada keputusan EGM UEM barulah Securities Commission akan kaji perkara ini.

Kenapa ada bercanggah-canggah sama ada waiver FIC masih terpakai atau tidak terpakai, di sini kita dapati bahawa kerajaan berpendapat bahawa tidak terpakai lagi, tetapi Securities Commission Chairman kata masih terpakai dan akan kaji perkara ini. Adakah dalam sembilan hari ini sejak Datuk Dr. Munir Majid keluarkan kenyataan itu dan bukan sahaja dibuat oleh beliau tetapi diulangi oleh jurucakap suruhanjaya sama ada Kementerian Kewangan ada meminta satu penjelasan daripada Dr. Munir Majid dan adakah Kementerian Kewangan memberitahu kepada Dr. Munir Majid, beliau sudah silap bahawa waiver FIC tak pakai lagi, adakah perkara ini di strengthen out atau perkara ini masih Kementerian Kewangan satu pendirian tetapi Securities Commission pendirian yang lain.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kes ini tidak ada ambiguity, apa yang saya laporkan ini adalah pandangan daripada Securities Commission. Jadi, yang saya nampak ialah, saya jelas sekali tak ada

apa-apa yang bercanggah. Jadi, kalau ada terdapat apa-apa pandangan yang berlainan mungkin dalam surat khabar yang saya belum baca laporan itu tetapi kalau terdapat laporan seperti itu, saya nasihatkan supaya Ketua Pembangkang itu berhubung terus dengan Pengarah Securities Commission supaya mendapat keterangan yang selanjutnya supaya tidaklah mencampuradukkan pandangan.

Sebenarnya, memang tidak ada apa-apa kalau mengikut perjalanan persidangan Parlimen ini, menteri saya telah membuat penjelasan, sekarang hari ini saya membuat penjelasan, di antara itu pun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun telah membuat penjelasan apa yang diumumkan oleh menteri saya itu pakai lagi dan hari ini kalau masih diragu-ragui, saya haraplah dapat berhubung dengan Pengarah Securities Commission supaya tidaklah mencampuradukkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai MESDAQ, sebenarnya dengan adanya

....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan. Saya akan kemukakan persoalan mengenai UEM-Renong deal.

Dato' Wong See Wah: Nanti, nanti, saya belum lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Akan datang?

Dato' Wong See Wah: Akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, semuanya akan datang. *[Ketawa]*

Dato' Wong See Wah: Mengenai dengan MESDAQ jadi dengan pengwujudan MESDAQ dan perolehan skim pembelian balik saham maka pemindaan undang-undang perlu dilakukan. Salah satu dari aspek unit operasi MESDAQ ialah kewujudan pembuat pasaran yakni, dengan izin, market makers. Pembuat pasaran ini memastikan bahawa kadar kecairan ataupun liquidity yang cukup dihasilkan dalam stok-stok MESDAQ. Dalam masa yang sama MESDAQ mengamalkan regim pendedahan penuh dalam penawaran sekuriti kepada orang awam di mana mekanisme penstabilan harga menjadi perlu, tetapi tanpa pemindaan kegiatan pembuat pasaran MESDAQ akan tanpa diinginkan melakukan pelanggaran Seksyen 41 Akta Perindustrian Sekuriti.

Dalam pada itu Seksyen-seksyen yang sedia wujud dalam Akta Perindustrian Sekuriti tidak membenarkan penstabilan harga walaupun penstabilan harga dibenarkan dalam bidang kuasa yang lain. Adalah dijangkakan bahawa penstabilan harga akan diperlukan untuk penawaran awam sekuriti di MESDAQ. Tanpa mekanisme ini setiap peserta di MESDAQ terpaksa menawarkan sekuriti untuk jualan tanpa penstabilan harga yang mana kos penerbit adalah tinggi.

Sukacita juga saya maklumkan OTC adalah berbeza dengan MESDAQ, pada peringkat permulaan mungkin model OTC ini dikaji sebagai satu untuk digunakan sebagai satu pasaran baru tetapi pada akhirnya difikirkan OTC itu adalah tidak sesuai lagi. Maka oleh kerana MESDAQ adalah seperti BSKL iaitu ia mempunyai harga jualan dan mempunyai juga harga belian yang dalam pada papan dan perniagaan itu berjalan mengikut asas masa yang sah, jadi ini

adalah berbeza daripada OTC kerana perniagaan sampingan bolehlah dijalankan di dalam OTC.

Oleh yang demikian ...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kepong bangun ya.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habiskan dahulu. Oleh yang demikian adalah dicadangkan bahawa Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengeluarkan peraturan atau kaedah untuk pembuat pasaran di MESDAQ, sementara itu seksyen 84(1) dan 85 SIA dipinda supaya penstabilan harga di bawah Peraturan 87B adalah dikecualikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Tadi, penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan MESDAQ lebih baik daripada OTC, saya pun belum tahu kerana memang satu idea

Dato' Wong See Wah: Saya tidak sebut idea lebih baik daripada OTC.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah!

Dato' Wong See Wah: Cuma yang saya sebut ini ada berlainan oleh kerana MESDAQ itu adalah satu pasaran yang baru, iaitu pasaran yang seperti pasaran BSKL, ini maksud saya dan OTC itu adalah menggunakan mekanisme yang lain dan antara satu daripadanya ialah OTC itu membenarkan perniagaan

dijalankan secara di luar, over the counter tanpa menyebutkan harga jualan ataupun belian itu pada papan itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Adakah ini bermakna pihak kementerian tidak akan membenarkan OTC lagi memandangkan ini mungkin tidak begitu berkesan ataupun tidak begitu mudah untuk dikawalkan?

Dato' Wong See Wah: Soal itu tidak timbul, oleh kerana kita sebut MESDAQ. MESDAQ ini adalah satu yang baru, ini untuk membolehkan supaya syarikat-syarikat SMI dan syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi boleh disenaraikan disebabkan mungkin untuk mencari modal pasaran melalui MESDAQ ini. Jadi, ini adalah satu konsep yang berlainan, jauh sekali bezanya daripada OTC.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya jawab persoalan yang telah ditimbulkan mungkin tidak mengikut susuncara soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sama ada UEM-Renong deal bertujuan menyelamatkan Tan Sri Halim Saad.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian saham Renong oleh UEM sebanyak 32.6% dilakukan di pasaran terbuka. Akibat dari itu perolehan tersebut ekuiti Renong dimiliki 32.6% oleh UEM, manakala 23.3% oleh Halim Saad dan 21% oleh Time Engineering. Sukacita saya memaklumkan iaitu pegangan saham oleh Halim Saad sebelum dan selepas transaksi ini kekal tidak berubah. Maka saya tidak tahulah sama ada ini adalah dengan tujuan seperti yang disebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang pertama, saya ada tanya dengan spesifik mengenai lapan syarikat nominees sama ada benar bahawa

Dato' Wong See Wah: Saya belum sampai ke situ lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, belum sampai ke situ, mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat

Dato' Wong See Wah: Biar saya jawab semua dahulu, kemudian tanya, boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sedikit mengenai Halim Saad. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sebelum dan selepas bahawa tekanan pemilikan saham dalam Renong tidak berubah. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam satu press conference kali yang kedua beliau mengadakan dalam sejarah Halim Saad, beliau sendiri berkata bahawa dia ada menambahkan pemilikan sahamnya dalam Renong. Dia sendiri kata ada dan kenapa sekarang kita dengar tidak ada?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kita ikut rekod, register apa yang ada itu kita cakaplah berdasarkan kepada rekod itu, kalau mereka bercakap perkara yang lain macam-macam, itu kepunyaan saya, apa yang kita boleh buat, kita tidak boleh berbuat apa-apa, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan? *[Ketawa]*

Adakah benar Tan Sri Halim Saad adalah beneficiary owner dalam deal berkenaan berdasarkan kepada maklumat yang terkandung dalam rekod mengikut keperluan peruntukan Akta Syarikat 1965, UEM telah menyenaraikan lapan firma sebagai pemegang saham berdaftar Syarikat Renong. Setiap

pembelian yang melebihi 5% ekuiti mesti didaftarkan dengan BSKL. Jadi, bagi pihak sekuriti memanglah sekuriti tak tahu sama ada ia adalah beneficiary ataupun tidak.

Tentang pemberian pinjaman oleh Maybank, Rashid Hussain Bank, BPM, BOC dan sebagainya sama ada mereka telah membeli Renong. Bagi pembelian Renong oleh UEM melebihi single customer limit, setiap bank sebenarnya dikehendaki mematuhi keperluan single customer limit. Single customer limit, dengan izin, iaitu jika pemberian pinjaman tersebut melebihi 30% daripada dana pemegang saham. Jadi, peruntukan ini dinyatakan dengan jelas dalam Bafia. Bank boleh dikenakan tindakan yang keras menurut Bafia sekiranya ia melanggar peruntukan tersebut.

Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengetahui tentang mana-mana satu bank yang telah melanggar peraturan seperti ini, saya berharap dapatlah memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada tanya dalam 10 soalan saya. Pertama, ialah sama ada Maybank, Bank Bumiputra, Rashid Hussain Bank dan Bank of Commerce sudah melanggar single customer limit. Adakah benar bahawa single customer limit untuk Maybank ialah RM450 juta, untuk Bank Bumiputra dan Rashid Hussain ialah RM250 juta dan untuk Bank of Commerce ialah RM150 juta dan masa itu saya ada sebut mengenai memberi pinjaman untuk Rashid yang berlagak sebagai proksi Halim Saad melalui Shell Company ialah Hock Tick Investment Limited untuk membeli National Steel Corporation

daripada Wing Teck Holding berjumlah US\$800 juta. Bukankah ini sudah melanggar single customer limit?

Kedua, mengenai pinjaman untuk pembelian saham-saham Renong oleh UEM.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, biar saya habiskan dahulu oleh kerana tidak payah kita ulang-ulang lagi, elok saya habiskan dahulu, kemudian kalau ada apa-apa.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti akan beri, okay, boleh.

Dato' Wong See Wah: Terima kasihlah. Tentang sama ada empat bank secara bersama-sama berpakat menyelamatkan Halim Saad, sebenarnya soalan ini saya rasa tidak wajar dibangkitkan kerana memang di luar pengetahuan kita. Mana saya tahu, mana boleh kerajaan tahu oleh kerana ini adalah bank swasta dan kalau dia hendak jalankan satu-satu perkara itu, kita tidak boleh buat apa-apa juga, kecuali kalau dia mematuhi segala peraturan yang ditentukan oleh pihak yang berkenaan. Jadi, saya rasa tidak dapatlah kita berhak untuk mengetahui.

Tentang kerajaan mengarahkan bank supaya mengamalkan sikap prudent, tetapi empat bank telah memberi kredit kepada sektor yang tidak produktif. Sebenarnya semua bank telah mengeluarkan pinjaman berdasarkan penilaian yang dibuat oleh mereka dan Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan setiap bank mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

Mengenai pelaburan US\$800 juta di Filipina oleh Rashid Manap yang ditegur tidak mempunyai credit worthiness seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Yang Berhormat dari Tanjong tentu tahu bahawa sesiapa yang merancang melabur di luar negara semestinya mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia sebelum berbuat demikian. Secara amnya, setiap permohonan akan dikenakan kriteria-kriteria yang ketat oleh Bank Negara Malaysia. Kriteria ini termasuklah sama ada pelaburan di luar negeri itu mempunyai kebaikan atau manfaat kepada Malaysia seperti sama ada projek ini akan mengimport barangan dari Malaysia dan lain-lain lagi.

Tentang Rashid Manap sama ada wajar menerima pinjaman ataupun tidak, bagi saya sekiranya credit worthiness itu 'is acceptable', itu terserah kepada syarikat yang berkenaan dan ini adalah satu pinjaman yang diniagakan dalam US Dollar, mungkin ini adalah syarikat di luar pesisir. Jadi, ini terserah kepada syarikat luar pesisir membuat penilaian yang sewajarnya sebelum kelulusan pinjaman itu diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang juga sebagai satu ingatan kepada kita semua iaitu sebagai satu rujukan, Bank Negara Malaysia adalah dilarang oleh seksyen 16 Akta Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan apa-apa maklumat kepada sesiapa pun, melainkan kepada Gabenor, Timbalan Gabenor atau pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia tentang satu-satu kes yang spesifik, satu klien yang spesifik. Jadi, ini adalah had ataupun sekatan di mana mungkin hendaklah.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah habis atau belum?

Dato' Wong See Wah: Biar saya habiskan dahulu. Di mana tidak mungkin saya adalah tersekat untuk memberi maklumat yang selanjutnya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Saya ada tanya apa itu 'single customer bank limit' untuk keempat-empat bank ini.....

Dato' Wong See Wah: Saya sudah jawab 30%.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan adakah dalam kes di mana pinjaman ada diberi kepada Rashid Manap sehingga customer limit ini ada dilanggari oleh keempat-empat bank. Itu yang pertama.

Kedua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa sebelum pinjaman US\$800 juta dibuat, ia tentu ada dapat kelulusan daripada Bank Negara oleh kerana ia bersabit dengan satu pelaburan luar negeri dan Bank Negara ada kriteria-kriterianya. Bolehkah beritahu apa kriteria-kriteria yang dimaksudkan, yang dipenuhi apabila Bank Negara memberi kelulusan untuk pinjaman US\$800 juta diberi kepada seorang iaitu Abdul Rashid Manap dan menggunakan satu Shell Company iaitu Hock Tick Investment Berhad, saham Shell Company ialah RM2. Apakah kriteria ini? Bukankah ini ada tanggungjawab untuk Bank Negara dan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberitahu Dewan yang mulia ini. Bukankah sama ada kerajaan atau Bank Negara enggan memberi keterangan dalam perkara ini bahawa ini satu contoh ketidakkelulusan dalam perjalanan sama ada Bank Negara atau bank-bank

perdagangan yang menimbulkan krisis keyakinan perbankan oleh kerana tidak ada ketelusan di mana pinjaman-pinjaman (loan) dough bias, bukan oleh kerana kegiatan produktif tetapi oleh kerana hubungan atasan, hubungan istimewa yang begitu banyak yang timbul dan membangkitkan krisis keyakinan bank-bank. Sehingga sekarang rakyat keluar wang daripada bank-bank tempatan, taruh dalam bank-bank asing sungguhpun faedah bank-bank asing sangat rendah. Bukankah kita ada tanggungjawab supaya memulihkan keyakinan orang ramai kepada sistem bank-bank, kepada Bank Negara dengan satu dasar yang lebih telus di mana soalan-soalan yang dikemukakan boleh diberi jawapan yang memuaskan.

Akhirnya, apakah credit worthiness seorang yang menggunakan Shell Company iaitu Abdul Rashid Manap. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ia terserah kepada bank-bank tersebut. Bukankah ini satu jawapan yang tidak memuaskan, satu jawapan yang mengelakkan daripada satisfactory answer on its own menunjukkan bahawa tidak ada credit worthiness apabila tidak boleh kata apa credit worthiness?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta laluan sekejap, Yang Berhormat, kita ada usul. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1),
Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga
jam 10.00 malam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1),
Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga
jam 10.00 malam.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1),
Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga
jam 10.00 malam.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu hormati Bafia oleh kerana ini adalah diluluskan oleh Parlimen kita ini. Kalau kita bongkarkan perkara-perkara yang tidak patut kita sebutkan kepada public, maka mungkin kita akan didakwa oleh kerana kita salahgunakan kuasa kita. Yang sepatutnya sama ada telah diluluskan ataupun tidak diluluskan ataupun sama ada dia ada kemukakan permohonan ini ataupun tidak kemukakan permohonan ini merupakan perkara-perkara rahsia, tidak sepatutnya disebutkan oleh pihak saya oleh kerana ini adalah kuasa Governor, Deputy Governor dan pegawai-pegawai tertentu yang ditugaskan untuk tugas ini. Maka maaflah oleh kerana saya tidak boleh memberikan maklumat lebih lanjut lagi.

Soal sama ada ini telus ataupun tidak, oleh kerana ini adalah akta Bafia kita yang sedia ada, jadi soal sama ada telus atau tidak, tidak timbul oleh kerana ini adalah mengenai keperibadian satu-satu klien bank komersial.

Yang kedua, ini adalah kalau disebutkan dalam US Dollar, jadi ini adalah satu urusan niaga di luar Malaysia. Jadi.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Wong See Wah:.....sama ada syarikat itu percaya ataupun tidak kepadanya, kita memang tidak boleh buat apa-apa dan saya percaya juga syarikat itu kalau dia hendak pinjamkan RM800 milion kepada satu-satu orang itu, memanglah ada sebabnya. Kalau saya hendak pinjam, memang RM1 milion pun tidak ada orang percaya kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah sungguhpun ini syndicated dalam US\$800 juta, ini di'syndicated' oleh keempat-empat bank tempatan. Kedua, bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri elak daripada tanggungjawab Parlimen apabila beliau tidak jawab, kata ini di bawah Bafia dan bahawa kalau dia jawab, dia boleh didakwa di mahkamah, bahawa beliau ini tidak benar. Apa yang beliau kata ini tentulah dapat perlindungan Parliamentary privilege dan di bawah Bafia pun Bank Negara ada tanggungjawab. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tanya Gabenor supaya Gabenor memberi keterangan supaya perkara ini boleh diberitahu kepada Dewan bagi memulihkan keyakinan. Sungguhpun ini di luar negeri tetapi tanggungjawab ialah tempatan. Negara kita perlu memikul tanggungjawab.

Akhirnya apa-apa pinjaman private sector, negara perlu pikul. Ini berlaku di South Korea, di Thailand dan Indonesia, sebab itu IMF timbul bahawa ada negara yang perlu minta bantuan daripada IMF oleh kerana negara itu perlu memikul semua tanggungjawab, semua pinjaman, sama ada public sector atau private sector. Bukankah kalau kita tidak menguruskan perkara ini dengan tanggungjawab, mungkin back debt kita akan tidak sampai satu tahap di mana sungguhpun kita tidak mahu pergi IMF, kita terpaksa pergi IMF oleh kerana pinjaman-pinjaman back debt semacam ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya quote, dengan izin:

'Central Bank of Malaysia Act 1958 -

Clause 16. Without prejudice to section 16(a), except for the purpose of the performance of the duties or the exercise of his function or when lawfully required to do so by any court or under any law, no director, officer or employee of the bank shall disclose to any person, any information related to the affairs of the Central Bank or our banking institution or other financing institution or of the customer of the Central Bank or of a banking institution or other finance institution which he has acquired in the performance of the duty or the exercise of his function'.

Kemudian, tentang ketelusan itu.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Wong See Wah: Biar, tentang ketelusan itu. Bukankah dalam budget yang baru diumumkan itu beberapa langkah telah diambil supaya memastikan ketelusan bank perdagangan ataupun merchant bank itu adalah komersial, lagi telus dengan laporan-laporan yang perlu dikeluarkan dengan memendekkan jangka masa non-performing loan dan ada juga ditambahkan langkah-langkah tambahan baru-baru ini yang diumumkan oleh Menteri Kewangan iaitu untuk mengetatkan lagi supaya kecairan pasaran itu dapat dikurangkan. Bukankah ini adalah satu langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan supaya bank kita ini boleh menjalankan kaedah-kaedah yang lebih prudent dan juga kalau terdapat kesilapan sana sini, sekarang dapat di'fine

tune' supaya dapatlah kita adjust langkah kita supaya kita boleh menghadapi masalah krisis ini dengan lebih baik. Bukankah semua ini telah dijalankan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai langkah-langkah yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk mengetatkan peraturan-peraturan bank-bank. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan bahawa dengan langkah-langkah semacam itu pinjaman-pinjaman seperti pinjaman ini, US\$800 juta kepada satu orang untuk satu syarikat Shell di Hong Kong, pembelian National Steel Corporation yang begitu banyak misteri semacam ini telah berlaku oleh kerana kalau dalam negara kita ada banyak pinjaman semacam ini tentulah kita akan dipaksa untuk mengemis dan jadi satu international beggar kepada International Monetary Fund. Adakah kita boleh memberi jaminan bahawa dengan langkah-langkah yang diumumkan bahawa pinjaman back loan seperti US\$800 juta ini untuk Abdul Manap proksi Halim Saad tidak akan berlaku lagi?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ini hanya andaian. Bagi saya, ada beberapa probability, yang pertama sama ada ada permohonan untuk pinjaman ini berlaku ataupun tidak. Kalau sekiranya permohonan ini telah dikemukakan sama ada dalam pertimbangan, telah ditolak, telah diluluskan ataupun ada cadangan-cadangan yang lain. Jadi, saya tidak bercadang hendak berbincang hal ini dengan lebih lanjut lagi oleh kerana semua ini adalah dalam keadaan andaian sahaja. Jadi tidak bermakna kalau sekiranya kita tidak percaya

kepada Bank Negara yang boleh membuat keputusan yang prudent tentang ekonomi dan keadaan kewangan di negara kita ini. Jadi, tidak ada makna kalau kita berbincang dengan lanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, transaksi yang melibatkan Berjaya Group dengan Syarikat Ling San Sdn. Bhd., Jawatankuasa Pelaburan Asing telah memberikan kelulusan kepada transaksi berkenaan tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung. Kemudiannya, pemegang-pemegang saham juga telah memberikan kelulusan oleh kerana transaksi tersebut dibuat secara tunai, ia tidak memerlukan kelulusan Securities Commission. Perolehan-perolehan ekuiti yang kurang daripada 33% juga tidak memerlukan dibuat tawaran am mandatori mengikut Kod Malaysia Pengambilalihan dan Percantuman.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi wang tunai, adakah wang ini dibayar daripada Ling San dan Ling Hee Liong sebelum 28 Disember atau selepas 31 Disember 1997 kerana pokoknya dalam soalan saya ialah sama ada wang pembayaran sebanyak RM568 juta diperolehi daripada pembelian Berjaya Industri Bhd. dalam syarikat-syarikat tertentu seperti Promet, KIB yang melibatkan jumlah wang sebanyak RM791 juta. Dengan kata lain, menggunakan pembelian ini untuk menampung pembelian 32% atau RM568 juta dalam Berjaya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, Securities Commission, FIC ataupun Kementerian Kewangan selagi perjalanan transaksi itu mengikut peraturan dan tidak melanggar apa-apa peruntukan ataupun garis panduan itu, kita tidak akan mengambil apa-apa tindakan dan bukanlah hak kita untuk mengetahui apa yang berlaku di dalam pihak swasta oleh kerana ini adalah satu pasaran yang bebas. Jadi, tugas pihak kerajaan hanya untuk mengawal selia sekiranya terdapat apa-apa penyelewengan yang berlaku. Kalau sekiranya Yang Berhormat dapat tahu apa penyelewengan yang telah berlaku dalam urusan niaga ini, saya minta kalau Yang Berhormat dapat melaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Sukacita saya maklumkan setakat ini berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi oleh pihak-pihak tertentu didapati urusan perniagaan yang telah dijalankan itu adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, adakah seksyen 67 Akta Syarikat di mana sebelum ia dipinda pada tahun ini melarang mana-mana syarikat menggunakan wang untuk membeli ekuiti atau saham mereka. Adakah seksyen 67 Akta Syarikat telah dilangari kerana kalau pembayaran Ling Hee Liong dan syarikatnya Ling San Avenue Sdn. Bhd. bukanlah daripada sumbernya sendiri tetapi menerusi sumber Berjaya Industri Bhd. menerusi satu schredtitious method membeli saham dalam Promet, KIB Bhd. sebanyak RM791 juta, cukup untuk membayar pembelian dalam BIB. Saya rasa itu jelas satu kesalahan.

Kedua, adakah benar bahawa Ling San dan pihak-pihak sepakatnya telah memiliki lebih daripada 51% dalam Berjaya Industri Bhd. Kalau begitu, mengapakah pihak Suruhanjaya Sekuriti ataupun FIC tidak mengarahkan bahawa satu tawaran am secara mandatori dibuat atau dijalankan ke atas semua pemegang saham minoriti.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah mana satu syarikat ataupun tycoon yang menjalankan jual belinya dengan menggunakan wang sendiri tanpa pinjaman ataupun pandai-pandai untuk mencari sumber-sumber kewangan untuk melaksanakan satu-satu deal. Maka terserahlah kepada kepandaian peniaga-peniaga di Malaysia, itulah mengapa ramai orang datang ke Malaysia. Orang di Malaysia kalau hendak cari makan senang, hendak jadi tycoon pun senang. Jadi, itulah kebajikannya. Itu kita serahlah kepada pihak swasta untuk pandai-pandai mencari peluangnya.

Bagi soalan yang kedua, setakat yang kita tahu, kecuali ada maklumat baru, ia tidak melebihi 51%, oleh kerana itu ia tidak diperlukan untuk melaksanakan satu mandatory general offer.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat cakap daripada maklumat yang diperolehi bahawa tidak melebihi 33%, oleh sebab itu satu tawaran am tidak perlu dibuat. Saya boleh terima secara 'on the surface to give a benefit of the doubt', dengan izin, oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau Yang Berhormat tidak tahu bahawa ia sudah melebihi 33%. Tetapi saya rasa Yang Berhormat tidak boleh mengambil sikap yang ringan kalau tahu bahawa syarikat ini telah menggunakan wang syarikat Berjaya

Industri Bhd. (BIB) untuk membolehkan ia membeli saham dalam syarikat tersebut kerana ia memang satu kesalahan di bawah seksyen 67 Akta Syarikat.

Saya harap pihak kementerian mesti meneliti sama ada pembayaran RM568 juta ini dibuat sebelum 27 Disember 1996 kerana kalau ia dibuat sebelum 27 Disember 1996, ini bermakna bahawa Ling Hee Liong telah menggunakan sumber sendiri untuk membeli Berjaya Industri Bhd. dengan wang sebanyak RM568 juta. Tetapi kalau jumlah ini hanya dibayar selepas 28 Disember, ini menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan wang dari dalam Berjaya Industri Bhd. untuk membeli 32% dalam Berjaya Industri Bhd. Ini jelas melanggar seksyen 67 Akta Syarikat. Ini yang pertama.

Kedua, selain daripada syarikat itu, beliau dan ayah dia telah memberikan jaminan sebanyak RM500 juta kepada TA Securities untuk membolehkan Reka Pasifik Bhd. dan Ling San Avenue membeli saham dalam Mulpac Bhd. sehingga mereka dikatakan menguasai dengan pihak-pihak sepakat seperti Kelana Emas, Industri Bhd. dan Promet Bhd. telah menguasai 46% dalam Mulpac Bhd. Ini menimbulkan dua soalan. Yang pertama, adakah mandatory general offer diperlukan ke atas mereka yang memiliki 46%. Mengapakah tawaran am secara mandatori tidak dikenakan? Yang kedua, adakah patut bahawa seorang Menteri dan Presiden MCA memberikan jaminan sebanyak RM500 juta? Macam mana dia boleh dapat wang sebegitu banyak? Adakah dia bernilai RM500 juta jaminan ke atas TA Securities?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kalau terdapat maklumat tambahan berkaitan dengan kes ini, saya minta Yang

Berhormat laporkan kepada Securities Commission supaya siasatan boleh dijalankan.

Yang kedua, oleh kerana Liong ini ialah anak Presiden MCA, itulah menjadi satu isu kepada parti DAP. Kalau anak orang lain, mungkin DAP senyap sahaja. *[Tepuk]* Jadi, saya juga ragu-ragu sama ada kenyataan Yang Berhormat dari Kota Melaka benar ataupun tidak. Harap jangan salahgunakan privilege yang diberikan kepada kita dalam Dewan yang mulia ini, oleh kerana kita hendaklah bertanggungjawab kepada apa-apa yang kita cakap dalam Dewan yang mulia ini. Kemudian kalau gunakan Dewan ini untuk tujuan politik, untuk hendak memburuk-burukkan nama baik Presiden MCA, saya harap kita jangan salahgunakan privilege ini. Kalau terdapat sebarang bukti, mungkin saya cabar Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya tunjukkan bukti *[Tepuk]* ada pihak Presiden MCA menjadi guarantor untuk RM500 juta ini, di luar Dewan ini. Kalau tidak, saya minta apology ataupun tarik balik segala kenyataan yang telah dibuat di dalam Dewan ini. *[Tepuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Yang pertama, saya amat kesal bahawa sungguhpun saya membawa perkara ini, semua isu yang saya membawa tidak dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya meminta kita menyampaikan aduan ini kepada Suruhanjaya Sekuriti. Parlimen adalah lebih tinggi daripada.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habis lagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.....

Dato' Wong See Wah: Saya jawab, setakat apa yang kita tahu, apa siasatan yang kita jalankan, semua sempurna. Tak cukupkah? Apa hendak lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat cakap ada maklumat, sampaikan kepada.....

Dato' Wong See Wah: Kalau tak mahu percaya kepada cakap saya, apa hendak bincang di sini. Jangan bazirkan masa saya.....

Tuan Lim Guan Eng: Tak ada bazir masa, ini satu isu yang penting.

Dato' Wong See Wah: Apa lagi hendak cakap? Yang Berhormat banyak degillah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini satu isu yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama seperti isu nilai rizab asing Bank Negara, isu serupa, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan yang berlainan daripada Yang Berhormat dari Padang Terap, cuba menipu Dewan yang mulia ini. Kalau saya hendak ambil tindakan, saya boleh ambil, tetapi saya faham, saya tidak buat tindakan sedemikian sungguhpun Yang Berhormat telah menipu Dewan yang mulia ini tentang keadaan sebenar nilai rizab asing. Di sini, nampaknya Yang Berhormat cuba sekali lagi apabila kita hendak dapat jawapan

tentang akta seksyen 67, bilakah pembayaran dibuat, rujuk kepada Suruhanjaya Sekuriti, tentu boleh dikatakan sempurna. Tetapi yang saya hendak tanya adakah.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma cakap.....

Tuan Lim Guan Eng:.....pembayaran dibuat sebelum 27 atau selepas 27 Disember 1996?

Dato' Wong See Wah: Cukuplah. Apa yang saya cakap itu siasatan kami ialah tidak ada, semua beres, semua boleh, kecuali Yang Berhormat telah dapat maklumat yang lebih daripada itu.

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang saya hendak tanya, bilakah pembayaran dibuat?

Dato' Wong See Wah: Apa itu?

Tuan Lim Guan Eng: Bilakah pembayaran RM568 juta dibuat oleh Ling San Avenue? Adakah dibuat sebelum 27 atau selepas 27 Disember 1996 dan saya telah membuat pertanyaan ini pada hari semalam, tetapi Yang Berhormat pula sekarang cakap, tak jawab langsung.

Dato' Wong See Wah: Ini urusan bukan hak kita. Kita tidak ada hak untuk.....

Tuan Lim Guan Eng: Mana bukan hak kita kerana ini melibatkan seksyen 67.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Satu, satu ya.

Tuan Lim Guan Eng:.....kalau ia menggunakan wang untuk membeli saham dalam syarikat.

Dato' Wong See Wah: Yang Berhormat dari Kota Melaka pergi beli nasi lemak, dia sudah bayar semalamkah, hari inikah, besokkah, mana kita tahu?

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan nasi lemak. Inilah Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia anggap semua nasi lemak.....

Dato' Wong See Wah: Yalah, ini hak asasi. Kalau sudah bayar, mana kita tahu?

Tuan Lim Guan Eng:.....Ini ekonomi negara, bukan nasi lemak. Ini yang jadi masalah. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat boleh jawab.....

Dato' Wong See Wah: Tak payah.....

Tuan Lim Guan Eng:.....bilakah pembayaran RM568 juta ini dibuat?

Dato' Wong See Wah: Jangan sangat sentimen.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan sentimen. Saya buat secara ikhlas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya tanya Yang Berhormat secara ikhlas.

Dato' Wong See Wah: Kalau emosi, mungkin kenyataan saya semua betul. Itulah menunjukkan kelemahan Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita lihat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai nilai rizab asing, Yang Berhormat cakap bohong.

Dato' Wong See Wah: Apa yang saya salah? Saya tak salah. Saya cuma jelas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Padang Terap sudah cakap, Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Dato' Wong See Wah: Saya tak salah. Saya sudah jelaskan macam mana pergerakan rizab kita. Saya sudah jelaskan, saya tak bohong.

Tuan Lim Guan Eng: Kita lihat *Hansard*, Yang Berhormat cakap bukan lumpy import seperti yang dinyatakan.....*[pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, perbincangan ini tak berjalan dengan betul.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Kota Melaka, sekejap.

Dato' Wong See Wah: Saya sudah cabar.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk] [pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kota Melaka.

Dato' Wong See Wah: Okay, sila. Kalau tak ada tunjuk bukti di luar Dewan ini, saya minta kalau boleh satu sahaja, minta tarik balik semua kenyataan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak akan tarik balik. Saya sedia apa-apa tindakan dan saya kata dalam Dewan yang mulia ini.....

Dato' Wong See Wah: Yang Berhormat cakap tak mahu tarik balik ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan kata apa-apa dalam Dewan yang mulia ini. Tadi Yang Berhormat cakap tentang nilai rizab asing, berikan jawapan yang tak betul, saya boleh ambil tindakan merujuk Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi saya tidak berbuat demikian kerana saya gentleman.....

Dato' Wong See Wah: Terima kasihlah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham, tetapi Yang Berhormat tak faham. Saya menjemput Yang Berhormat kalau mahu buat. Kalau tak mengenang budi, boleh buat perkara yang sama ke atas saya dalam Parlimen ini. Kita bereskan dalam Parlimen ini, beranikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan cabar mencabar.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah dua perkara.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa. Saya tak beri jalanlah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habis. Ini floor saya, saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, dia ada bangun.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jalankan tugas saya.....

Tuan Lim Guan Eng: Ini dua isu. Bilakah pembayaran wang kerana melanggar akta seksyen 67 dan tentang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Kota Melaka dan Timbalan Menteri, sekejap. Beri Pengerusi bercakap sekejap sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kota Melaka dan ahli-ahli yang lain, sila ambil perhatian ya. Bil yang kita bahaskan ini sudah mengambil masa lebih enam jam. Jadi, kita ada urusan yang lain-lain, yang perlu juga diselesaikan. Kalau tak beri peluang untuk berbahas yang lebih, Ahli-ahli Yang Berhormat tak begitu senang hati, jadi saya berharap kerjasama dari semua pihak. Enam jam lebih satu bil, saya ingat sudah lebihlah masa. Minta kerjasama semua. Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sama ada SC telah gagal untuk mengawal selia industri sekuriti khususnya untuk melindungi pemegang saham minoriti daripada pegangan saham majoriti termasuk Ekran, Panco Holding, IOI dan sebagainya. Mandate statutory ialah untuk melindungi pelabur dan kepentingan awam, oleh itu termasuk pemegang saham minoriti. Securities Commission tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya ke atas mereka yang melanggar peraturan, yang melindungi pemegang saham minoriti.

Sukacita diingatkan bahawa peraturan-peraturan yang ada di Malaysia adalah sama juga dengan peraturan-peraturan yang ada di dalam negara-negara lain di dunia. Walaupun begitu, bidang kuasa SC terhad kepada transaksi-transaksi yang melibatkan sekuriti. Transaksi-transaksi yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah transaksi yang di luar bidang kuasa sekuriti. Walau bagaimanapun, hak pemegang saham minoriti dilindungi di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu transaksi-transaksi yang hendak diluluskan di dalam mesyuarat am syarikat itu, tambahan pula penasihat berkecuali hendaklah memberi nasihat kepada pemegang saham minoriti supaya mereka dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat. Transaksi tersebut adalah di dalam kepentingan syarikat. Pemegang saham minoriti juga berhak untuk menegakkan hak mereka di bawah undang-undang. Mereka juga boleh menjual saham mereka di pasaran sekiranya tidak berpuas hati dengan cara pengurusan syarikat dijalankan. Pemegang saham minoriti adalah digalakkan untuk mengambil langkah-langkah sedemikian untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka.

Sekali lagi ditegaskan di sini bahawa kaedah-kaedah (rules) dan peraturan-peraturan yang diadakan untuk melindungi pemegang saham minoriti adalah 'on par' atau selari dengan peruntukan-peruntukan yang wujud di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada SC tidak mengambil tindakan di atas transaksi suntikan aset oleh pemegang saham majoriti dalam syarikat tersenarai, transaksi korporat yang dipercayai bertindak secara buruk kepada kepentingan

pemegang saham minoriti sesuatu syarikat tersenarai sedang disiasat oleh sekuriti. Sebagaimana yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Tanjong, siasatan tersebut sedang dijalankan setiap masa. Sebaik sahaja siasatan ini diselesaikan, tindakan-tindakan yang wajar akan diambil. Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran undang-undang, Securities Commission tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan ke atas pihak yang membuat pelanggaran itu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tanjong bangun, hendak beri jalankah?

Dato' Wong See Wah: Hendak habislah. Cukuplah, sudah lewat.

Tuan Lim Kit Siang: Cukup.

Dato' Wong See Wah: Sekiranya seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Tuaran - dia tak ada, sekiranya pendapatan syarikat tidak dicerminkan oleh harga saham di BSKL, Securities Commission harus membuat teguran.

Tuan Yang di-Pertua, harga saham di pasaran tertakluk kepada beberapa faktor. Antara lainnya, tawaran dan permintaan. Securities Commission akan mengambil tindakan sekiranya harga saham dimanipulasikan oleh mana-mana pihak. Antara lain, faktor harga saham juga tertakluk kepada maklumat syarikat. Syarikat-syarikat tertakluk kepada piawaian penzahiran ataupun dengan izin, disclosure standard yang ketat supaya maklumat syarikat berkenaan disebarkan untuk peserta-peserta pasaran membuat keputusan untuk

membeli ataupun menjual yang akan mempengaruhi tawaran dan permintaan harga saham.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada juga perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh dan saya percaya kebanyakannya telah saya jawab. Kalau sekiranya terdapat yang belum saya jawab lagi, saya minta beri masa supaya dapat kita ambil tindakan yang sewajarnya. Dengan kata yang demikian, sekali lagi saya mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAUNSELOR 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 ptg.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dicadangkan bertujuan mengawal selia dan memantau profesion kaunselor dalam menjalankan amalan kaunseling bagi memastikan khidmat yang diberikan oleh para kaunselor terjamin dari segi kualiti dan keberkesanannya. Ini bermakna mereka yang menggelarkan diri mereka sebagai kaunselor perlu memiliki kelayakan yang diiktirafkan bagi menjalankan tugas sebagai kaunselor dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor yang juga diperuntukkan penubuhannya di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan isu-isu sosial masa kini yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat sama ada kanak-kanak, remaja, ibu bapa, keluarga, ternyata boleh menjejaskan hasrat kerajaan ke arah pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika. Isu-isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkosaan seksual terhadap kanak-kanak, jenayah yang dilakukan oleh remaja, kes lari dari rumah, perilaku kurang bermoral, keganasan rumah tangga, perceraian, penagihan dadah dan sebagainya semakin meningkat di kalangan masyarakat negara ini.

Dalam usaha pengawalan dan membanteras gejala-gejala ini, ternyata bahawa tindakan punitif semata melalui tindakan perundangan tidak akan

berhasil. Jelas bahawa pendekatan yang lebih berkesan amat diperlukan bagi mengawal permasalahan ini daripada terus merebak. Kaunseling telah pun dikenal pasti sebagai satu pendekatan yang berkesan dan dapat membanteras gejala-gejala ini. Amalan kaunseling sebagai salah satu alternatif dan pendekatan penting dalam membantu manusia dan ahli masyarakat telah merebak dengan meluas dalam masyarakat di Malaysia hari ini. Setiap hari ahli-ahli masyarakat negara ini semakin memerlukan bantuan psikologikal seperti kaunseling apabila mereka menghadapi pelbagai masalah psikologikal dan kesihatan mental, sepertimana juga mereka memerlukan bantuan kesihatan dan perubatan apabila menghadapi pelbagai masalah dan kerumitan kesihatan fizikal dan biologikal.

Jika ditinjau kepada bilangan kes-kes salah laku sosial dan peningkatan kadar gejala sosial yang dilaporkan oleh semua pihak termasuk Jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan akhbar-akhbar tempatan, jelas menunjukkan bahawa amalan kaunseling oleh kaunselor terlatih amat diperlukan oleh semua ahli masyarakat. Ini penting sebagai usaha murni negara ke arah membendung dan membanteras pelbagai masalah sosial di samping meningkatkan mutu dan kualiti rakyatnya ke arah yang diinginkan.

Pada dasarnya kaunseling itu boleh dirujuk sebagai satu proses sistematik untuk membantu manusia melalui perhubungan menolong berdasarkan prinsip-prinsip psikologi. Proses menolong ini dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika amalan kaunseling ke arah mencapai satu perubahan kemajuan dan penyesuaian yang polistik, baik dan sukarela

kepada diri klien, iaitu orang yang dibantu supaya perubahan kemajuan dan penyesuaian tersebut akan berterusan bagi sepanjang hayat klien tersebut. Sehubungan dengan itu, individu yang menjalankan dan mengamalkan tugas dan teknik kaunseling ini dinamakan sebagai 'kaunselor'.

Sebagai negara yang bebas, merdeka dan percaya serta bergantung harap kepada rakyatnya, maka sebarang usaha untuk membantu rakyat dan ahli-ahli masyarakat di Malaysia terutama dalam aspek kesihatan mental, psikologikal dan tingkah laku amatlah penting. Usaha ini adalah sama pentingnya dengan usaha menjamin kebaikan dan kesejahteraan rakyat pada aspek kesihatan fizikal melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Justeru itu, kepentingan amalan dan perkhidmatan kaunseling ini di dalam masyarakat Malaysia adalah jelas melalui perkhidmatan kesihatan mental, psikologikal dan tingkah laku berikut.

Perkhidmatan Pembangunan Manusia dan Potensi Insan.

Perkhidmatan kaunseling jenis ini memberi fokus kepada sebarang usaha untuk membangunkan potensi dan kekuatan diri manusia itu sendiri secara terancang ke arah memberi manfaat yang maksimum kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Perkhidmatan Pencegahan.

Perkhidmatan kaunseling ini memberi tumpuan kepada sebarang usaha untuk membantu manusia dan ahli masyarakat Malaysia dalam usaha mencegah sebarang proses dan status pemikiran, perasaan dan tingkah laku atau tabiat

yang bersifat anti-sosial dan tidak bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Perkhidmatan Pemulihan

Perkhidmatan kaunseling jenis ini memberi tumpuan kepada sebarang usaha untuk membantu klien dalam mengatasi, mengurangi, menangani dan menyelesaikan pelbagai permasalahan psikologikal mental yang ringan dan tingkah laku yang tidak memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan dan kesibukan golongan kaunselor memberi bantuan melalui aktiviti kaunseling sama ada kaunselor yang terlatih atau sebaliknya, di mana-mana agensi atau organisasi, banyak implikasi yang telah, sedang dan akan timbul akibat daripada aktiviti tersebut. Antaranya ialah isu salah laku profesional kaunselor. Isu ini termasuk pelanggaran kepada counsellor's duty of care, professional negligence dan confidentiality termasuk privilege dan confidentiality dan public interest, dengan izin. Kes-kes berkaitan dengan isu ini amat banyak terdapat di negara lain yang telah lama mengamalkan kaunseling, namun ianya mulai menular dalam masyarakat kita hari ini. Terdapat kes di mana seorang guru agama yang mengaku kaunselor telah merogol anak muridnya ataupun kes guru-guru kaunseling yang sering berkongsi masalah pelajar dengan orang lain dan melanggar kod etika kerahsiaan klien. Pengakuan palsu sebagai kaunselor sepenuh masa oleh orang ramai boleh membawa kepada implikasi negatif ke atas klien yang menerima perkhidmatan yang tidak profesional.

Isu, Kesan dan Akibat kepada Klien

Proses memberi pertolongan yang tidak profesional dan dilakukan oleh orang yang tidak profesional dalam amalan kaunseling akan memberi impak yang negatif kepada sipenerima yang ditolong, iaitu klien. Ini secara terus memberi kerugian kepada pelbagai aspek seperti wang ringgit, masa, tenaga, emosi dan maruah klien. Setakat ini salah laku kaunselor tidak memperuntukkan sebarang perlindungan untuk klien yang teraniaya oleh mereka yang menipu atau bertujuan mengaut keuntungan daripada amalan kaunseling yang tidak profesional atau sebaliknya.

Atas kesedaran betapa pentingnya perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat di Malaysia, di samping menyedari hakikat bahawa amalan ini perlu dikawal selia, dipantau dan diselaras, maka satu sistem pengawalseliaan dalam bentuk perundangan amat penting bagi menjamin kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini kepada ahli-ahli masyarakat.

Sesungguhnya sistem kawalan undang-undang terhadap amalan kaunseling ini adalah bertujuan secara prinsipnya untuk:

- (i) menghalang atau dengan izin, deterring ahli-ahli profesional kaunselor yang terlibat dengannya daripada bersikap sumbang dengan izin, acting negligently.
- (ii) melindungi dan menyediakan sistem pampasan (compensating), dengan izin, kepada individu atau ahli masyarakat yang teraniaya atau tercedera oleh kesalahan dan pengabaian.

Peruntukan-peruntukan penting dalam Akta

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang bagi pendaftaran dan amalan kaunselor yang dibentangkan di Dewan ini terbahagi kepada lapan bahagian.

Bahagian I, mengandungi perkara permulaan iaitu tajuk ringkas permulaan kuatkuasa pemakaian dan tafsiran perkataan dan istilah tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut. Peruntukan mengenai pemakaian akta ini memberikan pengecualian kepada profesional kesihatan serta syarikat, pertubuhan atau Pihak Berkuasa Tempatan yang memberi perkhidmatan jagaan kesihatan atau terlibat dalam bidang kesihatan. Pengecualian ini diberi di atas permohonan Kementerian Kesihatan yang mempunyai peraturan-peraturan sendiri untuk menyelia dan mengawal selia pegawai profesional dalam bidang kesihatan.

Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia serta fungsinya sebagai badan penasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan akta ini dan yang dirujuk oleh Lembaga Kaunselor. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, pertubuhan profesional, institusi pendidikan tinggi, pertubuhan bukan kerajaan dan juga individu yang dilantik oleh menteri. Majlis ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Peruntukan mengenai tempoh jawatan anggota majlis, pembatalan perlantikan, keterhentian keanggotaan, perletakan jawatan dan mesyuarat majlis juga disediakan di bahagian ini.

Bahagian III mengandungi peruntukan berkaitan dengan Lembaga Kaunselor, antaranya seperti penubuhan Lembaga Kaunselor serta fungsi iaitu untuk menyelia, mengawal selia dan menentukan kelayakan, mendaftarkan kaunselor dan menentukan keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di negara ini. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga Kaunselor yang terdiri daripada anggota yang mewakili beberapa agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan kaunselor-kaunselor berdaftar. Presiden Lembaga dilantik dari kalangan kaunselor berdaftar oleh menteri.

Bahagian III juga mengandungi peruntukan bagi penubuhan lembaga yang pertama bagi tempoh tidak melebihi dua tahun yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Lembaga ini akan bertindak sebagai lembaga sementara sebelum Lembaga Kaunselor yang tetap dapat ditubuhkan.

Bahagian IV pula mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pendaftaran kaunselor, pengawalseliaan dan penyelenggaraan daftar kaunselor. Peruntukan-peruntukan penting dalam bahagian ini adalah Fasal 22 dan 23 bertujuan melarang mana-mana orang daripada menjalankan amalan sebagai kaunselor melainkan jika ia didaftarkan di bawah akta ini dan memegang sesuatu perakuan amalan yang sah.

Fasal 24 pula menyatakan kelayakan yang mesti dimiliki oleh seseorang sebelum dia boleh didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan. Bahagian empat ini juga mengandungi peruntukan bagi membenarkan

kaunselor yang bukan warganegara Malaysia atau bukan pemastautin tetap di Malaysia didaftar secara sementara.

Fasal 29 pula bertujuan menghendaki tiap-tiap kaunselor berdaftar mempamerkan perakuan pendaftarannya dan perakuan amalannya di premis-premis di mana ia menjalankan amalan. Jika kaunselor berdaftar menukar tempat amalannya atau menjalankan amalan di sesuatu tempat tambahan, ia hendaklah memberitahu pendaftar dan alamat tempat baru atau tempat tambahan itu akan di'endorse'kan pada perakuan amalan.

Bahagian V mengandungi peruntukan berkenaan dengan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai kaunselor. Di bawah Fasal 33 suatu Pertubuhan Pendaftaran hanya boleh menjalankan amalan sebagai kaunselor jika semua anggota lembaga pengarahnya ialah kaunselor berdaftar dan anggota yang baki ialah orang yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan profesion pengkaunselan.

Bahagian VI, mengandungi peruntukan berhubung dengan prosiding tatatertib. Fasal 36, 37 dan 38 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib dan Kewajipan-kewajipannya. Semua siasatan tatatertib hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Tatatertib yang boleh mengenakan hukuman tatatertib yang dinyatakan dalam Fasal 40. Lembaga boleh di bawah seksyen 39 yang dicadangkan itu mengantung perakuan amalan kaunselor berdaftar sementara menanti selesai penyiasatan dan siasatan terhadap kaunselor itu. Penggantungan itu tidak boleh melebihi 6 bulan.

Bahagian VII pula mengandungi peruntukan berhubung dengan kesalahan dan penalti. Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi kesalahan am sementara Fasal 45 mengandungi penalti am. Fasal 46 memperkatakan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan yang dilakukan oleh sesebuah pertubuhan perbadanan. Fasal 47 bertujuan menghendaki kebenaran pendakwa raya bagi pendakwaan kesalahan di bawah akta yang dicadangkan ini.

Bahagian VIII, mengandungi peruntukan bagi perkara-perkara pelbagai seperti kuasa kepada Presiden Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya kuasa untuk masuk, memeriksa dan meneliti premis kaunselor berdaftar.

Fasal 49 pula memberi kuasa kepada menteri untuk membuat apa-apa peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan akta ini dengan lebih baik.

Implikasi Kewangan

Dari segi implikasi kewangan rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata ingin saya menekankan sekali lagi di Dewan ini bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini bukan bertujuan menyekat atau menghalang mana-mana pihak untuk memberi khidmat pertolongan melalui khidmat nasihat dan kaunseling. Tetapi rang undang-undang ini dicadangkan dengan harapan supaya dapat mengiktiraf dan

mempertingkatkan bidang dan profesion kaunselor di samping memberi jaminan kepada masyarakat untuk menggunakan khidmat kaunseling dengan penuh keyakinan, semoga segala usaha kita ke arah membangunkan masyarakat dengan tahap kesihatan mental, psikologikal dan tingkah-laku yang tinggi dapat menyumbang kepada usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Mentakab.

6.39 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kaunselor 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kementerian membentangkan rang undang-undang ini agar perkhidmatan pengkaunselan di negara kita dapat dibangunkan dengan sihat, teratur supaya perkhidmatan ini dikawal selia, profesionalisme serta mutunya dapat dipertingkatkan.

Pembentangan rang undang-undang ini juga tepat pada masanya memandangkan masalah sosial dan gejala belia yang kian meningkat ke satu tahap yang amat membimbangkan. Adalah diharapkan dengan pembangunan dalam perkhidmatan pengkaunselan ini, ia dapat memainkan satu peranan yang berkesan dalam mengurangkan masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya ingin membangkitkan beberapa aspek mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam rang undang-undang ini.

Yang pertama mengenai dengan Fasal 24 iaitu 'Kelayakan Pendaftaran Seseorang Kaunselor'. Mengikut Fasal 24 salah satu kelayakan ialah seseorang mesti memegang mana-mana kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Dalam Jadual tersebut ia cuma menyenaraikan kelayakan sarjana, diploma, sarjana muda dan doctorate daripada universiti-universiti tempatan yang boleh diterima sebagai satu kelayakan pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ini mungkin menimbulkan beberapa masalah. Masalah pertama ialah kalau kita cuma mengizinkan mereka mempunyai kelayakan institusi pengajian tinggi iaitu tahap sekurang-kurangnya diploma, Bsc. atau master dan doctorate sahaja yang layak untuk mendaftar sebagai seorang pendaftar, ini bermakna mereka yang berkhidmat seperti guru tidak akan layak untuk mendaftar sebagai seorang kaunselor, walaupun guru-guru telah menjalankan latihan pengkaunselan. Ini pada saya amat merugikan sebab guru-guru merupakan golongan yang paling mendekati

dengan kumpulan sasaran yang kita inginkan, iaitu kumpulan belia dan kumpulan murid-murid sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Seksyen 24(2) tidak termasuk yang membahagikan kepada lembaga itu 'discretion' untuk hendak mengambil orang lain daripada yang Jadual.

Tuan Fu Ah Kiow: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya sedari ada 24(2), tetapi apa yang dinyatakan dalam 24(2) iaitu kalau tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan di Jadual Kedua, tetapi kelayakan lain yang tidak kurang atau yang bersamaan dengan kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual itu, itu bermakna sekurang-kurangnya pemohon mesti mempunyai sijil, diploma atau sarjana. Ini yang saya katakan. Bermakna sesiapa yang mempunyai kelayakan kurang daripada diploma atau sarjana tidak layak didaftar sebagai kaunselor. Ini mungkin boleh diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pengkaunselan meliputi masalah kedua iaitu perkhidmatan pengkaunselan meliputi perhubungan dan perbincangan masalah di antara kaunselor dan klien. Dalam perbincangan yang biasa dijalankan, ia juga akan menyentuh perasaan yang mana kita berharap klien akan dapat berpandu dengan kaunselor dan juga pandangan-pandangan klien yang perlu mendapat panduan dari kaunselor. Di dalam mengeluarkan perasaan dan emosi serta pandangan oleh klien pada kaunselor, saya berpendapat biasanya bahasa pengantaran antara klien dan kanselor amat penting, biasanya bahasa tidak seharusnya menjadi satu halangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengkaunselan di antara klien dan kaunselor.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kalau mengikut Jadual Kedua itu cuma graduan daripada universiti tempatan yang layak didaftar sebagai kaunselor. Ini mungkin menjadi masalah sebab seperti yang kita tahu universiti tempatan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Ini bermakna kalau ada klien yang kurang fasih dalam Bahasa Malaysia, mungkin mereka tidak dapat perkhidmatan pengkaunselan yang diperlukan.

Saya ingin menyeru kepada kementerian supaya mengkaji semula kelayakan tersebut, supaya kita juga dapat membenarkan graduan daripada universiti luar negeri termasuk universiti-universiti dari Taiwan, China yang menggunakan lain-lain bahasa di dalam bahasa pengantarnya. Begitu juga universiti dari India yang menggunakan bahasa Tamil, tetapi mempunyai kelayakan kaunseling, psikologi dan sebagainya supaya mereka juga layak didaftarkan sebagai kanselor. Ini amat penting dan kita berharap kefasihan bahasa tidak harus menjadi satu penghalang untuk kita memajukan profesion pengkaunselan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kawatir kalau kita cuma menghadkan graduan daripada universiti tempatan sebagai satu syarat pendaftaran kaunselor, saya kawatir sama ada kita mempunyai bilangan graduan yang mencukupi untuk menampung keperluan daripada kliens di Malaysia. Jadi, saya ingin meminta angka jika ada mengenai dengan bilangan graduan yang telah melepasi universiti-universiti tempatan yang bakal didaftar sebagai kaunselor.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai dengan 33(1) iaitu syarat yang membolehkan sesuatu pertubuhan atau perbadanan yang boleh didaftar untuk memberi perkhidmatan pengkaunselan. Ini telah dinyatakan dalam:

- “33. (1)(a) keseluruhannya orang perseorangan yang merupakan kaunselor berdaftar; atau
- (b) sebilangan besarnya orang perseorangan yang merupakan kaunselor berdaftar, dan orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan profesion pengkaunselan dan diluluskan oleh Lembaga.”

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita sedia maklum bahawa sebelum rang undang-undang ini dibentangkan, oleh kerana ketidakwujudan syarikat atau kaunselor yang berdaftar selama ini, banyak pertubuhan kebajikan, pertubuhan sukarelawan dan semi sukarelawan termasuk parti seperti parti MCA telah pun memainkan peranan memberi perkhidmatan pengkaunselan kepada mereka yang tertekan mental. Dalam perkara ini kita perlu mengaku peranan dan sumbangan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut dalam meringankan tekanan emosi orang ramai dan juga peranan mereka dalam mengurangkan masalah sosial.

Saya berpendapat peruntukan 33(1)(a) dan (b) mungkin terlalu ketat. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa untuk sesuatu pertubuhan yang memohon menjadi kaunselor, jika seorang principal atau eksekutif utamanya adalah seorang kaunselor yang berdaftar, maka pertubuhan tersebut adalah

memadai untuk didaftar sebagai kaunselor berdaftar. Saya berpendapat ini juga boleh merupakan satu langkah menggalak pertubuhan kebajikan dan NGO memainkan peranan memberi perkhidmatan sosial sebagai pengkaunselan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin sebut iaitu setelah saya mengkaji Rang Undang-undang ini, saya dapati tiada apa-apa peruntukan mengenai dengan caj yang boleh dikenakan oleh seseorang kaunselor yang berdaftar terhadap perkhidmatan yang diberi olehnya.

Saya ingin mengatakan antara mereka yang memerlukan perkhidmatan pengkaunselan, ramainya adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan juga segolongan besar biasanya daripada keluarga yang bermasalah. Jika caj-caj yang dikenakan oleh kaunselor terlalu tinggi dan di luar kemampuan golongan tersebut, maka mereka tidak akan dapat perkhidmatan yang diperlukan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan adalah diharapkan caj-caj yang dikenakan adalah munasabah dan tidak terlalu tinggi. Dengan kata-kata tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau.

6.51 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kaunselor 1997. Dengan keruntuhan atau kelemahan institusi masyarakat yang kita saksikan sekarang ini, kita memerlukan perkhidmatan

kaunseling seperti yang mana Rang Undang-undang cuba untuk membekalkan infrastruktur perundangan untuk mengawal selia profesion ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat Melayu dahulu, bila institusi masyarakat kekeluargaan itu kuat, kita tidak perlu kepada perkhidmatan kaunseling ini, tetapi dalam keadaan sekarang yang mana kita melihat dan berhadapan dengan banyak masalah, mungkin kita rasa sudah tiba masanya untuk kita menggunakan perkhidmatan kaunseling. Mungkin sebab itulah juga Tuan Yang di-Pertua, dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu tidak ada perkataan kaunseling, itulah sebab tajuk Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang Kaunselor.

Saya cuba memikirkan apakah perkataan lain yang sesuai untuk kita gunakan, tetapi mungkin daripada dahulu lagi dalam perbendaharaan kita tidak ada perkataan 'kaunselor' ataupun 'kaunseling'. Jadi, kita terpaksa pinjam perkataan tersebut dan memperkenalkan satu konsep baru dalam bahasa kita. Di masa yang sama juga saya lihat dalam Bahasa Melayu ini tidak ada membuat 'jahat' sebab itulah kita tidak ada perkataan 'fraud', jadi sekarang kita gunakan perkataan 'fraud' dalam Rang Undang-undang ini. Pada masa yang sama, saya juga baru disedarkan bahawa perkataan Bahasa Melayu untuk 'counter fit' adalah 'melencungkan'. Kalau 'melencungkan' maknanya ada 'typing error'lah dalam draf Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali kita tegur mengenai penggunaan istilah-istilah dalam Bahasa Melayu yang kita rasa mempunyai

bahasa-bahasa lain atau perkataan-perkataan lain yang lebih baik daripada kita ubah suai ejaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang kurang jelas sekejap tadi daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri dalam masa membentangkan Rang Undang-undang ini ialah konsep kaunselor ini sendiri. Saya mengakui bahawa dalam keadaan sekarang kita perlukan kaunselor, tetapi yang saya kurang jelas, apakah dia konsep kaunselor yang hendak kita kawal selia ini menerusi Rang Undang-undang ini. Daripada apa yang saya dapat faham iaitu daripada bacaan saya tentang draf Rang Undang-undang ini, iaitu kita seolah-olah hendak menjadikan kaunselor ini satu profesion yang profesional, yang mana seperti juga kita ada akta yang khusus untuk mengawal selia ejen hartanah, pengamal perubatan, arkitek, peguam dan sebagainya. Maka sekarang ini kita ada satu Rang Undang-undang untuk mengawal selia kaunseling sebagai satu profesion dan dengan adanya Lembaga Majlis, kelulusan dan sebagainya.

Saya merasakan bahawa yang kurang jelas juga ialah apakah dia infrastruktur kaunseling yang akan ada dalam negara kita ini. Maksudnya adakah kaunselor ini tidak lama akan menjadi macam pengamal perubatan, psikiatri, arkitek ataupun peguam yang mana ia ada satu pejabat ditulis 'Kaunselor' dan kaunselor itu bertauliah dan diiktirafkan oleh Lembaga Kaunselor yang ditubuhkan dalam Rang Undang-undang ini, selepas itu orang boleh pergi dan memohon perkhidmatan kaunselor daripada kaunselor yang tersebut.

Saya sebenarnya merasakan bahawa pada peringkat kaunseling inilah yang diperlukan ialah kaunseling seperti yang ada sekarang, tetapi yang menjadi masalahnya ialah kurangnya pembekalan perkhidmatan kaunseling, kaunseling pada budak-budak, kaunseling pada remaja, kaunseling pada golongan wanita, kaunseling pada mereka yang terlibat dalam kes-kes juvana dan kaunseling dalam mereka yang menjadi mangsa keganasan seks. Kaunseling kepada wanita yang didera, kaunseling kepada orang-orang tua yang ditinggalkan, kaunseling kepada pelbagai kumpulan dalam masyarakat kita yang perlukan bantuan ini. Jadi, yang kita bimbang ialah kelemahan infrastruktur, pembekalan perkhidmatan ini. Dalam kes ini saya setuju dengan rakan saya tadi, saya rasa kadang-kadang bila kita hendak jadikan kaunselor profesional macam ini, kadang-kadang kita mengenyepikan sebilangan besar juga golongan mereka yang mempunyai minat dan juga kemampuan dalam mengendalikan usaha kaunseling. Tetapi mereka bukanlah profesional, bukan ada kelulusan.

Di dalam pengalaman saya, saya telah berjumpa dengan ramai orang yang merupakan kaunselor yang cukup baik kepada golongan remaja, kepada wanita yang tidak mempunyai kelulusan langsung. Mereka seperti yang dikata adalah aktivis masyarakat, yang mempunyai kemampuan untuk mendengar, mempunyai komitmen yang tinggi dan mereka menasihati dengan begitu baik. Saya telah banyak kali bertemu dengan orang yang tidak mempunyai kelulusan akademik langsung, tetapi mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan kata-kata untuk menasihati dan juga mententeramkan perasaan orang dengan cukup

baik, jauh lebih baik daripada orang yang kononnya mempunyai kelulusan. Jadi, saya bersetuju bahawa kita perlukan perkhidmatan ini, tetapi yang kita pohon penjelasan ialah tentang infrastruktur pembekalan perkhidmatan ini kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

Yang keduanya, mungkin kementerian boleh melihat kembali Rang Undang-undang ini dan membekalkan panduan. Seperti yang lain, mungkin kita ada certification of counsellor's pada sesiapa juga, tetapi mereka yang sudah melalui proses certification itu, maka dia boleh menjadi kaunselor. Dalam keadaan sekarang ini seperti yang ada di dalam Jadual Kedua - iaitu sesiapa juga yang memenuhi Jadual Kedua itu dia boleh diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor ini sebagai pengamal kaunseling ini.

Kita tidak sebut pun sama ada dia ada pengalaman, dia keluar universiti dengan Ijazah Sarjana Muda umurnya 22 tahun atau 23 tahun, dia sendiri tidak biasa tengok masalah atau mungkin berhadapan dengan orang yang ada masalah. Jadi, dia boleh mendapat pengiktirafan sebagai 'kaunselor'. Yang lebih penting ialah kita hendak mengambil orang dalam masyarakat ini, yang berminat dan mempunyai pengalaman yang tertentu, kemudian ada satu certification, pengiktirafan ataupun macam Lembaga Akreditasi Negaralah dalam pendidikan, kita akredit dia dan bila kita akredit, dia boleh menjadi kaunselor dalam kapasiti-kapasitinya yang tertentu, mungkin kurikulum juga keperluan, pengalaman dan sebagainya hendaklah ditentukan oleh Lembaga Kaunselor yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah kaunselor yang dimaksudkan di sini, saya rasa ada dipisahkan daripada pengamal kesihatan seperti psikiatri dan mereka yang bekerja di pusat-pusat kesihatan mental, rumah rawatan psikiatri dan sebagainya. Jadi, saya faham ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, Kementerian Kesihatan yang mengawal selia benda ini mempunyai peruntukan undang-undang yang tersendiri. Tetapi bila masuk kaunselor ini, itu sebabnya kadang-kadang kaunseling ini dalam takrif yang digunakan di muka surat 6 ini dalam definisi istilah ini, ia luas, kadang-kadang menyentuh ruang lingkup yang diliputi mungkin juga oleh psikiatri dan sebagainya.

Saya ingat lebih baik kita membuat certification dan kemudiannya mengawal dari segi pengamalannya sahaja dan bukan dari segi kelulusannya. Oleh sebab Rang Undang-undang ini ada di sini, maka saya akan pergi secara terperinci kepada bahagian-bahagian yang ada di dalam Rang Undang-undang ini mulai daripada Bahagian II - Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa Majlis yang saya nampak dalam Rang Undang-undang ini tidak berapa operatif kehadirannya dalam Rang Undang-undang ini. Ia mempunyai fungsi yang hanya dua dalam Fasal 4:

- (a) untuk menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akta ini; dan
- (b) untuk menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Lembaga.

Majlis ini mempunyai 29 ahli yang mana KSU Kementerian ini dan Timbalannya menjadi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan sampai 25 orang wakil daripada pelbagai pihak.

Saya tidak berapa jelas mengapa kita perlu ada Majlis ini kerana selepas Bahagian II yang selesai disebut mengenai Majlis ini, perkataan 'Majlis' itu tidak pernah timbul lagi selepas Bahagian III, Bahagian IV, Bahagian V dan Bahagian VI. Apabila diperincikan bagaimana hendak mengawal selia tatatertib, ada dua jawatankuasa di sini iaitu Jawatankuasa Tatatertib dan satu lagi Jawatankuasa Penyiasatan. Mengikut seksyen-seksyen yang tertentu dua jawatankuasa ini melapor terus kepada Menteri dan saya tidak nampak di mana kita perlu wujudkan satu tahap birokrasi yang dinamakan Majlis ini, kerana kita nampak seolah-olah tidak perlulah ada Majlis ini, ubah sedikitlah Lembaga ini dan memang Lembaga ini terus bertanggungjawab kepada Menteri melalui pegawai-pegawai dalam kementerian, kerana ada KSU di situ, ada TKSU dan sebagainya Lembaga itu pula adalah terdiri dari mereka yang boleh memberi pandangan dan juga mengemukakan isu-isu, laporan untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III - Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia. Saya sedar bahawa Fasal 13(2), untuk Lembaga yang pertama, disebabkan tidak ada kaunselor yang berdaftar lagi, jadi kenalah ada satu lembaga sementara, tidak lebih dari 2 tahun KSU menjadi pengerusi dan 9 orang yang mewakili pertubuhan profesional yang ada hubungannya dengan profesion pengkaunselan. Kemudian seorang daripada wakil IPT menjadi

lembaga sementara dan selepas 2 tahun kita wujudkan lembaga yang kekal dan presidennya dilantik daripada kalangan kaunselor yang berdaftar. Daripada 15 orang yang lain kebanyakannya adalah dari jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kemajuan Islam, JPA, Kementerian Dalam Negeri serta 3 orang wakil IPT dan 6 orang kaunselor berdaftar. Ini pun mungkin hendak difikirkan juga. Kalau kita hendak senaraikan jabatan-jabatan yang mempunyai kerelevanan untuk berada di dalam lembaga ini, kita boleh fikirkan banyak juga jabatan atau kementerian lain yang patut ada di dalamnya. Jadi, kalau kita hendak banyak senarai macam ini, maka ahli di dalam lembaga ini adalah terdiri daripada ramai pegawai kerajaan. Macam sekarang ini, satu, dua, tiga, empat, lima, enam orang adalah pegawai kerajaan, mungkin yang tiga orang IPT itu pun daripada pegawai kerajaan. Kalau kita tengok di sini pun mungkin jika kita boleh tambah seorang lagi iaitu daripada Kementerian Belia dan Sukan ataupun daripada Jabatan Belia yang mempunyai kerelevanan untuk hadir dalam Lembaga ini.

Satu lagi teguran saya tentang keahlian lembaga ini ialah pada lembaga sementara kita ada sembilan orang yang mewakili pertubuhan profesional yang ada hubungannya dengan profesion pengkaunselan. Tetapi di dalam lembaga tetap tidak ada perwakilan daripada pertubuhan-pertubuhan profesional yang tadi, maknanya bila masuk menjadi lembaga tetap, selain daripada pegawai-pegawai kerajaan kita ada tiga orang wakil IPT dan enam orang kaunselor. Mereka mungkin daripada Persatuan Psikiatri Malaysia, pengamal perubatan

ataupun dari segi Persatuan Kaunseling Malaysia, dia tidak ada duduk di dalam Lembaga Kaunselor dan keahliannya seperti yang tertulis di sini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikutnya ialah mengenai Fasal 24(1). Ia adalah jelas kerana kita ada Jadual Kedua. Fasal 24(2) ini merupakan satu pintu yang terpaksa kena ada untuk membolehkan dipertimbangkan mereka yang tidak memenuhi kelulusan seperti yang ada di dalam Jadual Kedua. Ini mungkin soal drafting, tetapi saya rasa Fasal 24(2) ini memberi pintu yang cukup, pintu itu boleh jadi kecil dan pintu itu boleh menjadi cukup besar, sehinggakan kalau pintu itu menjadi cukup besar, Jadual Kedua tidak berapa bermaknalah. Jika Seksyen 24(2) ini diguna dengan membuka pintu yang luas, jadi Jadual Kedua itu sudah menjadi kurang bermakna. Kalau tidak ada langsung seksyen 24(2) ini, jadi susah pula kita hendak menjalankan pendaftaran untuk mereka yang lain daripada yang ada kelulusannya di dalam Jadual Kedua. Mungkin kita hendak bubuh kesemuanya di dalam Jadual Kedua, apa juga yang kita hendak bubuh, kita bubuh dalam Jadual Kedua kerana untuk meletakkan di dalam Jadual Kedua, kalau tidak salah saya, tidak perlu dibawa kembali ke dalam Dewan ini untuk dipinda, menteri boleh, saya terbaca atau mungkin saya tersilap.

Perkara yang berikut ialah tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan saya tadi iaitu seksyen 33(1)(a) dan (b). Dikatakan “Tiada pertubuhan perbadanan boleh menjalankan amalan sebagai kaunselor melainkan jika lembaga pengarahnya keseluruhannya terdiri daripada kanselor yang berdaftar”. Walaupun saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya

dan saya katakan pada awal tadi kaunselor ini sebenarnya kita berkehendakkan kepada orang yang komited, yang berminat untuk melakukannya. Pertubuhan ini pun kalau ahli lembaga pengarahnya ada tiga, empat orang mereka merupakan kaunselor yang berdaftar, tetapi yang hendak menjalankan kerja kaunseling yang sebenar itu ialah ahli pertubuhan yang lain dan bukannya terdiri daripada lembaga pengarahnya pun, maka kita tidak juga boleh mengawal seperti kita boleh mengawal kaunselor-kaunselor yang secara individu.

Yang kedua, Fasal 33(1)(b) ini dari segi draftingnya mungkin saya lebih seronok kalau tidak ditulis “Sebilangan besarnya orang perseorangan yang merupakan kaunselor berdaftar.....”. Jadi, “sebilangan besarnya” ini macam tidak berapa precise, tidak tepat. Jadi, kalau kita kata separuh, dia kata separuh, kalau kita hendak kata lebih daripada separuh, kita lebih daripada separuh atau $\frac{2}{3}$ ataupun sesuatu perkataan yang ada operative meaning. Jika kita katakan “sebilangan besar” mungkin ia membawa takrif lebih daripada setengah. Kalau kita hendak lebih daripada setengah, kita kata lebih daripada setengah, kalau kita hendak tiga suku, kita kata tiga suku, jika kita hendak dua pertiga, kita kata dua pertiga.

Perkara yang berikut ialah tentang hukuman, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Seksyen 22(1) dan 22(2) - sesiapa yang menjadi kaunselor, dia menyamar dan sebagainya. Kalau dia disabitkan kesalahan dia didenda sebanyak tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun.

Dalam Seksyen 33 dan 35, kalau mana-mana pertubuhan melakukan kesalahan, melanggar seksyen itu maka dia telah melakukan kesalahan. Dalam Seksyen 33 dan 35 ini dia tidak sebut pula hukumannya, tetapi dalam Bahagian VII - Kesalahan dan Penalti. Kita ada Seksyen 45 yang mengatakan:

“45. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan -

(a) didenda tidak melebihi lima ribu ringgit

Jadi, pertubuhan ini mungkin Seksyen 33 dan 35 ini menggunakan Seksyen 45 sebagai penalti dan hukuman. Tetapi pada Seksyen 22 untuk orang perseorangan, kita ada Seksyen 22(2) untuk mengenakan apakah tahap hukuman yang kita patut kenakan. Jadi, sekadar konsistensi kita hendak tahu, yang ini dendanya lima ribu ringgit dan dipenjarakan tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali - ini Seksyen 45.

Seksyen 45 cover 33 dengan 35, tetapi Seksyen 22(2), dendanya ialah tiga puluh ribu ringgit ataupun dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun. Yang pertamanya saya rasa kalau tiga puluh ribu ringgit itu tidak berapa cukup tinggi, walaupun penjara tiga tahun itu adalah cukup tinggi. Tetapi Seksyen 45 ini adalah terlalu rendah dan kita tidak mendapat keseragaman (uniformity) dalam hukuman yang kita hendak kenakan ke atas orang ataupun atas pertubuhan dan kesalahan yang dia hendak lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikutnya ialah dalam Jadual Pertama, perkara 7, ada benda-benda lain yang lebih kurang sifatnya macam ini iaitu seksyen yang ditulis di dalam ini. Misalnya dalam Jadual Pertama:

- “7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa -
- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
 - (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 6 oleh mana-mana anggota Lembaga ; atau
 - (c)

dan sebagainya.

Saya rasa kalau kita bertunjangan kepada kecekapan bekerja, pada perasaan akauntabiliti dan tanggungjawab, maka peruntukan Jadual Pertama 7(a) dan (b) ini tidak perlu kita letak di dalamnya. Maknanya kalau ada kelemahan dari segi kekosongan keanggotaan ataupun pelanggaran mana-mana peruntukan, jadi itu menunjukkan kita sebagai jentera kerajaan melakukan pekerjaan yang tidak secepat yang kita boleh lakukan. Yang © itu saya setuju. Jadi, perkara-perkara macam ini dalam drafting pada umumnya bukan khusus pada Rang Undang-undang ini sahaja. Perkara yang berikutnya ialah khusus di sini, tetapi pada umumnya bila ditubuhkan satu statutory body seperti badan ini, menteri dengan executive bodynya, lembaga, majlis atau sebagainya. Ini sebabnya saya hendak menyebelah pada menterilah. Macam Seksyen 49 ini mengatakan:

“49. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga.....”

Dan dalam Jadual Pertama, perkara 8(2):

“8. (2) Wang yang tidak diperlukan dengan segera oleh Lembaga boleh dilaburkan dalam apa-apa sekuriti amanah sebagaimana yang telah ditentukan oleh Lembaga, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri.”

Jadi, takkan Lembaga berunding dengan Menteri selepas itu dia boleh buat, sepatutnya dia letak terbalik sedikitlah ‘Lembaga dengan persetujuan menteri’ barulah menteri itu dia nampak tinggi sedikit dan lembaga boleh buat macam itu, bukan selepas berunding dengan menteri, tetapi menteri bersetuju dengan cadangan lembaga. Jadi, penggunaan dalam draf Rang Undang-undang ini sepatutnya meletakkan menteri pada tahap bukan konsultatif, maknanya apa-apa juga lembaga majlis apabila dia hendak membuat sesuatu keputusan, yang kuasanya, dia bertanggungjawab pada menteri, maka menteri itu setujulah bukan menteri itu hanya di‘consult’ dan lembaga itu membuat keputusan, sebab akhirnya menteri itulah yang akan datang ke Dewan Rakyat ini untuk bertanggungjawab ke atas apa juga tindakan yang diambil oleh lembaga ataupun apa-apa badan yang ada di bawah pengawalannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir ialah tentang Jadual Kedua. Saya telah katakan pada awal tadi, dalam konsep kaunselor yang ada di dalam fikiran saya, tidak perlu kelulusan yang macam saya kata ini, tetapi dalam konteks Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan di sini, saya bukan

pakar dalam kaunseling ini, tetapi saya nampak di sini misalnya Diploma Psikologi dari UKM, maknanya orang itu boleh diiktiraf sebagai kaunselor. Universiti Malaya - Sarjana Pendidikan atau sarjana iaitu ijazah yang kedua dan ada Universiti Sains Malaysia - Doktor Falsafah. Maknanya ini mungkin dari segi konsep orang kata konsistensilah juga. Ini bermakna Diploma Psikologi dari UKM ini tahapnya sama tinggi dengan Sarjana Pendidikan dari Universiti Malaya dari segi memenuhi syarat-syarat kaunseling dan diploma ini juga sama taraf dengan Doktor Falsafah Pendidikan USM dan diploma ini juga sama dengan sarjana-sarjana lain iaitu Sarjana Sastera, Sarjana Pendidikan daripada UKM. Ini macam tidak konsisten juga kerana diploma dari UKM ini sama dengan sarjana dari UKM sendiri dalam bidang yang lebih kurang sama iaitu psikologi kaunseling dan ini pun kaunseling sama dengan Sarjana Muda Universiti Putra Malaysia, perkataan 'bachelor' ini dalam Bahasa Melayu tidak berapa betul. Maknanya ini satu lagi ketidakkonsistennya iaitu Sarjana Muda Pendidikan UPM sama dengan Sarjana Sastera Psikologi Kaunseling dari UKM.

Kalau kita hendak buat pengiktirafan dari segi tahap pengajian dan kita kena konsisten, maknanya tahap pengajian dalam bidang tertentu pada tahap diploma. Tahap pengajian dalam bidang yang khusus dalam tahap sarjana muda ataupun tahap sarjana. Tetapi kalau kita kata sarjana muda, maknanya atas daripada itu semua kita kira jugalah ataupun kita hendak membuat pengiktirafan certification seperti yang saya katakan tadi, kalau ada post sijil ataupun post graduate certificate dalam bidang itu yang diiktiraf oleh Rang

Undang-undang ini maka orang itu kita secara rasmi kita kira sebagai telah memenuhi syarat-syarat iktisas untuk menjadi seorang pengamal kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan sedikit komen saya, mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian demi untuk kita sama-sama memastikan bahawa golongan yang memerlukan perkhidmatan kaunseling ini seperti golongan kanak-kanak, belia, wanita, lelaki pun sama dan berbagai-bagai jenis orang yang perlukan perkhidmatan kaunseling ini mendapat perkhidmatan kaunseling, yang pertama.

Yang keduanya mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang bermutu tinggi.

Yang ketiganya, mendapat perkhidmatan kaunseling seperti Yang Berhormat Menteri kata bukan yang tidak mengikut etika dan sebagainya.

Akhirnya kita semua berhasrat untuk cuba mengurangkan segala gejala-gejala sosial yang kita hadapi sekarang dan kita mahu memperkukuhkan institusi masyarakat yang ada dalam negara kita ini supaya ianya menjadi lebih kuat, supaya masyarakat akan datang akan menjadi lebih stabil dan kuat, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

7.20 mlm.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya setelah diteliti saya mendapati Rang Undang-undang ini memang baik dan amat diperlukan, kerana ia bertujuan memperundangkan profesion kaunselor dan amalan pengkaunselan yang selama ini tidak diliputi

oleh undang-undang yang khusus di negara kita. Oleh kerana tidak ada undang-undang yang berkaitan, maka terdapat ramai kaunselor sama ada mempunyai kelayakan yang mencukupi atau tidak bebas melakukan apa-apa kegiatan business mereka tanpa kawalan, sama ada kegiatan business mereka akan menolong golongan sasaran dan memperolehi faedah yang maksimum atau tidak bukan merupakan hal penting, asalkan mereka yang memilih profesion ini boleh mencari wang dengan cara mudah.

Mengenai istilah 'kaunselor' atau pengertian 'kaunselor' yang tertera dalam Rang Undang-undang ini iaitu seseorang yang mengadakan perkhidmatan pengkaunselan bagi suatu fee yang ditetapkan atau apa-apa balasan lain.

'Pengkaunselan' itu sendiri bermaksud suatu proses sistematik untuk membantu berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika. Pengkaunselan untuk mencapai suatu perubahan kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien. Sedangkan pada hari ini ramai orang menggunakan nama dan jawatan 'kaunselor' sewenang-wenangnya seperti dalam bidang pelaburan, kewangan, insurans, undang-undang, latihan, business dan sebagainya. Apakah ini dibenarkan sedangkan ia boleh menimbulkan salah faham di kalangan orang ramai, walaupun bidang kemahiran dan pengkhususan berbeza, tetapi pemakaian nama kaunselor ini haruslah dibataskan kepada bidang yang berkaitan dengan psikologi sahaja.

Saya percaya mereka yang tidak berkelayakan akan meninggalkan profesion ini kerana Rang Undang-undang ini mengenakan penalti yang agak berat. Satu perkara lagi ialah sama ada nama mana-mana orang yang bekerja dengan syarikat perniagaan sebagai kaunselor untuk melatih kakitangan dalam bidang sains gelagat manusia khususnya motivasi dan sebagainya adakah diliputi oleh Rang Undang-undang ini?

Apa yang mendukacitakan dalam sektor pengkaunselan ini ialah terdapat kaunselor atau syarikat mereka mengaut keuntungan berlebihan selama ini akibat ketiadaan kawalan pihak berkuasa. Mereka mengenakan caj yang mahal dan tinggi kepada para pelajar yang mengikut kursus, seminar, kem sumbangsaan, brain storming session dan pelbagai nama lagi. Harga kos mahal, tetapi isi kandungan kursus tidak sehebat mana. Para pelajar dan orang ramai terperangkap dalam siaran akhbar dan media lain. Adalah mustahak pihak Lembaga Kaunselor sentiasa menyemak dan menyiasat ketulenan syarikat-syarikat kaunselor yang memperlawa orang ramai menyertai kursus mereka.

Berhubung dengan kelayakan kaunselor, saya mendapati senarai kelulusan yang diiktiraf dalam Jadual Kedua hanya terbatas kepada kelulusan mana-mana IPT dalam negeri sahaja, tidak disebut langsung kelayakan kaunselor yang menerima pendidikan luar negeri. Walaupun peruntukan rang undang-undang menyediakan ruang yang mana lembaga boleh menimbang mana-mana permohonan untuk mendaftar seorang kaunselor yang menerima kelulusan dari luar Malaysia, namun hendaklah dipastikan kelulusan itu biarlah

yang benar-benar bermutu dan melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh lembaga. Contohnya mereka yang berkelulusan dalam bidang sains gelagat manusia dari mana-mana universiti luar negeri patutlah diiktiraf. Di samping itu pihak Lembaga Kaunselor hendaklah menetapkan caj pengkaunselan yang perlu dipatuhi oleh mana-mana kaunselor dalam memberi perkhidmatan kaunsel pada pelanggan. Sebagai contoh summer camp 4 hari 3 malam anjuran sebuah syarikat untuk para pelajar berharga RM220 setiap orang boleh dianggap tinggi dan membebankan ibu bapa. Bukan semua ibu bapa yang mampu menghantar kesemua anak-anak mereka untuk menjalani kursus bina semangat seperti summer camp ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Klang.

7.25 mlm.

Dr. Tan Yew Kew [Klang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang Kaunselor yang memperuntukkan pendaftaran dan amalan kaunselor. Khidmat kaunseling amat diperlukan pada hari ini, kerana terdapatnya perubahan dalam latar belakang sosial dan juga perhubungan antara manusia. Kaunseling memberi bantuan dan kelegaan kepada mereka yang menghadapi masalah penyesuaian emosi dan perhubungan antara manusia. Ianya semakin popular kerana manusia hari ini semakin mempercayai akan khidmat profesional dan juga yakin bahawa masalah mereka boleh diselesaikan oleh para profesional dengan lebih baik lagi.

Tetapi kaunselor adalah istilah yang terlalu longgar digunakan dan sesiapa sahaja yang sanggup memberi nasihat kepada orang lain boleh menganggap diri mereka sebagai kaunselor. Ini adalah merbahaya kerana kebanyakan orang yang memerlukan kaunseling adalah mereka yang mengalami gangguan emosi. Oleh itu, mereka ini mudah dieksploitasi dan diambil kesempatan oleh pihak kaunselor. Tambahan pula nasihat yang salah atau pengendalian kes yang tidak tepat oleh seseorang kaunselor yang tidak terlatih boleh mengakibatkan masalah yang lebih besar kepada klien mereka.

Pendaftaran akan menentukan bahawa hanya kaunselor yang terlatih sahaja boleh mengendalikan sesi kaunseling. Dengan itu, ianya akan dapat melindungi klien yang memerlukan bantuan dan juga khidmat kaunseling secara profesional.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami menyokong prinsip pendaftaran kaunselor, namun terdapat beberapa perkara yang memerlukan penjelasan dan tindakan. Pertama, mengenai kelayakan bagi pendaftaran. Mengikut rang undang-undang, kelayakan bagi pendaftaran kaunselor seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua adalah kelulusan diploma dan ijazah dalam bidang kaunseling daripada universiti-universiti di Malaysia. Manakala seksyen 24(2) pula membenarkan orang-orang yang mempunyai kelulusan yang setaraf mendaftar. Istilah kelulusan yang setaraf perlu dijelaskan lagi. Adakah ianya merujuk kepada diploma dan ijazah yang setaraf yang dianugerah oleh universiti-universiti luar negara sahaja atau adakah ianya juga meliputi sijil-sijil

kursus pendek dan latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh NGO atau badan-badan profesional.

Ketika negara kita masih kekurangan yang ketara para kaunselor yang dilatih di universiti, kaunselor yang tidak mempunyai kelayakan lengkap harus diberi status yang sesuai untuk melaksanakan peranan mereka. Kita harus ingat bahawa sehingga hari ini kebanyakan daripada pusat kaunseling yang ditubuhkan oleh kumpulan NGO adalah dikendalikan sebahagian besarnya secara sukarela oleh para kaunselor yang tidak mempunyai kelayakan lengkap. Mereka ini tidak mempunyai ijazah tetapi mereka berjiwa besar, telah pun menghadiri kursus latihan pendek dan telah menghimpun begitu banyak pengalaman dalam masa melaksanakan tugas mereka. Mereka inilah yang telah menyumbangkan khidmat yang tidak ternilai kepada orang-orang kita di masa lalu tatkala kita tidak mempunyai kaunselor yang dilatih oleh universiti. Sememangnya mereka ini telah memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan dan perkembangan bidang kaunseling di negara kita.

Apabila rang undang-undang ini diluluskan apakah yang akan terjadi kepada mereka ini. Pihak lembaga harus memberi penghargaan yang setara kepada kumpulan kaunselor ini. Saranan saya ialah credit point diberikan kepada mereka mengikut jumlah jam mereka berkhidmat dan juga jumlah kursus pendek yang telah mereka hadiri. Mereka yang telah memenuhi jumlah jam bekerja dan telah lulus kursus latihan yang relevan anjuran badan-badan profesional dan NGO dan juga dari dalam atau luar negara haruslah dibenarkan mendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya kemukakan ialah mengenai hukuman bagi seseorang yang memberi khidmat kaunseling tanpa pendaftaran. Seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 22(2) seseorang yang disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM30,000 dan atau dipenjara selama tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Saya mendapati hukuman ini agak berat dan tidak setimpal dengan kesalahan. Sedangkan hukuman bagi memperdagang dan melacurkan wanita hanya didenda tidak lebih daripada RM10,000 sahaja dan penjara tidak lebih daripada lima tahun. Adakah memberi khidmat kaunseling tanpa pendaftaran suatu kesalahan yang lebih berat daripada memperdagangkan wanita? Adakah memberi khidmat kaunseling tanpa kelayakan yang lengkap itu boleh menimbulkan kemudatan dalam kehidupan seseorang klien, lebih teruk daripada memaksanya melacurkan dirinya.

Pada pendapat saya mengenakan hukuman denda sudah memadai bagi seseorang yang memberi khidmat kaunseling tanpa pendaftaran. Sekiranya kaunselor yang tidak berdaftar itu menimbulkan lebih banyak kemudatan ke atas kliennya, saya percaya undang-undang yang sedia di negara ini sudah memadai untuk dirujuk.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang hendak saya perkatakan ialah mengenai istilah 'kaunselor'. Sebelum rang undang-undang ini diperkenalkan istilah 'kaunselor' dikenali secara am sebagai istilah yang dirujuk kepada sesiapa yang memberi khidmat nasihat dalam aspek-aspek tertentu. Banyak sekolah dan kolej mempunyai kaunselor kerjaya atau carrier counselor, dengan

izin, untuk membantu pelajar-pelajar mereka memilih kursus pengajian yang sesuai dan menyediakan maklumat mengenai pendidikan lanjutan. Tugas mereka bukanlah untuk menyelesaikan masalah emosi dan sosial pelajar. Terdapat juga kaunselor yang digaji oleh NGO dan kilang-kilang bagi membantu pekerja-pekerja menyelesaikan masalah kerja mereka. Apabila rang undang-undang ini diluluskan bolehkah kaunselor-kaunselor ini terus menganggap diri mereka kaunselor.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara-perkara yang perlu dijelaskan agar ia tidak akan menimbulkan kekeliruan tatkala akta ini dikuatkuasakan. Saya amat berharap perkara-perkara yang tersebut itu dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Yang Berhormat Menteri, dan jika boleh memperbaiki perkara-perkara ini dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tepat dengan secepat mungkin. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

7.34 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapat Rang Undang-undang Kaunselor yang pertama diperkenalkan kepada kita. Saya ingin beberapa penjelasan ataupun penjelasan lanjut perbezaan antara ‘kaunselor’ dengan ‘motivasi’. Sebab sekarang ini telah banyak wujud syarikat-syarikat yang menjalankan kerja motivasi, di mana musim-musim cuti sekolah diadakan program-program motivasi kepada pelajar dan syarikat-syarikat ini juga terlibat memotivasikan pegawai-pegawai kerajaan

atau badan-badan kebajikan di pejabat kerajaan, memanggil pakar-pakar motivasi untuk memberi motivasi kepada mereka.

Oleh itu, saya mahu pihak kementerian memberi penjelasan supaya kaunselor dan motivasi ini tidak dicampuraduk. Sebab mereka yang mendaftarkan dengan syarikat motivasi boleh menjalankan kerja kaunselor dan kerja-kerja kaunselor juga boleh dijalankan oleh mereka yang hendak membuat kerja-kerja motivasi. Setahu saya 'kaunselor' adalah suatu melalui discussion, perbincangan, nasihat dan perundingan. Tetapi 'motivasi' lebih merupakan indoctraining, iaitu pasak idea atau memasukkan satu perundangan ke dalam pemikiran orang. Jadi, kalau garis panduan tidak dijelaskan kedua-dua ini boleh dicampur aduk, iaitu kaunselor boleh menjalankan kerja motivasi, motivasi boleh menjalankan kerja kaunselor. Kita lihat sekarang kadang kala motivasi ini baik dan ada juga yang buruk.

Misalnya, musim-musim cuti sekolah pelajar-pelajar dibawa untuk kursus-kursus motivasi. Mereka kadangkalanya didoktrin sehingga mereka pejam mata ingatkan ibu bapa, ingatkan Allah, kemudian menjerit sekuat-kuatnya 'kami mahu lima A atau empat A'. Tetapi apabila mereka masuk peperiksaan ada salah satu markah mereka tidak dapat jawab, akhirnya mereka menjadi collapse dan tidak dapat menjawab lain-lain soalan sehingga ibu bapa mereka terpaksa kaunselor balik anak mereka, "Jawablah anak, setakat mana yang kamu mampu boleh jawab. Kalau tidak pas peperiksaan pun tidak mengapa, ayah tidak marah". Dengan bapa kaunselor balik anak yang telah dimotivasikan tadi, kita lihat kedudukan anaknya pulih.

Sebab itu kita lihat motivasi kadangkalanya, selepas dimotivasi terpaksa dikaunselorkan balik orang yang telah dimotivasikan. Begitu juga dalam Biro Tata Negara, kadangkalanya motivasi mereka dengan memasang lilin, memejam mata, menangis teresak-esak di tepi pantai. Kalau Melayu misalnya untuk memperjuangkan hak Melayu. Kita bimbang, salah bawa motivasi ini boleh melahirkan perasaan chauvanist dan perlu pula dikaunselorkan mereka ini yang telah dimotivasikan tadi. Jadi, antara motivasi dengan kaunselor perlu ada garis panduan supaya ianya tidak bercampur aduk.

Tuan Yang di-Pertua, di Barat memang banyak syarikat-syarikat atau individu yang menjalankan kerja-kerja kaunselor, tetapi kadangkalanya yang kaunselor itu pula sakit jiwa dan mereka hendak kaunselkan diri mereka itu kepada sesiapa. Ini perlu juga diambil perhatian. Bila rang undang-undang ini diluluskan kerajaan hendaklah sentiasa berhati-hati, sebab kaunselor ini selalunya memberi nasihat. Yang agak nya boleh menghancurkan keharmonian ialah kadangkala nasihat yang diberikan kepada golongan yang berlainan agama. Misalnya, kalau kita kaunselorkan seorang penyelesaiannya hendaklah kembali ke Tuhan mengikut tatacara agama yang kita percaya, iaitu Islam. Begitulah juga mereka yang menganut agama lain, mereka cuba selesaikan masalah jiwa mengikut kepercayaan agama yang dia anuti.

Sebab itulah saya bimbang jikalau orang Islam dikaunselkan oleh orang lain, terutama dekat hendak mati, waktu nazak, selalunya mereka boleh meninggalkan agama asal mereka dan perkara ini telah berlaku. Misalnya yang berlaku di Teluk Intan dahulu 10, 15 tahun dahulu di mana doktrin agama

menggunakan kaunselor ini untuk menukarkan agama seseorang di saat seseorang itu menghadapi kesusahan, kecemasan ataupun di saat nazak. Pihak kementerian hendaklah menjaga perkara-perkara ini supaya ia tidak timbul dalam masyarakat nanti masalah yang sensitif ini.

Sekarang kita lihat ada program motivasi, ada kaunselor yang diluluskan dan akan diluluskan. Ada Forum Perdana, ada kuliah agama TV/Radio, ada kuliah-kuliah agama di pejabat-pejabat kerajaan. Kalau kita lihat program-program yang ada cukup banyak. Tetapi kenapa kita lihat pula keruntuhan akhlak semakin menjadi-jadi, buang anak semakin menjadi-jadi, dadah semakin bertambah buruk, minuman arak bertambah. Adakah selama ini perpaduan antara program-program itu tidak berlaku atau program-program itu tidak pergi kepada akar-umbi. Perkara ini mesti dikaji. Sebab kita lihat dengan adanya pula satu kaunseling lagi tetapi keadaan masyarakat kita semakin hari semakin juga teruk. Persoalan ini perlu dikaji oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan semua kementerian dalam masalah keruntuhan sejagat yang berlaku dalam negara kita sekarang ini.

Kita lihat kaunseling juga boleh berbagai-bagai cara, dan di antaranya yang kita agak berjaya dari segi ia bersifat kaunselor dan juga khidmat masyarakat, di antara yang terkenal di dunia ialah Mother Theresa. Bagaimana beliau berkhidmat sebagai aktivis sosial dan juga sebagai seorang kaunselor yang cukup berkesan kepada orang-orang miskin, orang-orang yang putus harapan untuk hidup, tetapi Mother Theresa dapat memulihkan keyakinan untuk hidup walaupun di tengah-tengah masyarakat yang miskin di Calcutta.

Kita bimbang kaunselor ini lebih perlu sekarang ini di saat banyak orang yang sakit jiwa akibat kejatuhan saham, akibat berbagai-bagai hingga yang hendak membunuh diri dan sebagainya, barangkali mereka akan mencari kaunselor untuk memberi nasihat kepada mereka untuk meneruskan hidup.

Begitu juga kaunseling yang saya kata tadi bagi kita yang beragama Islam sudah tentulah satu kaunsel perundingan ataupun membawa dia mengingati Tuhan adalah satu perkara yang terbaik. Kita lihat pandangan-pandangan kebelakangan ini saya harap pihak kementerian membuat kajian. Di antaranya ada pandangan mengatakan kesalahan juvana hendaklah dihukum bermula dari tujuh tahun, bukan sepuluh tahun. Perkara ini perlu dikaji dengan pandangan alim-ulama mesti diambil kira, sebab dalam pandangan Islam tujuh tahun seseorang itu engkar melakukan kerja-kerja amal saleh dia hendaklah dinasihati. Sepuluh tahun kalau dia engkar untuk melakukan kerja sembahyang dan sebagainya barulah dia boleh dirotan. Ertinya, dalam Islam menetapkan sepuluh tahun umur hukuman. Tetapi pandangan Ketua Hakim baru-baru ini minta supaya kalau boleh dikaji untuk diturunkan ke tujuh tahun. Pihak kementerian telah membuat kajian sama ada perkara ini bersesuaian dengan agama kita atau tidak, saya tidak berani kata sama ada boleh atau tidak boleh. Jadi, pandangan-pandangan ulamak hendaklah diambil kira dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain supaya kaunselor ini juga dijaga tentang bayaran. Sebab kita lihat sekarang syarikat-syarikat motivasi pada musim cuti sekolah membuat wang yang cukup hebat, pendaftaran yang tinggi, dibuat di tempat-tempat yang istimewa seperti

di Gunung Jerai ataupun di Port Dickson dengan bayaran-bayaran yang cukup tinggi, dan ibu bapa sanggup berkorban untuk anak mereka dapat di'motivate' dalam bidang hidup, terutama sekali dalam bidang pelajaran dan untuk membina masa depan yang lebih cemerlang. Kita harap kaunselor ini juga tidak mengeksploitasikan suasana keruntuhan moral sekarang ini untuk mereka mengenakan bayaran yang cukup tinggi kepada barangsiapa hendak mengambil perkhidmatan mereka.

Saya bersetuju dengan Balik Pulau, iaitu soal siapa layak untuk menjadi kaunselor ini tidak bergantung kepada kelulusan. Kadangkala di kampung orang paling bijak kaunselor orang ialah tok bomoh. Bomoh-bomoh ini lebih banyak memberi nasihat dari memberi ubat. Sebelum dia memberi ubat kadangkala dia memberi nasihat 15 atau 20 minit. Perkhidmatan bomoh termasuk juga digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik terutama menjelang Perhimpunan Agung. Jadi, bomoh kadangkalanya ubatnya sedikit tetapi kaunselingnya itu lebih banyak. Saya melihat sendiri misalnya Dr. Harun Din cara dia kaunseling orang. Seorang wanita datang berjumpa dia, dia kata saya tidak dapat tidur tiga hari tiga malam. Dr. Harun Din kata kalau boleh yang saudari tidak dapat tidur itu beri kepada saya, kalau saya tidak dapat tidur tiga hari tiga malam saya dapat baca Al-Quran, saya dapat buat kerja-kerja amal yang banyak. Tetapi yang mengganggu saya, saya suka mengantuk. Bolehkah kita tukar tidak tidur saudari itu dengan mengantuk saya. Dia nasihat di antaranya cara beramal membaca ayat itu dan ini dan sebagainya, seminggu kemudian wanita itu datang mengatakan dia sudah dapat tidur malam.

Jadi, kaunselor dalam bentuk seperti ini perlu diberi pengiktirafan. Kadangkala dia hanya tok guru kampung, guru Al-Quran, tetapi dia dapat mendamaikan krisis rumah tangga yang cukup dahsyat dengan nasihat-nasihat yang baik walaupun di sudut kelulusan orang itu tidak mempunyai kelulusan seperti yang disenaraikan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak biasa, tetapi Pokok Sena tak tahulah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga kadangkala mereka yang terlibat dalam motivasi, saya kata tadi mereka juga boleh terlibat dalam kaunselor. Mereka selalunya memperkenalkan diri mereka, ‘kami tidak menyokong mana-mana parti politik’. Ini selalunya yang terlibat dalam motivasi supaya yang di’organise’ oleh UMNO pun mereka dapat hadir dan yang di’organise’kan oleh pro Pas pun mereka dapat hadir. Sebenarnya di belakang itu kadangkala ada agenda politik mereka tersendiri. Perkara ini juga hendaklah diawasi, mereka kata ‘kami non-partisan’. Sebenarnya mereka ada partisan dan menyokong orang-orang atau golongan yang tertentu. Jadi, melalui motivasi ataupun selepas ini didaftar pula sebagai kaunselor, mereka dapat menggunakan khidmat itu untuk menyokong mana-mana orang yang mereka sokong.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya harap undang-undang ini apabila dilulus nanti berhati-hati untuk mengimplemenkan undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sangka Yang Berhormat bangun hendak minta penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tawau.

7.48 mlm.

Puan Chua Soong Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kaunselor 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan rang undang-undang ini tepat pada waktunya, kerana ianya bukan sahaja dapat menjamin kepastian khidmat kaunseling dengan menerusi pengawalseliaan yang wajar, malahan juga merupakan satu “blue print” bagi mendukung khidmat kaunseling ke arah profesionalisma.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini masyarakat umum sering beranggapan bahawa khidmat kaunseling adalah semata-mata ditujukan kepada kaum wanita. Merekalah yang sentiasa menjadi mangsa dalam keganasan keluarga ataupun kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan khidmat kaunseling. Kini dengan timbulnya gejala-gejala sosial yang semakin meningkat lagi canggih, keperluan khidmat kaunseling juga semakin bertambah mendesak. Di samping itu, keperluan kualitinya turut meningkat ke satu tahap yang professional.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang ini saya berpendapat bahawa ada perlunya kita renungi

beberapa masalah yang akan timbul bersabit dengan khidmat kaunseling dalam masyarakat kita. Memandangkan kurangnya kemudahan kita untuk melatih kaunselor, apakah mereka yang selama ini memberi kaunseling tanpa kelayakan akan terpaksa memberhentikan khidmatnya, ekoran kelulusan rang undang-undang ini. Jika benar, ini sudah tentu akan merumitkan lagi badan-badan NGO kita yang menangani pelbagai masalah sosial. Selama ini badan-badan tersebut memainkan peranan mereka sebagai social workers atau pembantu sosial yang bukan sahaja terpaksa berdikari dari segi kewangannya, malahan juga menghadapi masalah kekurangan gunatenaga khususnya dalam bidang khidmat kaunseling.

Oleh yang demikian, demi tidak merempuhkan badan-badan NGO tersebut saya ingin mengesyorkan agar kaunselor-kaunselor yang sedia ada diberikan peluang untuk menyertai kursus insentif kilat supaya mereka dapat melayakkan diri untuk memberi khidmat kaunseling. Di samping itu, kementerian perlu mempunyai perancangan menyeluruh untuk menyediakan kemudahan dan insentif bagi melatih kaunselor demi menampung keperluan yang semakin meningkat pesat. Ini adalah satu-satunya strategi yang utama yang akan membantu kita memerangi pelbagai gejala sosial yang bertentangan dengan ciri-ciri budaya dan akhlak masyarakat kita. Dengan kata-kata ini saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

7.57 mlm.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini. Sebenarnya kaunseling ini adalah nasihat. Kita memberi khidmat nasihat. Khidmat nasihat ini selalunya kalau orang muda hendak menasihati orang tua-tua kadang-kadang susah, walaupun orang muda itu berkelulusan tinggi, mempunyai ijazah dan sebagainya, tetapi dari segi khidmat nasihat atau kaunseling ini, yang muda hendak menasihati orang-orang tua memang susah. Jadi, selalunya orang-orang tua menasihati orang-orang muda. Sebab itulah di sebelah kampung bila ada berlaku - sebenarnya dalam rumah tangga sekali pun kadang-kadang bila ada berlaku krisis, mereka kata baliklah kepada orang-orang tua. Balik berjumpa orang-orang tua dan tanya khidmat nasihat, pujuk lebih kurang dan sebagainya. Jadi, bermakna kaunseling ini adalah satu khidmat nasihat.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju melihat banyak syarikat-syarikat yang mengadakan motivasi, kaunseling dan sebagainya. Tetapi saya kira pihak kementerian perlu mengadakan satu garis panduan yang tepat supaya jangan benda-benda ini terutama dipolitikkan, seperti saya bersetuju dengan Kubang Kerian ataupun membawa pengaruh kepada rakyat menentang kerajaan dan sebagainya. Dia sendiri pun kadang-kadang cara pergi berceramah di kampung pun kaunseling juga. Kita dok beri syarahan-syarahan itu kaunselinglah, tetapi cara approach kita itu lain, tetapi adalah kaunseling juga. Jadi, yang saya hendak tekankan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi kaunseling ini perlu juga kita selitkan dengan pendidikan agama. Ini mustahak,

kerana kita dapati bahawa setiap agama, agama apa sekali pun suruh orang berbuat baik. Tidak ada satu agama yang kata suruh bunuh orang itu bagus ataupun main judi itu bagus ataupun mencuri itu baik, tidak ada. Semua agama suruh buat benda yang baik. Apatah lagi agama Islam agama yang suci yang bersih ini, jadi saya harap kaunselor-kaunselor ini perlu mempunyai sekurang-kurangnya asas agama supaya mereka dapat mendekati masalah itu. Mendekati dan memahami masalah dan kita dapat polish masalah-masalah itu dengan menyelitkan pendidikan agama kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kaunseling ini banyak kita tumpukan hari ini kepada anak-anak sekolah, di peringkat sekolah sama ada di bandar atau di luar bandar supaya mereka ini dapat kita bentuk pada hari ini untuk mewarisi generasi yang akan datang. Hak yang tua-tua sudah macam buluh, kita buat macam mana pun kadang-kadang kepak patah habis, tinggal. Jadi, hak lapis hendak naik ini, anak-anak muda, anak-anak di peringkat sekolah menengah dan sebagainya perlu diberi satu kaunseling yang sederhana kepada mereka di peringkat awal, kemudian mengasuh mereka supaya menuju ke jalan baik.

Saya juga berharap, Tuan Yang di-Pertua, benda ini mungkin kalau kita cerita dia kata pelik. Tetapi di tempat-tempat yang pelik ini orang-orang ini kena ada. Macam kita tengok di karaoke, di tempat-tempat yang tidak berapa baik, kita kata macam di night club pun saya kira kerana sekarang ini kita tengok di bandar raya yang besar umur 16, 17 dan 18 tahun pun berada di tempat-tempat yang tidak begitu baik akhlak kalau kita hendak dekati. Mereka

pergi ke karaoke-karaoke - masuk karaoke, keluar 'kau tak okay'. Dia keluar tidak okay. Jadi, orang-orang macam ini perlu dibimbing tentang kebaikan, moral sebagai seorang insan. Beri mereka faham tentang apakah nilai hidup ini. Yang menghisap dadah, yang bunuh diri dia tidak erti menilai hidupnya. Sebab itu, banyak lagi kawan-kawan kita yang menghadapi masalah saham, kerana dia tahu nilai hidup dia, dia masih hidup. Dia masih tidak membunuh diri macam Yang Berhormat dari Kubang Kerian kata. Hak yang bunuh diri ini selalunya yang sudah putus asa, orang yang sudah putus harapan untuk hidup, dia tidak mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi masalah hidup, mereka bunuh diri.

Jadi, kaunselor-kaunselor ini perlu memahami bidang-bidang tertentu untuk memberi kaunseling-kaunseling ini. Contohnya, tidak semuanya kaunselor faham masalah hidup. Tentang rumah tangga, kadang-kadang yang menasihati yang hendak bercerai sudah ranum. Yang hendak menasihati orang muda. Dia kata 'hang tak beranak lagi aku sudah menikah dengan mak long hang, hang hendak nasihat aku apa.' Ini cara soalnya. Jadi, saya berharap kena diversified ke bidang-bidang tertentu macam doktor juga. Kalau pakar gigi kita suruh dia suluh perut dia tidak boleh pergi, fasal dia pakar masalah gigi. Kalau masalah penyakit barah lain, jantung lain. Begitu juga dalam hidup, masalahnya berbagai-bagai masalah. Masalah rumah tangga hari ini kita tengok cukup amat ketara berlaku, rumah tangga haru-biru dan sebagainya.

Jadi, kita kena cari punca masalah yang berlaku, kadang-kadang kerana tekanan hidup, kerana masalah duit ringgit, kerana masalah alam semula jadi

kadang-kadang menyebabkan kacau bilau dalam rumah tangga. Mungkin kerana pergaulannya agak begitu bebas menyebabkan kacaunya rumah tangga. Jadi, kaunselor-kaunselor ini kena memahami akan masalah-masalah tersebut sebelum mereka boleh membuat kaunseling kepada seorang itu.

Begitu juga masalah dadah, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang anak-anak kita yang hisap dadah masuk ke pusat pemulihan, selepas itu mereka dibersihkan, diubah perangai, tetapi apabila mereka keluar daripada pusat ini mereka terlibat balik. Jadi, apakah di pusat-pusat latihan ini kita mempunyai kaunselor-kaunselor yang mencukupi yang pakar dalam bidang untuk membina semula hidup masyarakat itu supaya mereka ini menjadi masyarakat yang baik setelah mereka terjebak ke dalam kumpulan yang tidak sihat dan dipulihkan. Kita kena tunjuk kepada mereka jalan yang banyak yang perlu mereka lalui supaya hidup mereka lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kementerian supaya kalau boleh guru-guru kita juga di sekolah-sekolah kita beri mereka kursus untuk kaunseling jadi kaunselor untuk mereka memberi kaunseling kepada anak-anak murid kita, kepada student-student. Kerana kebanyakan yang kita bimbang adalah generasi muda, kerana mereka akan mewarisi negara kita ini. Jadi, kalau dari sekolah lagi kita tidak beri bimbingan yang sewajarnya, tidak memberi pendidikan yang sebaiknya, kaunseling yang sebaiknya untuk menyelesaikan masalah, maka mereka inilah akan menjadi rakyat yang celaru.

Begitu juga saya kira kalau timbul masalah-masalah rumah tangga, sebab itu dalam Islam bila bergaduh bercerai dia beri masa untuk kita sejuk

lebih kurang, mungkin bila sejuak dia baru teringat balik kasih-sayang semasa bersembang di bawah pokok semasa muda-muda dahulu. Maklumlah bila tengah marah kadang-kadang hak yang cantik pun dia tidak suka lagi. Tetapi semasa sejuak dia akan kenang balik, sudah beranak sampai lima-enam orang, hidup pun susah dahulu tetapi sekarang senang sedikit, jadi dia akan timbul kasih sayang dan mesra balik. Jadi, ini pun salah satu kaunseling juga.

Jadi, saya harap pihak kementerian, guru-guru ini perlu bila musim-musim cuti sekolah beri mereka kursus-kursus kaunseling, walaupun mereka tidak semestinya menjadi kaunselor, tetapi sekurang-kurangnya mereka dapat menyelesaikan masalah-masalah di sekolah. Kadang-kadang timbul masalah di sekolah, bagaimanakah kita hendak mengatasi. Budak-budak zaman ini bukan macam zaman saya dahulu, guru keluarkan rotan kita sudah takut. Zaman sekarang ini guru keluarkan rotan dia tanya cikgu ‘tang mana cikgu hendak pukul, saya hendak suakan.’ Ini betul-betul berlaku, kerana anak-anak sekarang ini berani, dia berani lawan guru dan sebagainya. Kita dahulu tidak tahulah di zaman saya samalah dengan Tuan Yang di-Pertua, kalau orang-orang tua datang di hadapan rumah, kita tidak naik, kita naik di pintu belakang, kita hormat. Depan emak pak, depan keluarga kita tidak hisap rokok. Tetapi sekarang ini kadang-kadang dia kata “Pak minta sebatang.” Minta rokok kepada bapa, bapa pula tolong cucuh, tolong pasang api, orang Kedah kata cucuh.

Jadi, sudah lain dengan dahulu. Sekarang ini pula setengah-setengah keluarga yang baiknya ibu bapa ada anak-anak duduk bersembang sekali.

Walaupun di zaman kita dahulu, dengan bapa kita jarang bersembang, kita hormat, kita takut. Tambah pula kalau bapa yang cengeh kalau dia berdehem di depan, kita di sini pergi mandi pukul 6.00. Dia berdehem sahaja, dia tidak bunyi suara lagi, baru dia 'ehem' di depan, kita di sini sudah mandi. Sekarang ini emak jenuh keriau sekampung hendak suruh anak mandi.

Jadi, perubahan masa dan zaman, kita pun pihak kementerian kena atur. Menteri dia pun bagus, tunggu sudah dua hari di Parlimen. Jadi, saya harap peruntukan jangan kira sangat. Sudah datang Menteri, Timbalan Menteri pun datang, peruntukan jangan kira, kalau tidak cukup minta. Kerana bila masalah berlaku dalam negara, inilah masalahnya, masa itu duit sudah tidak erti bagi kita. Jadi, saya berharap setakat itulah Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bangun hendak minta penjelasankah atau apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pokok Sena, penjelasan?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menggelengkan kepala]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Baiklah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

8.03 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang

Kaunselor 1997. Di sini saya ingin melahirkan beberapa pandangan oleh perbadanan-perbadanan kaunseling daripada masyarakat Cina terhadap rang undang-undang ini. Sungguhpun Rang Undang-undang Kaunselor merangkumi keseluruhan masyarakat Malaysia, tetapi sebagai sebuah masyarakat yang majmuk tidak boleh dinafikan bahawa kaunseling ini amat terkhusus kepada masyarakat berdasarkan nilai agama, budaya dan juga tradisi mereka. Oleh itu, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun akan bersetuju dengan saya kalau saya menyatakan biasanya kaunseling yang diberikan kepada sesebuah kaum ataupun kumpulan agama biasanya datang daripada kaunselor yang mempunyai nilai, tradisi ataupun agama yang sama.

Oleh sebab itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang sudi datang - saya ingin mengucapkan tahniah kerana beliau sedia datang sendiri untuk membentangkan rang undang-undang ini dengan penuh kesabaran menunggu selama dua hari tanpa meninggalkan Dewan yang mulia ini. Saya harap beliau boleh mengambil kira dengan pandangan yang diutarakan oleh perbadanan kaunseling masyarakat Cina, di mana mereka amat kluatir tentang rang undang-undang yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat. Saya rasa sungguhpun mereka menghargai usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk mengawalselia kaunseling ataupun perbadanan kaunseling, tetapi saya rasa amat kesal bahawa dalam proses penggubalan rang undang-undang ini pihak kementerian tidak mendapat pandangan daripada mereka yang terlibat dalam bidang kaunseling.

Saya rasa mungkin merupakan sesuatu yang agak ganjil sedikit sungguhpun kita hendak meluluskan Rang Undang-undang Kaunselor tetapi kita tidak membuat kaunseling dengan kaunselor-kaunselor. Saya rasa ini memang tidak berapa kena pada tempatnya, kerana kalau hendak memprofesionalisasikan bidang kaunseling, pokoknya ialah kita mesti bersedia mendengar pandangan, bersedia berunding dengan mereka dan bersedia untuk membenarkan mereka menyertai dalam keputusan atau rumusan yang dicapai. Inilah pokok kaunseling di mana kalau kita hendak berikan kaunseling kita pun mesti mendengar dan mengambil kira pendapat dan masalah yang diluahkan. Tetapi dalam rang undang-undang ini pula adalah dikesali bahawa pihak-pihak kaunselor tidak diminta memberikan pandangan mereka atau dirundingkan terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak badan kaunseling daripada masyarakat Cina khuatir dengan terlaksananya undang-undang ini akan menafikan sumbangan perbadanan kaunseling dan kaunselor masyarakat umum khususnya daripada masyarakat Cina. Ini adalah tidak adil bagi perbadanan kaunseling di kalangan masyarakat umum yang telah berusaha selama 10 tahun atau selebihnya dalam bidang ini. Yang penting ialah undang-undang ini dianggap akan menyekat dan bukan mendorong perkembangan profesion kaunseling masyarakat Cina. Masalah sosial kian serius, adalah dipercayai bahawa kerajaan tidak ingin melihat masyarakat penyayang. Cuma menjadi satu slogan kosong sahaja, dan perbadanan kaunseling pula tidak dapat menjalankan pendidikan dan memberi

khidmat pencegahan dan pengubatan secara berkesan sehingga mempengaruhi kualiti kehidupan rohani dan jasmani generasi yang akan datang.

Adalah diharapkan juga kerajaan tidak akan berpandangan sempit terhadap profesion kaunseling sehingga profesion kaunseling tidak dapat diperkembangkan dengan sikap terbuka. Di antara perkara-perkara yang merisaukan perbadanan kaunseling masyarakat Cina tentunya saya rasa seksyen 24 dan seksyen 33(1) rang undang-undang ini, kerana mereka risau bahawa contohnya seksyen 33(1) di mana dinyatakan:

“33.(1) Tiada pertubuhan perbadanan boleh menjalankan amalan sebagai kaunselor, melainkan jika lembaga pengarahnya terdiri daripada -

- (a) keseluruhannya orang perseorangan yang merupakan kaunselor berdaftar; atau*
- (b) sebilangan besarnya orang perseorangan yang merupakan kaunselor berdaftar, dan orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan profesion pengkaunselan dan diluluskan oleh Lembaga.”*

Akibat pelaksanaan subseksyen ini, badan-badan kaunseling daripada masyarakat Cina berpendapat jika kaunselor masyarakat Cina yang sedia ada tidak dapat didaftarkan, maka mereka tidak boleh menubuhkan perbadanan kaunseling, dan ini adalah tentu tidak adil bagi mereka yang telah menyumbang tenaga dalam khidmat kaunseling dalam masyarakat Cina selama 10 tahun kebelakangan ini. Juga khidmat kaunseling masyarakat Cina merupakan satu

pekerjaan amal. Jika Lembaga Pengarah Perbadanan Kaunseling tidak boleh menerima penglibatan dermawan, orang yang bermoral dan mempunyai konsep pendidikan, orang yang mempunyai daya kewangan, perbadanan kaunseling dalam masyarakat Cina tidak dapat meneruskan khidmat ini jika ia tidak mempunyai sokongan kewangan daripada masyarakat Cina.

Sebab yang ketiga ialah kalau perbadanan kaunseling bergantung kepada fee yang dikenakan kerana ada disebutkan kalau kita lihat takrifan 'kaunselor', ertinya 'seseorang yang mengadakan perkhidmatan pengkaunselan bagi suatu fee yang ditetapkan atau apa-apa balasan lain', saya rasa ini seakan-akan menafikan sama sekali mereka yang menjalankan kerja kaunseling secara sukarela tanpa menerima sebarang pembayaran, saya rasa ini merupakan satu kelaziman atau amalan lumrah di kalangan perbadanan kaunseling di masyarakat Cina. Saya percaya juga di masyarakat-masyarakat yang lain iaitu jikalau perbadanan kaunseling bergantung kepada fee yang dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi khidmat pengkaunselan, ia akan berubah menjadi komersial. Rakyat jelata yang berpendapat rendah misalnya golongan belia adalah tidak berkemampuan menanggung sebarang kos ini. Hakikatnya perbadanan kaunseling masyarakat Cina akan kehilangan sifat asalnya yang bertujuan memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Oleh itu, mereka meminta bahawa subseksyen 33(1) ini tidak harus diluluskan.

Tentang seksyen 24 pula berkenaan dengan kelayakan kaunseling berdaftar adalah berdasarkan Jadual Kedua tentang senarai kelayakan yang

boleh didaftarkan. Senarai tersebut hanya merangkumi senarai universiti-universiti tempatan. Walaupun seksyen 24(2) mewajibkan seperti berikut:

“24.(2) Jika seseorang memegang apa-apa kelayakan yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua, tetapi Lembaga berpuas hati bahawa kelayakan itu adalah tidak kurang daripada atau yang bersamaan dengan kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual itu, Lembaga boleh meluluskan pendaftaran orang itu sebagai kaunselor jika dia memuaskan hati Lembaga bahawa dia seorang warganegara Malaysia atau seorang pemastautin tetap Malaysia, berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun dan adalah orang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai kaunselor.”

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 24 ini tidak merangkumi pemilik kelulusan diploma serta sarjana muda kaunseling atau kursus-kursus yang berkaitan dari universiti-universiti negara asing seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Singapura, Taiwan, Hong Kong dan lain-lain universiti di luar negeri yang layak didaftarkan sebagai kaunselor. Berkenaan dengan impak atau kesan seksyen ini adalah boleh dinyatakan seperti berikut:

Pertama, hasrat kerajaan memperkembangkan profesion kaunseling di universiti tempatan adalah dihargai, tetapi amat diragui bahawa jumlah pemilik kelulusan di universiti tempatan yang akan didaftar sebagai kaunselor untuk memberi khidmat kepada masyarakat sama ada mencukupi bagi memenuhi keperluan masyarakat yang kian mendesak. Oleh itu, pengakuan kelulusan dari

universiti-universiti luar negeri harus dibenarkan. Adalah diharapkan bahawa pihak kementerian boleh mengumumkan bilangan kaunselor berdaftar yang ada sekarang dan bilangan kaunselor berdaftar yang dianggap cukup oleh pihak kementerian untuk memenuhi keperluan negara. Saya rasa kalau kita lihat dari segi bekalan dan permintaan, kita boleh membuat satu unjuran adakah jumlah kaunselor yang berdaftar itu mencukupi, berapakah bilangannya. Kalau ini tidak mencukupi dan kita ada satu pool, dengan izin, satu sumber, tetapi yang bukan mendapat kelayakan daripada universiti tempatan tetapi pada universiti luar negeri, saya tidak lihat sebab mengapa mereka tidak boleh diterima dan diberikan pengiktirafan yang sewajarnya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, jika pemilik kelulusan tempatan sahaja yang dianggap sebagai profesion kaunseling sedangkan kelulusan akademik dari negara lain tidak diakui, ini saya rasa susah diterima oleh perbadanan kaunseling masyarakat Cina. Kerana monopoli ke atas kelayakan kaunselor akan melumpuh dan melemahkan perkembangan profesion kaunseling.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa bahasa Mandarin merupakan bahasa penghantar utama atau bahasa ibunda dalam amalan kaunseling masyarakat Cina. Dari segi komunikasi yang berkesan penggunaan bahasa ibunda adalah komponen, atau elemen yang paling penting sekali. Dalam masa ini jikalau terdapat ramai kaunselor yang didaftar mengikut peraturan yang sedia ada, tetapi dari segi kefasihan bahasa ibunda adalah lemah atau kurang, saya rasa ini akan menjejaskan prestasi mereka. Ini akan

menjejaskan keberkesanan mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi oleh mereka yang menghadapi masalah dan juga memberikan nasihat yang sewajarnya. Maka pengakuan pemilik-pemilik ijazah kaunseling daripada universiti-universiti lain, khususnya daripada negara-negara yang mempunyai bahasa pengantar dalam bahasa ibunda atau bahasa Cina seperti Hong Kong dan Taiwan mungkin negeri Cina dan juga dari India amat diperlukan.

Saya rasa kalau seseorang menghadapi masalah dan dia tidak dapat berkomunikasi dengan kaunselor-kaunselor, saya rasa dia pun tidak berhasrat untuk meminta nasihat dan bantuan apabila dia rasa dia perlu. Saya rasa dari segi psikologi untuk berjumpa seseorang yang tidak dikenali untuk diberitahu masalah yang dihadapi tetapi susah untuk menyampaikan masalahnya, saya rasa dia tidak akan berminat untuk berjumpa kaunselor, dan usaha kerajaan untuk menjadikan kaunseling lebih profesional akan menyebabkan lebih kurang orang meminta bantuan daripada kaunselor yang profesional.

Oleh sebab itu, saya berpendapat bahawa seksyen 24 ini tidak diharuskan. Kalau pihak kementerian ingin mengekalkannya, ia harus diperluaskan supaya dapat merangkumi universiti-universiti luar negeri. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang perkembangan profesion kaunseling di masyarakat Cina 10 tahun kebelakangan ini yang mempunyai sifat-sifat keistimewaan yang tersendiri seperti berikut:

Pertama, profesionalisme - kaunselor dari perbadanan kaunseling mempunyai ijazah dalam bidang kaunseling, psikologi dan kelulusan yang

berkaitan dari universiti-universiti di merata-rata tempat di dunia. Taraf akademiknya adalah setanding dengan kelayakan yang disenarai dalam jadual kedua akta ini. Antaranya terdapat kaunselor yang mempunyai pengalaman yang penuh dari segi amalan atau praktikal serta mencapai keperluan intership yang sewajarnya. Tambahan pula perkhidmatan mereka selama ini disertai dengan pengambilan khusus penataran terus-menerus yang menjadikan mereka kaunselor yang lebih berpengalaman.

Saya bersetuju dengan pandangan beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum saya yang menyatakan pengalaman merupakan, saya rasa komponen atau elemen yang paling penting sekali. Kita boleh mempunyai ijazah sarjana ataupun falsafah Ph.D-Kedoktoran. Tetapi apa gunanya kalau kita tidak ada pengalaman untuk sekurang-kurangnya menghayati kesusahan atau penderitaan yang dialami oleh orang-orang tertentu yang mengadu atau perlu diberikan bantuan. Tanpa pengalaman apa-apa ijazah pun tidak bermakna. Oleh sebab itu, kalau sepanjang 10 tahun ini dari segi profesion kaunseling di masyarakat Cina, ini haruslah diberikan penilaian dan juga pengiktirafan yang sewajarnya. Aspek kedua atau keistimewaan kedua ialah dalam segi penataran dalam bidang kaunseling di mana perbadanan kaunseling masyarakat Cina mengamalkan latihan bagi kaunselor semiprofesion dan pekerja amal dengan aktif. Mereka menganggapnya sebagai satu profesion berlainan dengan kerja membantu yang biasa, dan kursus yang diamalkan ini mengambil masa melebihi setahun, di mana kandungan kursus tersebut meliputi teori dan teknik asas kaunseling.

Hanya mereka yang berjaya lulus peperiksaan dan penyediaan praktikal layak memberi perkhidmatan kaunseling secara rasmi. Kebanyakan mereka ini memiliki kelayakan dari institusi pengajian tinggi dan adalah diharapkan bahawa kerajaan boleh menilai keadaan pendaftaran kaunseling di masyarakat Cina serta menyediakan peluang pendaftaran lanjutan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk kaunselor semi profesion dan pekerja amal tersebut demi menjadi kaunselor profesional. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada membuat survey ataupun kajian tentang proses latihan yang dijalankan oleh badan-badan kaunseling di masyarakat Cina.

Keistimewaan ketiga ialah menyediakan maklumat-maklumat yang bersifat tempatan, merupakan arah penting yang diusahakan oleh kaunselor-kaunselor tersebut, misalnya mendirikan norma-norma tempatan untuk pelbagai jenis ujian, mendorong perkembangan kaunseling yang lebih profesional dan bersifat local demi faedah klien-klien atau mereka yang perlukan bantuan. Dan di sini ada beberapa buku yang telah pun ditulis oleh beberapa kaunselor di mana salah seorang yang giat ialah contohnya buku-buku yang ditulis ialah Chang Yung Ching atau Chong Yung Kim yang sering menulis buku-buku tentang kaunseling dan saya rasa ini merupakan satu sumber maklumat tempatan yang amat penting, yang boleh disemak dan dirujuk oleh pihak kementerian dan boleh berkongsi data ini kepada masyarakat lain.

Keistimewaan keempat ialah sifat inisiatif, bertanggungjawab, bersifat tidak berteraskan keuntungan oleh badan-badan kaunseling ini. Perkembangan ini khusus adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat yang mendesak pada

tahun 80-an dan 90-an. Ia bersifat inisiatif mengutamakan amalan moral profesion, berpegang teguh kepada sifat tidak berteraskan keuntungan, bersifat gigih, boleh dipercayai oleh orang ramai dan inilah semangat-semangat penting yang selama ini dihayati oleh badan kaunseling dan saya rasa kalau kita lihat rekod yang tercatat, jarang ada kes-kes di mana ada kaunselor-kaunselor palsu kerana ia biasanya dijalankan oleh badan-badan kaunselor dan juga pihak badan-badan agama, bukan seperti kita sering melihat tentang bomoh-bomoh palsu yang menipu orang, tetapi dalam kes kaunselor ini, saya rasa jarang sedikit malah ada paderi-paderi palsu pun ada, tetapi untuk kaunselor ini kalau kita lihat dari segi rekod adalah kurang sedikit.

Oleh sebab itu, kaunselor daripada masyarakat Cina sungguhpun mengalu-alukan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk mengadakan norma dalam profesion kaunseling demi mendorong amalan kaunseling tempatan mencapai perkembangan profesionalisme tetapi mereka memandang serius terhadap impak yang dibawa oleh undang-undang tersebut terhadap bidang mereka serta kemungkinan undang-undang tersebut akan menyekat perkembangan amalan kaunseling di kalangan masyarakat tertentu dan oleh itu mereka meminta, yang pertama melonggarkan subseksyen 33(1) yang menentukan kelayakan ahli lembaga pengarah pertubuhan Perbadanan Kaunseling demi menerima penglibatan orang perseorangan yang bukan kaunselor profesional supaya memperolehi sokongan masyarakat yang lebih menyeluruh terutamanya dari segi bantuan kewangan untuk mempertahankan

profesion kaunseling yang membawa manfaat kepada rakyat jelata dan bukan merupakan badan kaunseling yang bersifat komersial.

Kedua, mengakui ijazah kaunseling dan kursus-kursus yang berkaitan dari universiti-universiti Amerika Syarikat, Kanada, Singapura, Hong Kong, Taiwan dan universiti luar negeri yang lain - tambahan ke atas apa yang disenaraikan dalam Jadual Kedua serta menteri dan lembaga kaunselor mempunyai kuasa mutlak yang membolehkan pengakuan kelayakan tersebut secara tertulis demi menjamin kelulusan akademik dari pelbagai aliran bahasa dapat diakui dan diberi perhatian.

Pembinaan ketiga, berdasarkan sifat keistimewaan perkembangan profesion kaunseling di masyarakat Cina serta pengalaman praktikal yang melebihi sepuluh tahun dan berasaskan prinsip penglibatan diri dalam pembangunan profesion kaunseling negara, adalah diharapkan mereka boleh melibatkan diri dalam pertubuhan kaunseling kerajaan demi memberi sumbangan membangunkan profesion kaunseling negara selain daripada mengkhususkan atau mengehendkan mereka hanya dalam masyarakat Cina, adalah diharapkan mereka boleh memberikan sumbangan kepada profesion kaunseling negara secara keseluruhannya.

Keempat, kepada Perbadanan Kaunseling yang sedia ada di kalangan masyarakat umum, sebelum mereka diberi pengakuan pendaftaran, mereka harus ditawarkan permit sementara untuk memastikan mereka boleh terus beroperasi dalam bentuk:-

- (a) penubuhan satu Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia harus mempunyai penglibatan wakil dari perbadanan kaunseling masyarakat Cina atau kaunsel berdaftar dan menyokong penglibatan wakil dari perbadanan kaunselor kaum-kaum lain;
- (b) lembaga kaunselor dan ahli jabatan kaunselor mempunyai kuasa mutlak dan bertanggungjawab berat yang diamanah oleh menteri juga harus mempunyai wakil dari Perbadanan Kaunseling masyarakat Cina;
- (c) kursus penataran kaunseling dalam pelbagai jenis bahasa untuk memastikan tidak ada penyelewengan pemikiran yang mengakibatkan diskriminasi bahasa merupakan premis yang amat penting dalam pelaksanaan professional counselling. Fungsi atau peranan bahasa ibunda dalam profesion kaunseling harus dititikberatkan dan oleh itu pihak-pihak berkuasa harus mengamalkan kursus kaunseling dalam pelbagai bahasa, bukan hanya dalam satu bahasa sahaja termasuk bahasa Mandarin demi memperkembangkan kualiti dan taraf profesion kaunseling dari berbilang kaum secara berterusan dan akhirnya membela serta melindungi Rukunegara yang menegaskan kepercayaan agama yang bebas. Nilai-nilai agama berlainan dan berbilang harus saling hormat menghormati di antara satu sama lain untuk

mengelakkan sebarang ancaman ataupun pertikaian dalam profesion kaunseling.

Apa yang saya nyatakan di sini bukan sahaja pandangan dari pihak Pemuda Sosialis DAP tetapi juga merupakan pandangan bersama dari beberapa pertubuhan contohnya, ini ialah juga dikeluarkan oleh Pengerusi Pusat Kaunseling A Gate Malaysia dan juga Care Corner Sendirian Berhad, Persatuan Lifeline Malaysia dan juga The Bridge Communication Sendirian Berhad, Bahagian Kaunseling Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Mitra Line Counselling Centre iaitu satu pertubuhan kaunseling yang diwujudkan oleh Pertubuhan Buddhist dan juga Malaysia Independent Chinese Secondary School Working Committee Counselling Department dan inilah pandangan yang diutarakan oleh badan-badan kaunseling dan saya harap pihak kementerian boleh mengambil kira pandangan mereka dan adalah dikesali bahawa apa yang dinyatakan oleh badan-badan kaunseling ini tidak dinyatakan oleh wakil-wakil daripada pihak MCA, sungguhpun saya difahamkan mereka mempunyai pendirian yang sama tetapi apabila saya mendengar ucapan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Parlimen MCA adalah dikesali bahawa mereka tidak menyampaikan perasaan khuatir dan risau sepertimana yang diutarakan oleh badan kaunseling masyarakat Cina dan di sini oleh kerana kegagalan mereka, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri akan faham bahawa inilah pandangan yang dibuat oleh tujuh badan kaunseling yang

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mentakab bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Tuan Fu Ah Kiow: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini setiap Ahli Parlimen boleh menyuarakan pandangan mereka, tetapi jangan sekali-sekali cuba hendak memperkecilkan pandangan Ahli Yang Berhormat yang lain khususnya dari parti pembangkang. Ini bukan satu sikap yang baik.

Bila tadi saya menyebut pandangan tentang akta ini, ia memang telah merupakan pandangan bukan sahaja dari pandangan saya tetapi juga pandangan dari pertubuhan-pertubuhan yang sedang menjalankan khidmat kaunseling. Jadi, saya rasa merupakan satu sikap yang amat `disgasting` kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba menekan orang lain untuk meninggikan imej Yang Berhormat, itu bukan satu `tangga` yang bagus. Jadi, saya rasa mungkin ini perlu diakui oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan cubalah ubah sikap demikian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya siapa yang makan cili, dia rasa pedas. Tadi, saya hanya bercakap dua wakil Ahli Parlimen MCA sebelum saya, saya tidak buat apa-apa tuduhan, tetapi nampaknya bila saya hanya bercakap saya kesal bahawa pandangan tersebut yang dibuat oleh badan-badan kaunseling masyarakat Cina ...

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis dahulu, saya akan beri jalan.

Tuan Fu Ah Kiow: Beri jalan dahululah. Tadi kata dua orang MCA berapa ...

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak akan beri jalan sekarang, saya akan beri jalan nanti. Sila duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sabar Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini bukan perangai yang kita mahu, kalau saya sudi beri jalan, saya harap harus menikmati peluang ini dengan sebaiknya. Tadi saya menyatakan bahawa inilah pandangan yang dibuat oleh badan kaunseling masyarakat Cina dan tidak diutarakan oleh kedua-dua Ahli Parlimen MCA yang berucap sebelum ini dan saya tidak membuat serangan peribadi, tetapi mengapa Ahli Yang Berhormat dari Mentakab sensitif sangat sehingga hendak mempersoalkan perangai saya dan saya hanya menanya kerana kegagalan mereka membuat atau mengutarakan pandangan badan-badan kaunseling masyarakat Cina, saya terpaksa berbuat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa walaupun Yang Berhormat tidak sebut nama sesiapa, tetapi sedia maklumlah, bila Yang

Berhormat menyentuh ada dua orang Ahli dari pihak MCA yang berucap sebelum ini, itu pun sudah nyata Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya cakap tadi bahawa mereka rasa pedaslah.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, hendak beri jalan kepada Mentakab?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau perangai lebih sedikit, saya tidak akan beri.

Tuan Fu Ah Kiow: Jangan letakkan syarat, beri laluan untuk saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya, hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau macam ini, ini kuasa saya untuk beri jalan. Macam ini duduk dahulu.

Tuan Fu Ah Kiow: Tak berani!

Tuan Lim Guan Eng: Duduk dahulu, duduk dahulu!

Tuan Fu Ah Kiow: Tak berani menghadapi kebenaran. Tak berani!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat. Sabar!

Tuan Lim Guan Eng: Duduk dahulu! Ha, hormat sedikit. Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya berharap dapat kembali kepada tajuk

Tuan Lim Guan Eng: Memang tajuk hampir habis dalam ucapan saya dan apabila saya membuat ucapan, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun, saya buat dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tumpukan kepada isi kandungan rang undang-undang. Tak payahlah Yang Berhormat membuat ulasan terhadap orang lain sama ada dia cakapkah, tidak cakapkah.

Tuan Lim Guan Eng: Itu tanggungjawab saya untuk mengutarakan pandangan yang dibuat oleh badan-badan kaunseling masyarakat Cina dan seperti Tuan Yang di-Pertua pun ada dengar ucapan saya, saya buat dalam nada yang begitu rendah sekali dan Yang Berhormat Menteri pun tahu saya ada memberikan pandangan yang dibuat kerana ini bukan satu perkara yang kecil, ini satu perkara yang penting kerana apa yang diutarakan atau yang dikeluarkan oleh badan-badan kaunseling ini, mereka meminta sokongan dari semua pihak tanpa partisan dan saya difahamkan bahawa apa masalah yang mereka utarakan akan diberikan sokongan oleh semua pihak yang bergiat aktif dalam masyarakat Cina. Tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya dan tadi Yang Berhormat dari Mentakab melenting pula.

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!
Ya, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Tuan Fu Ah Kiow: Beri laluan untuk penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Oh, bila-bila.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat berani menafikan apa yang disebutkan oleh saya dalam perbahasan saya memang merupakan pandangan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina yang memberi khidmat kaunseling, perbezaannya cuma saya tidak sebut nama-nama pertubuhan tersebut sahaja, tetapi isi kandungan telah cukup membayangkan pandangan mereka. Jadi, apa sebab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cuma hendak mengambil kesempatan mencari modal politik sahaja, hendak menghentam MCA untuk meningkatkan imej Yang Berhormat.

Itu sebab saya berpendapat memang merupakan satu perangai yang tidak bagus yang boleh dikatakan amat merendahkan diri, cuma hendak hentam orang lain untuk meningkatkan imej. Jadi, yang bermain politik ialah Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan saya, saya tidak pernah menyebut dan menghentam DAP, saya cuma mengatakan dan memberi pandangan dalam perbahasan saya. Adakah apa yang saya sebutkan itu mengandungi partisan - tidak ada, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang memainkan politik.

Ini adalah satu sikap yang patut diubah, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menginginkan pandangan beliau akan diterima dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya haraplah tukarlah sikap sebegitu supaya jangan mempunyai satu perangai yang amat dikesali.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ucapan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, saya ada dengar, yang saya dengar ialah sokong sana, sokong sini, ini baik, ini alu-alukan itu yang saya dengar.

Tuan Fu Ah Kiow: Peraturan Mesyuarat!

Tuan Lim Guan Eng: Nantilah, nanti.

Tuan Fu Ah Kiow: Peraturan Mesyuarat 36(6). Dia bohong!

Tuan Lim Guan Eng: Hai, ini dia kena tarik balik.

Tuan Fu Ah Kiow: Dia bohong, dia kata saya cuma kata sokong sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Fu Ah Kiow: Itu sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat ya. Yang Berhormat dari Mentakab bangun atas Peraturan Mesyuarat ya.

Tuan Fu Ah Kiow: 36(6) - sangkaan jahat, dia kata saya cuma beri sokongan sahaja, saya tak beri lain-lain

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, baik. Cukup jelas! Cuma saya hendak minta perkataan 'bohong' itu ditarik baliklah. Peraturan Mesyuarat, saya akan layan dan saya akan buat keputusan, tetapi perkataan bohong itu tak kira siapa pun yang menyebut, yang melafazkan perkataan 'bohong' saya rasa patut ditarik balik Yang Berhormat.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tarik balik itu, tetapi dia telah keluarkan sangkaan jahat kata saya cuma sokong sahaja, dia

hendak beri satu gambaran supaya saya cuma buat sokongan kepada rang undang-undang ini tanpa memberi pandangan yang lain dan tanpa menyuarakan pandangan pertubuhan Cina, ini niat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat ya. Baik, Yang Berhormat! Ini bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 36(6) itu, saya rasa Yang Berhormat Kota Melaka, janganlah membuat andaian ataupun kesimpulan berasaskan kepada ucapan Ahli yang lain dan lagi pun Yang Berhormat saya rasa pertengkaran sedemikian tidak ada apa-apa kesudahannya.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ya, saya bersetuju!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa sudah cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, tetapi dia ini cari fasal sahaja. Saya hanya cakap, saya kesal bahawa pandangan ini tidak diutarakan. Itu sahaja satu ayat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, pun ada dengar, saya cakap itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa masing-masing ada pandangannya Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ya betul, masing-masing ada pandangan. Saya cakap ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ambil kesempatan hendak perli orang lain, buat apa?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa itu apabila mereka gagal menjalankan tanggungjawab, itu perlu ditonjolkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu sudah cakap. Balik kepada tajuk!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, dan tadi bila saya hendak habiskan - itu sahaja dan dia sudah melenting seperti yang saya cakap.

Tuan Fu Ah Kiow: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Nantilah, satu ayatlah, nanti saya akan cakap sekejap sahaja.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini bangun atas Peraturan Mesyuaratkah ataupun hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak habis dah, sekejap sahaja. Dua, tiga minit hendak habis

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Sabar sedikitlah, ini kalau sabar sedikit, nanti boleh jadi Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kota Melaka, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Dan di sini saya harap Yang Berhormat Menteri sebelum saya diganggu tadi oleh pihak-pihak yang tidak tahu, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil kira pandangan yang diutarakan oleh badan-badan kaunseling masyarakat Cina seperti yang saya nyatakan tadi kerana ia merupakan pandangan oleh pertubuhan-pertubuhan yang merangkumi badan kaunseling di dalam masyarakat Cina dan adalah diharapkan bahawa pihak kementerian sekurang-kurangnya harus mengadakan rundingan dahulu dengan mereka dan saya tidak faham mengapa prinsip yang begitu asas ini gagal dijalankan oleh pihak kementerian.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan mengapa sebelum rang undang-undang ini dibentangkan, rundingan tersebut tidak dijalankan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Machang

8.40 mlm.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Setelah mendengar ucapan yang begitu berbelit-belit dan pada perkara yang sama ini pada wakil dari DAP tadi, saya hendak terus kepada tajuk.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kaunseling adalah satu bidang ilmu untuk mengubat penyakit manusia dan ilmu yang terbaik untuk mengubat manusia bagi orang yang mempunyai kepercayaan kepada agama sama ada

mana-mana agama sekali pun ialah ajaran agama berkenaan. Bagi kita orang-orang Islam ilmu untuk mengubat penyakit manusia yang terbaik ialah ajaran agama Islam itu sendiri dan dalam sejarah perkembangan Islam, kaunselor yang terbaik ialah Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Tetapi sudah tentu dalam dunia yang begitu berkembang sekarang ini untuk mencari watak kaunselor yang terbaik seperti yang ditunjukkan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad, saya rasa mustahil untuk kita perolehi.

Perkembangan perkhidmatan kaunseling yang berlaku dalam negara kita yang begitu pesat sekarang ini telah menunjukkan adanya bibit-bibit bahawa bidang ini perlu dikawal, contoh-contoh yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah menunjukkan dengan jelas betapa tidak adanya etika dan profesionalisme di kalangan kaunselor-kaunselor yang sedang mengamalkan perkhidmatan nasihat ini di negara kita sekarang.

Dalam aspek ini, saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian yang telah secara berani dan tegas memperkenalkan suatu peraturan undang-undang baru. Sebenarnya ini adalah suatu peraturan yang baru, yang tidak pernah wujud sebelum daripada ini untuk mengawal perkhidmatan kaunseling dan mengawal profesionalisme kaunselor yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini sikap kementerian yang mengambil inisiatif atau daya usaha untuk mengawal perkhidmatan ini patut dipuji kerana kita telah mendengar ada di antara anak-anak yang lebih mendengar nasihat kaunselor dari ibu bapa. Ada isteri yang mendengar nasihat daripada kaunselor lebih daripada suami. Ini telah menunjukkan bahawa

bidang ini jika tidak dikawal, ianya akan menjadi suatu bidang yang boleh, yang tidak mampu untuk menyelesaikan masalah sosial dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin membuat beberapa pertanyaan. Yang pertama sekalinya ialah berhubung dengan kelayakan untuk menjadi seorang kaunselor, seorang perunding nasihat seperti yang telah termaktub di bawah Perkara 24(2) dan kemudian diperjelaskan lagi di bawah Jadual Kedua, bahawa mereka yang layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor ialah mereka yang mempunyai kelulusan seperti yang termaktub di bawah Jadual Kedua yang telah menyebut secara spesifik kelulusan-kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menegaskan bahawa takrif ataupun kelulusan sahaja yang diperlukan untuk menjadi seorang kaunselor ini tidak cukup. Kalau kita memandang aspek kelulusan semata-mata untuk membolehkan seseorang itu menjadi kaunselor, kita menjadi bimbang kerana ada orang yang mempunyai pelajaran tinggi tetapi moralnya rendah. Maksudnya orang yang berkelulusan tinggi sahaja, lulus sarjana sains atau sarjana rundingcara daripada mana-mana universiti, tidaklah secara automatik melayakkan seseorang itu menjadi kounselor kalau taraf moralnya rendah.

Sebab itulah saya rasa walaupun hasrat akta ini baik, tetapi meletakkan kelulusan akademik semata-mata untuk seseorang itu menjadi kaunselor adalah tidak memadai. Pada saya seseorang yang ingin menjadi kaunselor mesti bukan sahaja mempunyai taraf kelulusan akademik yang tinggi, seseuai dengan profesionnya tetapi dia juga mesti mempunyai tahap moral yang tinggi.

Jadi, kena masukkan syarat ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan sebab saya ingat saya dapat minta penjelasan, kalau hendak bercakap pun sudah lewat, Tuan Yang di-Pertua pun tidak beri dah kepada saya, saya hendak minta penjelasan sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kawan saya dari Machang membangkitkan tentang kelulusan, saya hendak minta penjelasan, bagaimana kalau kawan itu dia lulus daripada universiti dengan umurnya saya lihat di sini 21 tahun pun sudah layak menjadi kaunselor, bagaimana pengkhususannya bila dia layak, dia lulus, dia dapat pendaftaran sebagai kaunselor, sebab kita tahu bidang yang dia hendak kaunsel ini banyak, macam saudara Yan kata tadi, ada bidang pendidikan, macam Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, dia ada macam-macam bidang, bidang rumah tangga, bidang buang anak, pengkhususan. Adakah bila seseorang itu dia dapat pendaftaran kaunselor mesti dikhususkan, kaunselor bahagian keluarga, kaunselor bahagian pendidikan, sebab saya tak fikir kata bila seseorang itu lulus dari universiti dia memang pakar serba serbi. Misalnya Ahli Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta penjelasan, bukan saya berucap. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya ingat Yang Berhormat hendak berucap. Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hendak minta penjelasan, sebab itu hendak beri dia tegang betul-betul supaya dia boleh jawab. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, masalah politik tak faham politik. Dia hendak cari kaunselor yang pakar politik, barangkali Yang Berhormat Speaker yang lama jadi Speaker, Tan Sri bukan Yang Berhormat ini, Yang Berhormat sama tua dengan saya jadi wakil rakyat ini. Misalnya Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed Zahir, dia sudah lama jadi politician, orang hormat dia, adakah dia boleh minta sebagai kaunselor politik, boleh nasihat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dari Tanjong, Yang Berhormat yang teruk sekali Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, dia perlu nasihat kaunseling, saya ingat dia memang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, sebab is not easy for a person to be all rounder, dengan izin, saya boleh nasihatkan fasal politik, tetapi saya tak tahu kisah lain, kisah pendidikan okay, tetapi kisah rumah tangga tak tentulah, ini saya ingin penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Itupun satu cadangan yang baik supaya kita menjadikan perkhidmatan kaunseling ini bukan suatu perkhidmatan yang terbuka tetapi perkhidmatan yang khusus kepada bidang-bidang dan kemahiran mereka tertentu. Ini pun juga bila pelaksanaan undang-undang ini boleh dipertimbangkan apabila

pendaftaran dibuat oleh mereka yang memohon untuk menjadi kaunselor di bawah akta yang akan dilaksanakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada tajuk yang sedang saya berucap tadi iaitu bagi memastikan bahawa kaunselor ini adalah mereka yang benar-benar layak, saya memohon kepada pihak kementerian memperluaskan soal kelayakan ini kepada salah satu faktor lain yang perlu diambil kira dalam menimbang permohonan seseorang untuk menjadi kaunselor ialah aspek moral. Dan bagi menentukan aspek moral, orang yang memohon untuk menjadi kaunselor ini, dia mesti ada perujuk watak atau character referee untuk memastikan bahawa beliau adalah orang yang layak selain daripada mempunyai kelulusan akademik yang baik tetapi moralnya juga adalah mampu untuk menjadi kaunselor yang baik. Kerana kita tidak mahu ada kaunselor yang tahap moralnya tidak baik, misalannya bagaimana dia hendak memberi kaunseling tentang masalah pendidikan anak-anak kalau keluarga dia sendiri, anaknya sendiri menjadi penagih dadah misalannya. Bagaimana dia hendak menjadi kaunselor tentang rumah tangga, kalau rumah tangga dia sendiri porak peranda?

Jadi, aspek ini perlu diambil kira iaitu memerlukan bahawa tahap moral itu mestilah seseorang itu mempunyai suatu tahap moral yang tinggi sesuai dengan bidang masing-masing. Dan untuk tujuan ini, cara melaksananya pada pandangan saya bila permohonan itu dibuat, boleh mendapatkan perujuk watak atau character referee misalannya daripada beberapa orang yang boleh memastikan ia adalah orang yang bermoral. Itu perkara yang pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya melihatnya, saya ingin mendapat penjelasan juga dari Yang Berhormat Menteri, tujuan akta ini ialah untuk mengawal perkhidmatan kaunseling secara keseluruhan dan mana-mana orang yang tidak mempunyai sijil daftar sebagai kaunselor selepas daripada ini di bawah seksyen 22 tidak boleh mengamalkan perkhidmatan kaunseling. Tetapi yang menjadi keliru kepada saya ialah makna di bawah seksyen 6, makna di bawah seksyen 2 yang mentakrifkan perkataan kaunselor ertinya seseorang yang mengadakan perkhidmatan pengkaunselan bagi suatu fee yang ditetapkan atau apa-apa balasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya undang-undang ini pada fahaman saya hanya akan mengawal kaunselor yang menjalankan perkhidmatan kaunseling dengan mengenakan bayaran. Bagi kaunselor yang menjalankan perkhidmatan kaunseling tetapi tidak mengenakan bayaran iaitu secara percuma, pada pandangan saya tidak tertakluk kepada akta ini, berlainan dengan fahaman yang difaham oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Jadi, persoalannya ialah bagaimana mereka yang menjalankan perkhidmatan kaunseling tetapi tidak mengenakan bayaran. Adakah mereka ini dihalang daripada menjalankan perkhidmatan kaunseling selepas daripada ini. Cuba kita lihat jelas di bawah seksyen 22(2):

“Tiada seseorang pun boleh -

- (a) *mengamal atau menjalankan atau mengendalikan atau mengemukakan dirinya sebagai mengamalkan atau menjalankan atau mengendalikan, amalan sebagai kaunselor atau bekerja sebagai kaunselor;*
- (b) *menggunakan gelaran “kaunselor berdaftar” atau apa-apa gelaran dalam apa-apa bahasa yang mungkin semunasabahnya ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa dia seorang kaunselor berdaftar; atau...*

melainkan jika ia didaftarkan di bawah Akta ini.”

Kemudian makna kaunselor di bawah seksyen 2 disebut:

“Kaunselor” ertinya seseorang yang mengadakan perkhidmatan pengkaunselan bagi sesuatu fee yang ditetapkan atau apa-apa balasan lain.”

Dengan kata lain mereka ataupun kaunselor yang menjalankan perkhidmatan kaunseling yang hanya mengenakan bayaran baru tertakluk kepada akta ini, tetapi bagi mereka yang menjalankan perkhidmatan kaunseling, tetapi tidak mengenakan bayaran secara percuma, adakah juga tertakluk di bawah akta ini. Pada pandangan saya, mereka ini tidak tertakluk di bawah akta ini, bermakna mereka ini bebas boleh menjalankan perkhidmatan kaunseling.

Kalau mereka ini bebas menjalankan perkhidmatan kaunseling, maka tujuan akta ini untuk mengawal perkhidmatan kaunseling sudah agak lain,

tentulah mereka ini tidak boleh dikawal lagi kerana kita tahu selain daripada mereka yang secara profesional membuat perkhidmatan kaunseling terdapat badan-badan lain di kampung-kampung, imam sendiri menjadi seorang kaunselor, ketua kampung menjadi kaunselor, banyak mereka yang sekarang ini secara sukarela sedang menjalankan perkhidmatan kaunseling.

Jadi, kalau mereka ini juga yang secara sukarela ini hendak didaftarkan di bawah akta ini, saya rasa ini akan mengawal ataupun mempersempitkan bidang perkhidmatan kaunseling dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kedudukan mereka yang menjalankan perkhidmatan kaunseling secara percuma, inilah barangkali yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara tadi. Adakah mereka ini dikawal tertakluk kepada akta ini ataupun mereka ini akan tertakluk kepada peraturan-peraturan lain yang akan digubal di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, ialah mengenai bayaran yang akan dikenakan. Di bawah akta ini perkhidmatan kaunseling seperti selepas ini akan diberikan suatu authority / mandat untuk mengenakan bayaran. Walaupun sebelum daripada ini ada badan-badan yang menjalankan perkhidmatan kaunseling mengenakan bayaran tetapi bayaran yang dikenakan itu tidak ada suatu mandat di bawah peruntukan undang-undang. Sekarang peruntukan undang-undang ini memberikan kuasa kepada mana-mana orang yang

menjalankan perkhidmatan kaunseling ini untuk mengenakan jumlah yuran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak cadangkan ialah supaya peraturan yang akan dibuat oleh menteri selepas ini mengenai fee yang akan dikenakan oleh badan-badan kaunseling ini adalah merupakan suatu fee yang standard, kita tidak mahu nanti ada suatu perkhidmatan kaunseling atau badan kaunseling mengenakan bayarannya misalannya untuk satu jam perkhidmatan nasihat sebanyak RM1,000, yang ini RM500, yang ini RM300. Jadi, ini akan menjadikan bayaran untuk perkhidmatan ini tidak sekata.

Saya cadangkan supaya suatu peraturan yang sama misalannya di bawah Legal Profession Act ada bayaran perkhidmatan guaman yang standard untuk dipakai kepada semua perkhidmatan guaram. Jadi, saya cadangkan di bawah akta ini apabila Yang Berhormat Menteri akan mengenakan peraturan mengenai fee nanti supaya mengenakan fee yang standard. Standard untuk barangkali boleh diasingkan mengikut bidang-bidang tertentu misalnya kaunseling dari segi rumah tangga berapa bayarannya, kaunseling dari segi pendidikan, kaunseling daripada penyakit masyarakat seperti dadah misalnya berapa. Jadi, semua ini boleh dilakukan secara standard dan cara bayaran dikenakan pula mestilah berdasarkan kepada pengalaman. Pengalaman seseorang kaunselor itu dalam menjalankan tugas-tugasnya. Seorang kaunselor yang baru berpengalaman satu tahun tentulah bayarannya akan berbeza dengan kaunselor yang mempunyai pengalaman selama tiga tahun.

Jadi, garis-garis panduan ini saya cadangkan supaya ianya ditetapkan secara jelas dan nyata di bawah peraturan yang akan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dan yang terakhir yang saya ingin bangkitkan ialah apabila saya perhatikan, akta ini tidak ada kuasa mendakwa, ada kesalahan-kesalahan yang telah disebutkan di bawah akta ini dengan jelas iaitu Bahagian VII kesalahan dan penalti ada disebut di situ dengan jelas. Tetapi malangnya kuasa mendakwa tidak ada. Jadi, persoalan yang akan berbangkit nanti siapa yang akan menjalankan pendakwaan dalam kes ini, adakah pihak polis ataupun pihak kementerian akan mewujudkan satu badan tersendiri untuk menjalankan pendakwaan.

Kalau pihak kementerian akan menjalankan pendakwaan sejauh mana persiapan pihak kementerian dengan pegawai-pegawai yang terlatih untuk menjalan dan melaksanakan undang-undang ini. Undang-undang sahaja yang ada tidak cukup, jika pelaksanaannya nanti tidak mendapat ataupun tidak berkesan. Jadi, kalaulah pihak kementerian berhajat ataupun pihak lembaga sendiri akan menjalankan pendakwaan, saya tidak nampak di bawah kuasa-kuasa lembaga ataupun kuasa-kuasa lembaga kaunselor diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan.

Jadi, persoalannya misalan di bawah Seksyen 11 lembaga disebut dengan nyata, Seksyen 12, kemudian Seksyen 13 - keanggotaan dan sebagainya tetapi malangnya lembaga ini tidak diberi kuasa untuk mendakwa. Jadi, seperti yang saya bangkitkan tadi, siapa yang akan menjalankan pendakwaan, adakah

akan diserahkan kepada pihak polis atau lembaga sendiri atau kalau lembaga, apakah pihak kementerian akan menjalankan tugas ini dan kalau pihak kementerian sejauh mana persiapan yang telah dibuat oleh kementerian untuk menjalankan pendakwaan dalam melaksanakan ataupun memberi kesan kepada akta yang akan diluluskan.

Selain dari itu, yang lainnya, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan di awal-awal tadi bahawa saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana berani memperkenalkan suatu peraturan baru, peraturan yang agak asing, satu peraturan yang pertama kali diperkenalkan di dalam negara ini untuk mengawalselia perkhidmatan kaunseling yang saya percaya jika tidak dikawal ianya akan menjadi satu suasana yang kurang menyenangkan, nampaknya sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri tadi bahawa sudah terdapat tanda-tanda bahawa perkhidmatan kaunseling ini telah berlaku penyalahgunaan dan sebagainya.

Jadi, dalam aspek ini tidak ada orang perlu bimbang, tidak ada masyarakat Cina perlu bimbang seperti yang dibangkitkan oleh Kota Melaka tadi. Saya rasa dalam negara ini tidak ada suatu prinsip bahawa sesuatu undang-undang yang akan dibentangkan itu prinsip 'referency' atau prinsip rujukan kepada mana-mana perkara. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan rasa bimbang masyarakat Cina.

Saya rasa bukan soal masyarakat Cina sahaja, jangan kita melihat akta ini dari segi kepentingan kaunseling masyarakat Cina sahaja, masyarakat Melayu, masyarakat India juga memerlukan perkhidmatan kaunseling ini. Jadi,

jangan kita membangkitkan kepentingan yang sempit untuk satu kaum sahaja, kita dalam negara ini masyarakat majmuk dan apa undang-undang yang dibuat bukan bertujuan untuk menekan masyarakat Cina, bukan bertujuan untuk menekan mana-mana masyarakat, tetapi pemakaiannya seperti yang termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, all person are equal before the law, semua orang adalah sama di sisi undang-undang.

Saya tidak nampak bagaimana perkhidmatan kaunseling di kalangan masyarakat Cina akan terjejas selepas daripada ini. Semuanya ini adalah dibuat dengan tujuan untuk memperbaiki perkhidmatan kaunseling supaya ianya berjalan dengan baik dan lancar. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, nampaknya kita tidak banyak masa Yang Berhormat. Kita ada empat Bil untuk esok hari, kalau Ahli Yang Berhormat dapat pendekkan boleh?

Tuan M. Kulasegaran: Lima minit!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sepuluh minit boleh?

Tuan M. Kulasegaran: Lima minit pun cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Okay, ya, sila. Selepas ini Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

8.59 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya peluang berucap membahaskan rang undang-undang ini. Sebelum saya mulakan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sedia datang ke Parlimen untuk membentangkan rang undang-undang ini, menunjukkan beliau serius dalam kewajipannya kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai seksyen 23(1) iaitu di mana dengan izin, saya baca, “Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai kaunselor melainkan jika dia memegang satu perakuan amalan yang sah, yang dikeluarkan di bawah Akta ini.”

Ini menunjukkan bahawa jika seorang telah mendapat pengakuan beliau boleh menjalankan kegiatannya di mana-mana tempat di negara ini. Yang menjadi masalah adalah macam mana kita dapat memastikan yang kaunselor-kaunselor ini yang lebih diperlukan di tempat-tempat luar bandar, di pekan-pekan yang di mana orang-orang profesional tidak ingin menjalankan amalan ini, boleh dipastikan mereka akan berada di sana dan memberi khidmat kepada orang-orang yang betul-betul memerlukannya.

Bil yang sedia ada, yang dibentangkan hari ini menunjukkan tidak ada apa-apa dapat memaksakan mereka berkhidmat di tempat-tempat yang tertentu dan yang sedia kita tahu adalah amalan profesional macam peguam, doktor-doktor dan arkitek-arkitek mereka lebih suka berada di pekan-pekan atau di bandar-bandar atau di Kuala Lumpur.

Jadi, macam mana kita dapat pastikan mereka akan berkhidmat sebagai social obligation supaya mereka dapat memberi perkhidmatan ini kepada orang-

orang yang berpendapatan kurang, lebih-lebih lagi macam di tempat di Cameron Highlands, mungkin Yang Berhormat Menteri tahu bahawa adalah satu tempat di mana dengan izin, highest suicidal rate in this country di negara ini, suicidal rate yang tertinggi adalah di Cameron Highlands. Saya dapat tahu bahawa walaupun ini terjadi tidak kurang dari lima belas tahun berturut-turut, ratusan orang telah meninggal dunia akibat sesuatu perkara yang unik di Cameron Highlands. Tetapi nampaknya tidak ada apa tindakan yang telah diambil malah pada pengetahuan saya tidak ada kaunselor yang tertentu yang ada di Cameron Highlands.

Jadi, dalam perkara macam ini, selepas akta ini telah diluluskan dapat memastikan bahawa kaunselor dapat berkhidmat di tempat-tempat seperti ini yang diperlukan kerana kalau kita baca akta ini dengan teliti menunjukkan satu tujuan bahawa profesionalisme akan terjadi selepas akta ini akan diwujudkan. Masalahnya adalah ia lebih mementingkan seorang dipanggil sebagai profesional dari khidmat kaunselor ini kepada orang ramai.

Jadi, macam mana kita dapat pastikan servis ini akan lebih didivertkan kepada tempat-tempat ini. Macam di Teluk Intan di kawasan saya sendiri, pada pengetahuan saya tidak ada apa-apa profesional kaunseling tetapi ada kuil-kuil di mana bila saya baca akta nampaknya tidak terkena terikat iaitu di Fasal 1 ruangan 2(b) yang mengatakan mana-mana syarikat pertubuhan atau pihak berkuasa mengatakan bahawa akta ini tidak terpakai tetapi kepada kuil-kuil ini yang tidak diregisterkan, yang tidak ditubuhkan dari segi undang-undang society side yang menjalankan aktiviti yang saya tahu adalah lebih kurang

kaunseling iaitu untuk menolong penagih-penagih dadah balik kepada perkara yang biasa, yang mereka telah menyeleweng dan menjadi penagih dadah.

Di Teluk Intan di satu kawasan saya ada dua kuil di mana beberapa orang telah diubati, telah diberi kaunseling dan ramai orang telah menjadi orang biasa dan tidak terikat atau terkena sebagai penagih dadah. Jadi, dalam keadaan ini macam mana, adakah akta ini akan mengikat kegiatan kuil-kuil ini dan jika terikat apakah akan terjadi kepada kuil-kuil ini yang membuat kerja sosial.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh seperti sahabat saya dari Machang iaitu Fasal 12(h) yang mengawalselia fee yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan pengkaunselan. Yang menjadi masalah di sini adalah walaupun rang undang-undang ini dibentangkan hari ini akan tetapi tidak ada jadual di Bil ini hari ini, sepatutnya pada pengetahuan saya jadual ini patut berada di sini supaya dapat dibahaskan, supaya pandangan Ahli di Dewan ini dapat diambil kira oleh kementerian, walaupun saya sedia tahu bahawa Fasal 49 memberi peruntukan kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat peruntukan, apakah jadual fee ini. Tetapi yang menjadi masalah adalah seperti di profesion yang lain, macam mana kita dapat tentukan bahawa sesuatu kerja yang dibuat oleh seorang profesional itulah jadualnya, itulah harganya, macam mana kita dapat tentukan dan macam mana kita dapat pastikan bahawa itulah yang patut dibayar atau patut dikutip oleh para profesional.

Jikalau mereka mengutip lebih dari itu, adakah mereka berhak, macam mana kita dapat menganalisa atau memberi satu panduan dalam perkara ini. Ini

mustahak kerana pengguna-pengguna atau pihak-pihak yang kena-mengena yang perlu kaunseling perlu tahu supaya mereka tidak tertipu, dengan izin, atau dengan charge yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyatakan sesi kaunseling dan bantuan yang ditujukan dalam rang undang-undang ini adalah baik tetapi macam mana kita dapat pastikan sesiapa yang akan berjumpa kaunselor adakah masa yang ditetapkan selain dari fee, adakah masa atau macam mana kita dapat pastikan yang telah mendapat amalan atau yang telah mendapat certificate akan menjalankan amalan dengan sesuai, siapakah yang dapat memastikan perkara ini. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

9.07 mlm.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sokongan dan kata-kata sanjungan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Akta Kaunselor 1997 ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, Tawau, Yan, Balik Pulau, Klang, Machang, Bintulu, Kota Melaka, Kubang Kerian dan Teluk Intan.

Rata-rata menyatakan bahawa sememangnya akta ini sangat timely, dengan izin, dan memang diperlukan memandangkan masalah sosial dan kerumitan kehidupan dalam masyarakat kita di mana pelbagai jenis masalah

berhadapan dengan ahli-ahli masyarakat dan pada umumnya sememangnya tidak seorang boleh menjalankan kaunseling untuk segala-galanya, memang pada mereka mestilah membuat pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu sama ada keluarga, kanak-kanak, remaja, orang-orang dewasa pun bermasalah juga. Jadi, terpaksa mereka menentukan bidang mana yang mereka hendak ceburi dan memberikan khidmat.

Semuanya nampaknya begitu runsing mengenai kelulusan. Kita dalam Jadual Kedua memang iaitu Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, Kota Melaka dan yang lain-lain memang menyebut mengenai kelulusan, kelayakan dalam Jadual Kedua memang kita telah menyebutkan iaitu menyenaraikan kelulusan-kelulusan graduan universiti tempatan kerana ini yang kita sah tahu disiplin ini apakah bentuknya dan bagaimana tahap serta kelayakannya maka kita jadualkan. Dan walaupun ada di antaranya yang dikatakan tadi berbeza-beza, namun kandungannya walaupun kata sarjana sastera tetapi ianya ada content, dengan izin, bimbingan kaunseling. Ini yang kita tentukan iaitu walau apapun ijazahnya, contentnya itu memang tetap ada mengenai bimbingan dan kaunseling.

Saya memang nampak bahawa kelulusan yang bab satu lagi itu yang tidak ditentukan, yang dikatakan yang bersamaan taraf dengan kelayakan-kelayakan yang telah kita tetapkan, kenapa kita perlu bimbang. Dalam jawatan-jawatan kerajaan pun kita ada syarat yang seperti itu, kita kata ijazah itu, ijazah ini dan sebagainya dan/atau yang setaraf dengannya. Ini adalah untuk

memberikan kemudahan peluang dan ruang kepada mereka yang tidak mempunyai ijazah universiti tempatan.

Memang ini amalan kerajaan dari dulu-dulu lagi untuk pekerjaan dalam kerajaan. Itu sebabnya kita letakkan sedemikian dan oleh kerana setakat ini memang belum ada lagi kaunselor yang didaftarkan secara sah. Hanya selepas akta ini diluluskan barulah kita akan dapat senarai kaunselor-kaunselor yang berdaftar. Mereka yang mempunyai kelayakan seperti yang disebutkan dan yang lain pun yang tidak disebutkan dalam Jadual 2 boleh memohon, lembaga akan mengkaji dan meneliti dan sekiranya didapati bahawa kelayakan itu setaraf atau bersamaan dengan kelayakan yang kita tetapkan maka orang itu bolehlah didaftarkan.

Jadi, kita jangan perlu bimbang, itu sebab kita beri satu bab lagi satu itu tadi untuk membolehkan dan dari segi pengalaman, ini saya cakap menyeluruhlah ya, semua sekali sebab semua Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh tentang perkara itu. Mengenai pengalaman memang kalau kita ambil kira bahawa yang berkelulusan ijazah, diploma dan sebagainya memang tak cukup, lebih kurang 1,000 orang sahaja ada agaknya yang berkelulusan sedemikian. Tetapi kita perlu juga sedar bahawa dalam profesion lain seperti perubatan, kesihatan, perguruan, agama bahkan dalam pertubuhan sukarela seperti Pemadam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, semuanya mereka ini juga mempunyai kaunselor-kaunselor sebab kaunselor ini khidmat mereka memang diperlukan dan di sekolah memang tak cukup, kita memerlukan 2,000 lebih tetapi ada

1,000 lebih sahaja, insya-Allah rasa saya dari masa ke semasa apabila ada guru-guru yang berminat yang dihantar belajar dalam bidang kaunseling, mereka akan menjadi guru kaunseling dan bagi yang sukarela memang setakat ini ramai di antara ahli-ahli petubuhan-petubuhan NGO sukarela yang memberikan khidmat tetapi mereka tidak boleh dipanggil kaunselor, sebab kelulusan dan kelayakan mereka tak mencukupi. Mereka adalah para kaunselor dan mereka membantu tetapi mereka tidak dapat menyelesaikan keseluruhannya sebab takrif kaunselor itu seperti yang telah saya sebutkan tadi adalah satu cara sistematik untuk membantu manusia melalui perhubungan, menolong berdasarkan prinsip-prinsip psikologi. Proses menolong ini dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika amalan kaunseling ke arah mencapai satu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien.

Kalau dia hendakkan kaunseling pun, dia dengan sukarelalah, kita tidak boleh hendak paksa dia, supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian tersebut akan berterusan bagi sepanjang hayat klien tersebut.

Tadi ada juga Yang Berhormat dari Yan ada menyebut mengenai guru agama, bomoh, semuanya ada juga memberi kaunseling. Mereka yang dalam pekerjaan mereka juga memberikan kaunseling ini tidak menjadi hal, dia sudah ada profesion, tetapi dia tidak panggillah diri dia kaunselor, ada dalam kerja-kerja dia itu memberikan kaunseling. Jadi, ini satu perkara yang perlu kita sedari. Saya bersetuju dan saya rasa Lembaga yang kita lantik ini nanti boleh menganjurkan kursus-kursus untuk mempertingkatkan kemahiran dan

kelayakan para kaunselor kita supaya mereka juga akan dapat menjadi kaunselor dan dapat membantu masyarakat di seluruh negara kita.

Kaunseling ini tidak ada berunsur perkauman atau berunsur diskriminasi. Undang-undang ini meliputi kesemuanya sekali. Tidak ada kita kata kaum itu, kaum ini, bahasa itu, bahasa ini, kenapa kita hendak risau pasal bahasa? Kalaulah orang yang hendak kita kaunsel itu tidak tahu bahasa kebangsaan, kita bercakap juga bahasa kebangsaan, apa manfaat dan faedahnya kepada dia, dia tidak faham. Kalaulah misalnya orang yang hendak mengkaunselkan itu hanya tahu bahasa Inggeris, tiba-tiba yang hendak dikaunselkan itu hanya tahu bahasa kebangsaan atau bahasa Cina, pun tidak berfaedah juga. Jadi munasabahlah, takkanlah kita sampai macam itu sekali pula punya teruknya sampaikan kita hendak sekat pula, mesti bahasa kebangsaan sahaja, bahasa Cina sahaja, bahasa India sahaja, tak ada macam itu. Guru-guru agama kita pun bukan tahu bahasa Inggeris, takkan dia hendak kaunsel orang dalam bahasa Inggeris. Kalau dia tahu bahasa Arab, orang yang hendak mendengar kaunseling itu pun tahu bahasa Arab, pakailah bahasa Arab, tak apa. Jangan kita bangkitkan isu-isu yang remeh-temeh seperti ini, sebab kita hendak membantu, hendak menolong orang yang perlukan pertolongan dan bantuan. Jadi, bahasa tidak menjadi persoalan, tidak menjadi masalah.

Sebenarnya Yang Berhormat dari Mentakab tadi memang menyentuh mengenai fasal 24, mengenai guru-guru, perbincangan antara kaunselor dan klien, bahasa Jadual Kedua, graduan yang dari luar dan sebagainya, lebih kurang sama jugalah dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka, cuma Yang

Berhormat tidak kata mewakili perbadanan kaunseling masyarakat Cina sahaja. Saya tahu Yang Berhormat dari Kota Melaka memang dapat satu kertas khas daripada perbadanan kaunseling masyarakat Cina sebab saya pun dapat satu copy. *[Ketawa]* Jadi, saya sudah tahu apa benda-benda yang dia hendak cakap itu memang saya sudah tahu dahulu. Jadi dari segi kelayakan, dari segi bahasa, janganlah dijadikan masalah, ianya bukan masalah.

Yang Berhormat dari Mentakab juga sebut mengenai graduan Taiwan dan China. Kalau mereka ada kelayakan dan kelulusan dalam bidang kaunseling datanglah berdaftar, kita boleh menimbang dan menengok kelayakan itu dan kalau ianya bertepatan atau bersamaan taraf dengan yang ada di dalam jadual kita, kita boleh daftarkan mereka, tidak menjadi masalah, jangan mereka risau pula. Memang bilangan tidak cukup, saya kata tadi, sesiapa sahaja. Itu sebabnya dalam akta ini juga kita sebut warganegara Malaysia atau pemastautin. Kalau dia bukan warganegara Malaysia tetapi dia pemastautin dalam negara Malaysia dan dia mempunyai kelayakan dan kelulusan, kita boleh daftarkan dia, tak susah.

Mengenai pertubuhan yang mengatakan dirinya sebagai perbadanan kaunseling. Syaratnya ialah kalau kita hendak menganggap diri kita kaunselor, kita mesti mempunyai kelayakan dan layak didaftar dan berdaftar. Begitu juga kalau satu-satu perbadanan yang hendak mentakrifkan dirinya sebagai perbadanan kaunseling, maka dia mestilah memenuhi syarat-syarat segala yang diperlukan untuk didaftarkan sebagai satu badan kaunseling. Kalau timbul pula masalah kata ada orang dermawan yang hendak menjadi presidenkah,

pengerusikah pada badan itu dan dia bukan kaunselor, badan itu boleh menjadi badan sukarela biasa tetapi dia boleh menganjurkan khidmat kaunseling di bawah aktiviti-aktivitinya dan khidmat kaunseling ini mestilah diberikan oleh kaunselor-kaunselor yang berdaftar. Juga ada jalan keluar, tidak bererti bahawa kita tidak boleh langsung buat sesuatu. Sebenarnya kadang-kadang you cannot have your cake and eat it. Kita tidak boleh dapat segala-gala manfaat. Hendak ini mesti begini, hendak itu mesti begitu, tetapi ada jalan keluar.

Ramai tadi yang menyebut mengenai fee. Sebenarnya memang fee itu kita belum tetapkan, ianya dalam proses. Lembaga sekarang ini membuat aturan dan peraturan menyediakan kod etika dan akan menyediakan juga jadual fee yang patut, munasabah dikenakan. Saya inginlah menyatakan bahawa badan-badan pertubuhan.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf kerana tadi saya tidak sempat masuk semasa Yang Berhormat berucap. Tetapi saya difahamkan bahawa untuk universiti-universiti luar negeri, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa beliau bersedia untuk menimbang mana-mana permohonan daripada universiti-universiti luar negeri. Bolehkah untuk menyenangkan prosedur ini, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa kita adakan satu jadual tentang universiti-universiti yang boleh diterima, baik daripada

Taiwan, Hong Kong ataupun daripada India untuk menyenangkan mereka yang terlibat.

Kedua, tentang pendaftaran. Adakah Yang Berhormat akan memberikan pendaftaran secara automatik kepada badan-badan yang telah aktif untuk tempoh masa yang panjang yang tidak menerima sebarang aduan terhadap mereka?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Mengenai jadual universiti itu, sebenarnya masa kita menggubal rang undang-undang, kita juga menulis kepada universiti-universiti luar negara meminta maklumat-maklumat dari mereka mengenai kursus-kursus disiplin kaunseling yang ada di universiti-universiti mereka, tetapi kita tidak dapat respons yang keseluruhannya, hanya beberapa sahaja, jadi tidak memuaskan kita, itu sebab kita taruh clause yang satu lagi itu, iaitu mana-mana apa juga kelayakan yang sama taraf, yang bersamaan, untuk memberikan ruang - tadi Yang Berhormat tak ada di sini, di luar - untuk memberikan ruang. Jadi sekarang ini kalau mereka yang mempunyai kelayakan sedemikian, dari universiti luar negeri yang memang mengamalkan amalan-amalan sebagai kaunselor, mereka boleh datang berdaftar dan kita boleh dapat maklumat-maklumat daripada mereka dan dapat menyenaraikan mana-mana universiti. Di samping itu, kita juga akan menghubungi pihak-pihak universiti itu lagi. Dia rasa agaknya tidak begitu hendak respons kepada pertanyaan kita, jadi hanya beberapa sahaja yang menyampaikan, kita tidak bolehlah hendak buat jadual, tidak lengkap, tidak cukup. Kita ada banyak negara, anak-anak kita ini satu dunia dia pergi belajar.

Saya sudah cakap tadi, keperluan kaunseling memang begitu mendesak, begitu mendadak, jadi kita perlu membuat persediaan-persediaan.

Satu perkara lagi Yang Berhormat tanya tadi iaitu badan-badan. Saya kata, badan-badan ini kalaulah mereka ini hendak meletakkan orang-orang, saya tengok dalam masyarakat Cina, orang dermawan sebagai presiden dia kerana hendak mendapatkan sokongan-sokongan kewangan. Kalau dia hendak buat begitu, dia tidak payah mendaftarkan badan itu sebagai badan kaunseling. Dia boleh mengadakan bahagian kaunseling atau unit kaunseling yang diuruskan oleh kaunselor-kaunselor yang berdaftar, badan itu tidak payahlah, jadi ada jalan lain. Dia boleh mengadakan bahagian yang memberikan khidmat ini tetapi orang-orangnya yang menjalankan tugas itu berdaftar sebagai kaunselor. Itu satu jalan keluar. Kita tidak boleh hendak dapat kedua-dua sekali pula, sebab sudah disyaratkan kalau hendak dianggap badan kaunseling, keseluruhannya mesti kaunselor berdaftar, kalau tidak, dia boleh beri khidmat. Banyak badan sukarela itu yang memberikan khidmat kaunseling, dia boleh buat begitu, dia boleh mendapatkan khidmat daripada kaunselor yang berdaftar. Banyak betul point yang dibangkitkan, saya sedang tercari-cari lagi. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi menyatakan mengenai istilah. Sebenarnya memanglah istilah kaunseling itu sebelum ini agaknya tidak ada dalam masyarakat kita, tidak ada dalam kamus kita, tetapi sebagai kemajuan bahasa, banyaklah perkataan bahasa asing kita gunakan dan 'kaunseling' serta 'kaunselor' ini adalah satu di antaranya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa pada masa dahulu masyarakat Melayu adalah institusi yang kuat, keluarga yang luas, yang boleh menyelesaikan masalah, boleh menasihati ahli-ahli keluarganya dan mantap, jadi tidak memerlukan kaunseling pada ketika itu tetapi sekarang ini keadaan sudah berubah, 60% daripada keluarga di negara kita ini adalah keluarga nuklear, tidak lagi keluarga luas. Oleh kerana itulah mereka berhadapan dengan pelbagai masalah kerana tidak ada siapa hendak jadi buffer zone kepada mereka, tempat hendak merujuk, tempat hendak minta pandangan dan nasihat. Kalau ada ibu bapa bersama kita, misalnya dia tengok masam-masam muka antara suami dan isteri itu dia tanya, ini apa kena pula ni, apa hal ni? Sekurang-kurangnya ada orang yang menegur. Begitu juga bagi kanak-kanak. Jadi, oleh kerana keadaan sekarang ini sudah banyak berubah dalam cara gaya hidup keluarga dalam masyarakat kita, maka kita memang perlukan kaunseling ini.

Memanglah dengan mengadakan akta ini, mengadakan kawal selia, kita mengiktiraf profesionalisme seseorang kaunselor dan juga hasrat kita yang utama ialah untuk melindungi klien-klien, ahli-ahli masyarakat yang memerlukan khidmat kaunseling kerana mereka yang berjumpa dengan kaunselor-kaunselor minta khidmat kaunseling ini biasanya adalah orang-orang yang bermasalah dan kadang-kadang very helpless, dengan izin. Kita takut dan khuatir bahawa ada pula kaunselor-kaunselor yang mengambil kesempatan dengan salah lakunya dengan melakukan sesuatu.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya hampir tiga tahun duduk di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya telah menemui pelbagai kes yang memang boleh merunsingkan, membimbangkan dan menakutkan kita kejadian-kejadian ini. Oleh kerana itulah kita merasakan menjadi tanggungjawab kita untuk menentukan satu khidmat yang baru dalam masyarakat yang diperlukan ini perlu kita kawal selia.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tentang masalah yang beliau hadapi, adakah beliau bersetuju kalau kita menubuhkan satu pusat kaunseling yang dikelolakan oleh pihak kementerian kepada badan-badan yang akan menemui masalah-masalah secara langsung. Contohnya pihak polis, biasanya ada ramai yang buat aduan kepada pihak polis tetapi saya rasa dengan serba kekurangan sumber kaunseling yang ada sekarang. Kalau kita menambahkan satu unit di pihak polis, saya rasa ia dapat memberikan bantuan secara langsung kepada mereka yang perlukannya kerana biasanya pihak polislah yang menerima kes-kes seperti ini dahulu.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat, kadangkala pihak polis mungkin oleh kerana mereka terlalu terdesak dengan kerja-kerja lain, mereka tidak berapa berminat tentang kes-kes ini dan Yang Berhormat Menteri pun ada membuat aduan tentang sikap polis yang tidak berapa mengambil minat tentang masalah kes keganasan rumah tangga dan sebagainya dan ini memang satu penyakit masyarakat yang mesti diatasi kalau kita hendak menyelesaikan masalah mereka yang perlukan bantuan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rasa saya kita tidak hendaklah tambah beban polis. Kalau kita tambah kaunseling untuk polis pula menjalankannya, rasa saya bertambah beban mereka. Sebenarnya Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mempunyai khidmat kaunseling. Jadi kalau kes-kes keganasan rumah tangga dan apa juga kes yang dilaporkan kepada pihak polis, pihak polis hanya perlu mengambil laporan itu dan kemudian pegawai kebajikan masyarakat akan ambil alih kes itu. Tetapi selagi tidak ada laporan polis, pegawai kebajikan masyarakat tidak boleh melibatkan diri atau mengambil alih, tidak ada sebab dia hendak melibatkan diri dalam kes tersebut. Jadi khidmat kaunseling memang ada kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, rasa saya tidak perlulah khidmat kaunseling itu.

Pusat-pusat kaunseling memang ada di beberapa tempat yang dianjurkan oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Perbadanan Kaunseling Masyarakat Cina di mana Yang Berhormat sendiri bawa dan keadaan mereka sekarang memanglah tidak ada yang berdaftar kerana belum ada keperluan untuk mendaftar. Saya yakin memang ada di kalangan mereka ada yang berkeelayakan, yang boleh didaftarkan dan mungkin ada juga yang berkhidmat yang memang adalah kaunselor-kaunselor yang berkeelayakan terutamanya mereka dari profesion perubatan misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sampai pukul berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pukul 10.00 malam.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan infrastruktur lemah. Saya tidak nampak apa infrastruktur yang lemah sebab dari segi kawalannya kalau kita lihat, kita ada Lembaga yang menguruskan dan Lembaga melantik Pendaftar yang akan mendaftarkan kaunselor-kaunselor ini. Dari segi penalti juga, dikatakan tadi tidak ada pendakwaan. Fasal 47 ada pendakwaan di mana bukan Lembaga Kaunselor yang membuat pendakwaan tetapi kita tujukan kepada Pendakwa Raya.

Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi ada menyebut mengenai certification. Itulah yang saya katakan tadi, Lembaga boleh mengadakan kursus-kursus peningkatan pengetahuan dan kelayakan para kaunselor sehingga mereka boleh menjadi kaunselor. Biasanya pun apabila kita menganjurkan kursus-kursus para kaunselor, memang ada kita beri sijil tetapi itu tidak melayakkan mereka. Satu, dua kursus para kaunselor tidak melayakkan mereka untuk berdaftar sebagai kaunselor. Mereka mestilah mempunyai lebih kelulusan dan kelayakan serta pengalaman. Saya bersetuju memang pengalaman menjadi satu asas dan moral yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Machang juga salah satu faktor yang menyebabkan kita mengadakan akta ini dan menyediakan kod etika supaya tidak ada mereka yang tidak bermoral mengambil kesempatan pada klien-klien yang sangat memerlukan.

Yang Berhormat dari Bintulu mengatakan akta ini baik dan pengertian kaunselor adalah mereka yang memberi perkhidmatan perkaunselan dengan satu fee.

Yang Berhormat dari Machang tadi juga menyentuh mengenai orang yang tidak ada ambil fee. Kalau saya tidak silap, di situ ada disebutnya, 'kalau fee atau apa-apa balasan'. Dalam bahasa Inggerisnya, 'for any consideration'. Berertinya, sesiapa sahajalah sama ada ambil fee atau tidak ambil fee atau membuatnya bagi pihak satu organisasi dia, maka mestilah ianya berdaftar.

Mengenai syarikat yang menjalankan motivasi, kalau dia syarikat yang menjalankan motivasi, kursus-kursus, apa pasal dia hendak panggil diri dia kaunselor? Kalau dia hendak jadi kaunselor juga dia kenalah mempunyai kelayakan dan mendaftar, barulah kita boleh iktiraf dia sebagai kaunselor. Kalau tidak, kita tidak boleh mengiktirafnya sebagai kaunselor, sesiapa sahajalah.

Sebenarnya Yang Berhormat dari Kubang Kerian kata tadi apabila anak-anak ini dimotivasikan, kemudian dia sudah jadi tidak berapa elok, ada kesalahan dan kesilapan agaknya dari segi memotivasikan dan bapa pula kena kaunselkan. Saya berpendapat ibu bapa lebih baik belajar sekurang-kurangnya menjadi para kaunselor supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah dalam rumah tangga dia, anak-anak dia, supaya tidak melarat keadaan itu. Kadang-kadang dia tengok, dia biar, dia biar, dia biar, lama-lama melaratlah, suruh orang kaunselkan tak jadi juga. Jadi, sebaik-baiknya kalau ibu bapa sendiri sekurang-kurangnya menjadi para kaunselor adalah sangat baik pada pendapat saya.

Yang Berhormat dari Kelang mengatakan klien mudah dieksploitasi, inilah juga sebabnya kita mengadakan akta ini dan kelayakan. Disebut juga

Jadual Kedua, telah saya jelaskan tadi. Hukuman katanya terlalu berat, lebih berat kepada hukuman orang yang melacurkan wanita. Rasa saya dalam kesalahan salah laku kaunselor ini ada juga yang terlibat dengan seks, jadi mungkin samalah keadaannya. Rasa saya kita cubalah, kita pinda pula yang hukuman pun memang saya setuju kalau ibu ayam, bapa ayam itu kita hukum seberat-beratnya dengan sebat sekali. Bukan hanya hukuman RM100,000 tetapi sebat sekali, biar dia rasanya. Beliau menyatakan bahawa.....

Dr. Tan Yee Kew: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kelang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Yee Kew: Minta penjelasan. Saya ingin tahu apakah status para kaunselor selepas penguatkuasaan undang-undang ini? Bolehkah mereka meneruskan tugas mereka? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, para kaunselor ini tidak menjalankan kegiatan kaunselor, dia membantu sahaja. Dia tidak boleh menjalankan khidmat kaunselor sebenarnya sebab khidmat kaunselor itu ada kaitan dengan psikologi. Mungkin tidak semua para kaunselor tahu psikologi, tetapi orang itu datang, dia boleh dengar, listen to them dan beri sedikit advice agaknya, lepas itu rujukkan kepada kaunselor dan mereka masih berperanan. Saya mencadangkan tadi, mungkin Yang Berhormat ada di luar, bahawa Lembaga Kaunselor boleh mengadakan kursus-kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para kaunselor ini dan kalau mereka berminat, dia bolehlah menambah lagi sehingga dia boleh layak

menjadi kaunselor. Itu hasrat saya kerana kita memang perlukan khidmat-khidmat mereka. Mengenai peraturan, etika dan fee memang sedang kita usahakan dan kaji.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi ada menyebut mengenai age of criminal responsibility yang sekarang ini ialah 10 tahun. Dalam perbincangan kita mengkaji semula akta-akta sosial, ada yang memberi pandangan dan pendapat bahawa patut kita turunkan kepada tujuh tahun. Turunkan kepada tujuh tahun ini bukan hasrat untuk menghukum tetapi oleh kerana kita dapati bahawa memang sudah ada kanak-kanak yang berumur tujuh tahun yang melakukan jenayah-jenayah yang teruk sehingga membunuh dan sebagainya. Kita hendak supaya awal-awal lagi anak-anak itu dapat kita pulihkan. Itu hasrat cadangan menurunkan umur kepada tujuh tahun, iaitu age of criminal responsibility, dengan izin.

Yang Berhormat dari Tawau menyatakan bahawa ianya dapat menjamin kepastian bahawa khidmat kaunseling ini baik dan masyarakat berpendapat kaunseling ditujukan kepada wanita, rasa saya tidaklah betul, tidak tepat juga sebab sekarang ini pelbagai golongan, pelbagai kumpulan yang memang memerlukan kaunseling, penagihan misalnya, masalah rumah tangga, masalah keluarga - masalah keluarga ini bukan sahaja dengan suami dan isteri, keganasan rumah tangga pun bukan hanya dengan suami dan isteri tetapi meliputi semua anggota keluarga, penderaan, pengabaian, kezaliman yang dilakukan terhadap saudara-mara, ibu bapa, mertua dan sebagainya dalam keluarga, bukan satu kumpulan untuk wanita sahaja.

Mereka yang kita katakan kurang kelayakan untuk memberi khidmat tetapi memberi khidmat, mereka boleh kita klasifikasikan sebagai pembantu-pembantu sosial (social helpers) kerana memang mereka membantu orang-orang yang memerlukan.

Yang Berhormat dari Yan mengatakan kaunseling ialah nasihat. Kalau ikut definisi Yang Berhormat dari Yan, semua orang boleh jadi kaunselor kerana nasihat sahaja bukan menjadikan kita kaunselor. Seperti saya kata tadi banyak perkara lain lagi yang perlu kita ketahui dengan mendalam untuk kita menjadi seorang kaunselor. Kementerian Pendidikan memang mengadakan guru-guru kaunseling dan mereka itu memang berkelayakan sebagai kaunselor. Tetapi kalau mereka hendak daftar diri sebagai kaunselor pun boleh, dia tidak hendak daftar pun boleh sebab dia dalam pekerjaan dia yang khusus, dia menjalankan kerja-kerja sebagai kaunselor. Memang dalam agama, dalam pelbagai aspek tiap-tiap agama memang adalah unsur-unsur kaunseling ini yang diberikan oleh tok guru-tok guru kita dan seperti yang kita sama-sama maklum, mereka itu memberikan nasihat, pertolongan kerana berasaskan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi sebahagian daripadanya telah pun saya jawab, rasa saya semua sudah dijawab, mengenai bahasa dan sebagainya. Beliau mengatakan bahawa kita tidak meminta pandangan daripada badan-badan kaunseling ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mengadakan beberapa kali perbincangan dengan pelbagai pihak, persatuan psikologi, persatuan psikiatri, macam-macam persatuan lagi dari

jabatan-jabatan, agensi kerajaan yang ada kaitan dan dengan 150 pertubuhan sukarela telah kita adakan perbincangan mengenai akta ini. Mungkin agaknya saya rasa oleh kerana perbadanan kaunseling masyarakat Cina ini tidak berdaftar agaknya di mana-mana dan tidak berdaftar di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana sebelum akta ini memang kita tidak ada kaitan dengan mana-mana badan kaunseling. Oleh kerana itu, mungkin mereka tidak dijemput untuk hadir. Mungkin adakah mereka hadir agaknya, saya pun kurang pasti tetapi kita berbincang dengan 150 NGO mengenai perkara ini selain daripada institusi pengajian tinggi yang menjalankan kursus-kursus ijazah dan sebagainya.

Amalan di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kita sentiasa mendapatkan pandangan-pandangan daripada orang ramai, badan-badan pertubuhan yang berkaitan, yang berkepakaran. Misalnya kajian mengenai undang-undang sosial di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah diwujudkan satu jawatankuasa khas. Kita juga telah mengadakan satu bengkel sehari untuk membincangkan peruntukan-peruntukan dan kajian-kajian pembaharuan yang kita buat.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Bolehkah saya minta penjelasan iaitu asalkan seorang tidak menggunakan nama sebagai kaunselor, jadi dia tidak terikat dengan akta ini. Jikalau dia menjalankan tugas-tugas sebagai memulih sosial atau memberi bantuan kepada penagih dadah, itu tidak kisah. Adakah kita perlu difahamkan bahawa asalkan mereka tidak menggunakan, katakan kaunselor, jadi mereka boleh menjalankan tugas atau amalan mereka tanpa mendapat kebenaran dari pihak yang berkenaan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dengan itu dia tidak boleh panggil diri dia kaunselor, just social helper sahajalah. Tetapi kalau dia ada kelayakan, kenapa dia tidak hendak daftar?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Dari segi undang-undang beberapa kes yang telah ditentukan menunjukkan tidak perlu social helper asalkan dia membuat pekerjaan yang menunjukkan dia membuat kerja sebagai kaunselor, dia terikat, dia perlu mendapat kebenaran. Saya mengatakan kepada jurusan yang lain, seperti peguam atau doktor, asalkan dia ada stetoskop, dia kata, saya tidak jadi doktor tetapi asalkan saya ada alat ini cukup. Itu basic requirement. Tetapi apa yang saya dengar dari Yang Berhormat Menteri mengatakan asalkan dia domestic or helper dan sebagainya, asalkan tidak menggunakan perkataan kaunselor, jadi ini memberi satu jaminan bahawa mereka tidak kena-mengena dengan akta. Adakah ini betul?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya takrif kaunselor tadi itu ialah mereka yang caj, fee dan 'for any consideration'. Maknanya,

kalau dia hendak buat kaunseling, dia daftarlah sebagai kaunselor. Kenapa dia tidak mahu daftar diri dia sebagai kaunselor?

Tuan M. Kulasegaran: Mengikut akta ini perlukan ijazah, yang di kawasan saya, saya ingat dia tidak ada kelulusan form five pun.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Then he cannot register himself as counsellor - tidak boleh mendaftar sebagai kaunselor.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi dia tidak boleh menjalankan tugas dia?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dia sebagai social helper sahajalah. Dia tidak boleh panggil diri dia kaunselor.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, bolehkah saya difahami bahawa asalkan dia tidak memanggil jurusan dia sebagai kaunselor, dia boleh jalankan tugas dialah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dia jalankan tugas bukan sebagai kaunselor.....

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi dengan fee, dia collect fee.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tak boleh.

Tuan M. Kulasegaran: Ini jadi masalah. *[Ketawa]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dia collect fee tak boleh. Saya kata tadi bukan sahaja fee, kalau caj, fee dan for any consideration - apa-apa balasan.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi masalah dia macam ini. Bila mereka menjalankan, katakan social obligation juga, mereka memerlukan wang untuk menjalankan.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yalah, tetapi daftarlah. Kalau tidak cukup kelayakan, cari kelayakan, tambah kelayakan untuk membolehkan dia membuat amalan-amalan kaunselor. Mana boleh, caj fee pula itu. Kalau tak caj fee itu, bolehlah saya katakan social helper sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Hendak beri jalan, dia bangun lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Satu soalan. Yang Berhormat Menteri bolehkah beritahu berapa kaunselor yang sedia ada dan berapa kaunselor yang diperlukan di negara ini pada masa ini? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang saya sebut tadi, yang berkelulusan daripada universiti-universiti lebih kurang 1,000. Yang ada di jabatan-jabatan seperti guru kaunseling, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga dan Jabatan Agama semua itu bilangannya saya tidak tahu sebab kita belum lagi daftar. Keperluan memang banyak. Saya boleh katalah keperluan memang banyak dengan adanya pelbagai masalah sosial dalam masyarakat kita.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Mentakab pula bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kuala Pilah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kaunselor yang dimaksudkan di bawah rang undang-undang yang kita bahaskan ini akan menjadi satu undang-undang yang baru di mana definisi kaunselor sebagaimana yang tercatat dalam seksyen 2 dan juga dari segi kelayakan pendaftaran sebagaimana seksyen 24. Maksudnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan sebentar tadi seolah-olah kaunselor, peguam, doktor, mereka adalah profesion yang berasingan, ada cara etika dia dan ada komitmen dia dan dia boleh buat caj mengikut profesion masing-masing. Tetapi kaunselor yang dimaksudkan di sini ialah satu profesion baru sebagai kaunselor yang perlukan mengikut peraturan-peraturan, prosedur-prosedur dan kelayakan. Jadi bermakna kelayakan itu pun ada disebut, maksudnya kelulusan universiti, daripada sekian-sekian di bawah Jadual Kedua. Adakah Yang Berhormat bersetuju itu yang maksud sebenarnya, bukan sebagaimana yang sahabat saya kata tadi. Yang dimaksudkan saya percaya, dia ini macam siapa pun boleh, macam sekolah-sekolah ada guru kaunseling. Ini dari segi kesesuaian sekolah dan tidak boleh dipanggil kaunselor yang berdaftar. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya sebutkan tadi?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya mereka yang berprofesion lawyer, doktor dan sebagainya itu dalam dia menjalankan kerja-

kerjanya dia memberi kaunseling, itu tidak ada hal sebab dia tidak panggil diri dia kaunselor, itu tidak apa. Tetapi macam tadi itu yang tidak ada kelayakan tetapi memberi kaunseling, ambil duit, tidak boleh, caj fee pula itu tak boleh. Memanglah dia perlu hendak menjalankan tugas, hendak pergi ke sana sini pun kena menggunakan petrol, tambang dan sebagainya, tetapi tidak dibenarkan, tidak dibolehkan sebab kita tidak hendaklah orang-orang yang tidak ada kelayakan, tidak ada kelulusan semua itu mengambil kesempatan pula.

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kementerian bercadang untuk mengawal caj yang berpatutan dikenakan oleh para kaunselor?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, caj itu memang kita sedang proses, samalah dengan etikanya, dengan aturan peraturannya yang diperlukan oleh undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut pasal nilai agama, budaya yang berlainan dan sebagainya, rasa saya ini tidak timbul. Dalam satu-satu kumpulan biasanya saya tengok orang memberi kaunseling walaupun ada pelbagai kaum tetapi tidak ada timbullah hal agama kalau group counselling. Kalau individual counselling, dia pergilah kepada kaunselor yang bersesuaian dan bertepatan dengan keperluannya.

Yang Berhormat dari Kota Setar tadi mencelah menyatakan bahawa pengkhususan bidang-bidang, ini memang dilaksanakan dari segi pengkhususan

bidang-bidang. Beliau risau pula umur 21 tahun tidak tahu apa benda lagi, tiba-tiba didaftarkan sebagai kaunselor. Tetapi kadang-kadang yang pergi mengambil kaunseling ini biasanya 'as a second degree', orang sudah ada pengalaman, sudah masuk dalam satu-satu profesion. Kalaupun agaknya fresh, rasa saya dia perlu juga ada pengalaman-pengalaman yang tertentu untuk memberi kepercayaan dan keyakinan kepada klien-kliennya. Walaupun yang lama, kadang-kadang orang tengok juga keberkesanannya. Kalau kaunselor itu tak berkesan, orang tak pergilah kepada dia. Jadi, ini semua akan ditentukan oleh market forces.

Yang Berhormat dari Teluk Intan tadi merasa agak runsing, katanya tidak ada dalam akta yang boleh memastikan bahawa seseorang kaunselor itu mesti berkhidmat di satu-satu tempat. Rasa saya semua profesion macam itu, kita bebaskanlah orang hendak pergi ke mana, lawyerkah, doktorkah, takkanlah pula kaunselor pun kita kena tentukan, kaunselor ini pergi ke Gerik, yang di sana pergi ke Gombak, yang ini pergi ke Teluk Intan, tak bolehlah macam itu. Walaupun keperluan-keperluan itu ada, saya rasa jabatan-jabatan kerajaan semakin hari semakin ramai melantik kaunselor khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama, Jabatan Pendidikan dan sebagainya, rasa saya kita akan dapatlah memenuhi keperluan-keperluan kaunseling bagi masyarakat kita. Beliau juga merasa runsing mengenai fee. Fee ini tentulah kita akan menentukan fee yang munasabah dan kita pun sedar bahawa keperluan-keperluan ini adalah daripada mereka yang memerlukan, mereka yang tidak mampu. Kalau mereka yang mampu bukan sahaja dia mendapatkan konsultasi

daripada dalam negara, dia mampu, dia pergi luar negara sekalipun, tetapi kita akan cater untuk ahli-ahli masyarakat kita.

Rasa saya itulah beberapa perkara yang telah ditimbulkan dan saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dan sama-sama menyatakan akan keperluan akta ini kita wujudkan dan sama-samalah kita melihat dan menentukan pelaksanaannya supaya ianya dapat terlaksana dengan baik dan sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.57 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang yang bernama Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 bagi bacaan kali kedua dan rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini sedang berada di dalam era pembangunan yang amat pesat. Sehubungan dengan itu, pembangunan yang tidak kurang pesatnya juga dilihat dalam industri maritim negara. Aktiviti-aktiviti pelabuhan yang terus meningkat ekoran pertambahan di dalam bilangan kapal-kapal yang singgah dan jumlah kargo-kargo yang dikendalikan adalah testimoni kepada perkembangan tersebut. Kemajuan industri maritim negara juga dapat dilihat di dalam pertambahan tanan angkatan perkapalan dagang Malaysia dan juga pelaburan di dalam infrastruktur pelaburan bagi menampung perdagangan yang bertambah dari tahun ke setahun.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hasrat menarik pelaburan asing ke Malaysia, meningkatkan kapasiti kapal-kapal daftaran Malaysia bagi menampung keperluan pengangkutan dagangan negara, membangunkan industri maritim secara amnya dan di atas sebab syarikat-syarikat perkapalan asing bersedia memindahkan operasi syarikat dan perkapalan mereka ke Malaysia dengan syarat pegangan saham syarikat yang akan ditubuhkan di Malaysia kekal di tangan mereka, maka dicadang ditubuhkan satu pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia sebagai tambahan kepada pendaftaran kapal sedia ada. Cadangan pengwujudan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini adalah salah satu cara bagi memenuhi keperluan syarikat perkapalan asing untuk mendaftar kapal di Malaysia tetapi masih mengekalkan majoriti pegangan saham syarikat mereka yang mana tidak dibenarkan oleh pendaftaran kapal tradisional Malaysia sedia ada.

Di bawah sistem pendaftaran kapal sedia ada, majoriti saham syarikat perlu berada di tangan rakyat Malaysia. Pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini dijangka akan menarik lebih ramai pelabur asing ke Malaysia dan seterusnya membantu mencapai hasrat seperti yang disebutkan di atas.

Secara amnya, pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang dicadangkan bertujuan untuk:

- (i) mewujudkan peruntukan baru bagi penubuhan pendaftaran kapal antarabangsa;
- (ii) mengemaskan peruntukan Ordinan 1952 berkaitan dengan pelesenan perkapalan dalam negeri;

- (iii) mengemaskan peruntukan berkaitan dengan takrif 'bot' di dalam Ordinan 1952; dan
- (iv) mengemaskan peruntukan berkaitan dengan sijil pendaftaran sementara ataupun provisional certificate of registry, dengan izin, yang dikeluarkan kepada kapal-kapal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Minta sambung besok ya.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.00 malam.